

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU – PEMBAIKAN INFRASTRUKTUR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
 - a) Berapakah daripada dana RM50 juta geran ini bagi pembinaan infrastruktur baru jika ada?
 - b) Berapakah pecahan yang akan diperuntukkan bagi pembaikan jalan raya dan berapakah bagi pembaikan perparitan?
 - c) Apakah badan atau agensi pemantau yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek pembaikan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Dana RM50 juta ini adalah untuk membaik pulih kemudahan awam untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Ini termasuk pembaikan jalan raya, parit dan longkang dan tidak termasuk pembinaan infrastruktur baru.
- b) Peruntukan diberi mengikut keperluan (tidak ditetapkan mengikut pecahan).
- c) Jawatankuasa kerja Geran Selangorku yang bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri seperti JKR dan pihak berkuasa tempatan memantau pelaksanaan projek-projek ini bersama-sama dengan wakil-wakil rakyat di kawasan terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : HASIL PENDAPATAN NEGERI

2. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- (a) Sila senaraikan berapakah jumlah cukai yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri secara perbandingan sejak 5 tahun yang lepas ?
- (b) Sila senaraikan berapakah jumlah tunggakan hasil bagi setiap Pejabat Daerah Dan Tanah serta kesemua PBT di Negeri Selangor sehingga 31/12/2011 ?
- (c) Sila nyatakan apakah pendekatan dan kaedah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengutip semula tunggakan hasil cukai tersebut ?

JAWAPAN:

- (a) Jumlah cukai yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2011 adalah sebanyak RM1.634 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM62.5 juta atau 4% berbanding kutipan tahun 2010 sebanyak RM1.571 bilion. Perbandingan jumlah hasil yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2005 sehingga tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1 : Hasil Negeri Selangor Bagi Tahun 2005 hingga 2011

PERIHAL	2005	2006	2007	2008
	RM	RM	RM	RM
Hasil Cukai	360,770,247.08	452,126,308.67	446,049,926.81	495,832,249.38
Hasil Bukan Cukai	474,617,260.72	491,907,792.08	559,819,627.25	676,940,720.95
Terimaan Bukan Hasil	132,369,254.36	216,175,832.78	279,230,550.86	343,568,687.24
JUMLAH HASIL	967,756,762.16	1,160,209,933.53	1,285,100,104.92	1,516,341,657.57

PERIHAL	2009	2010	2011
	RM	RM	RM
Hasil Cukai	471,561,692.78	517,744,564.31	534,323,456.32
Hasil Bukan Cukai	471,153,395.01	674,055,368.07	791,183,353.58
Terimaan Bukan Hasil	821,154,577.30	379,703,774.44	308,502,335.21
JUMLAH HASIL	1,763,869,665.09	1,571,503,706.82	1,634,009,145.11

- (b) i) Jumlah tunggakan hasil Cukai Tanah Negeri Selangor sehingga 31 Disember 2011 adalah berjumlah sebanyak RM425,276,892.04. Perincian tunggakan bagi setiap Pejabat Daerah dan Tanah adalah seperti berikut:

BIL	Pejabat Daerah dan Tanah	Jumlah Tunggakan Hasil Cukai Tanah Sehingga 31 Disember 2011 (RM)
1.	Klang	52,123,314.06
2.	Petaling	196,666,002.96
3.	Gombak	60,458,097.15
4.	Hulu Langat	33,078,746.37
5.	Hulu Selangor	67,381,109.96
6.	Kuala Selangor	4,629,411.78
7.	Sepang	5,204,177.80
8.	Kuala Langat	4,339,665.42
9.	Sabak Bernam	1,396,366.54
Jumlah		425,276,892.04

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil, SPHT-MIS

- ii) Jumlah Tunggakan Cukai Taksiran sehingga 31 Disember 2011 berdasarkan Laporan Bulanan yang dikemukakan oleh PBT Negeri Selangor adalah seperti berikut:

BIL	PBT	Jumlah Tunggakan Cukai Taksiran Sehingga 31 Disember 2011 (RM)
1.	MBSA	11,225,631.17
2.	MBPJ	20,297,341.00
3.	MPK	17,935,379.98
4.	MPAJ	5,564,628.80
5.	MPSJ	2,279,843.88
6.	MPS	2,669,972.16
7.	MPKj	641,296.13
8.	MPSp	1,511,969.00
9.	MDKL	717,089.76
10.	MDHS	4,564,186.49
11.	MDKS	13,706,141.28
12.	MDSB	1,150,029.81
Jumlah		82,263,509.46

Sumber: Seksyen PBT, UPEN.

- (c) i) Bagi mengutip Tunggakan Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor, pendekatan dan kaedah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-
- 1) Pemantauan prestasi kutipan hasil Cukai Tanah Semasa dan Tunggakan Cukai Tanah semua Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil, Penyusunan Strategi dan Kewangan Unit Hasil Daerah yang dianggotai oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, semua Pejabat Daerah dan Tanah, dan Bahagian Teknologi Maklumat SUK Selangor.
 - 2) Meneruskan aktiviti Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip) yang dimulakan dari tahun 2009 sehingga kini. Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-

- a) Program Ketuk Pintu (*Knock Door*) iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - b) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - c) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - d) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan, maka Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.
- 3) Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Tanah dan Daerah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
- a) Mengenal pasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - b) Membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Tanah Daerah di kawasan pedalaman;
 - c) Membuka kaunter pada waktu rehat; dan
 - d) Menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara *online* dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
- 4) Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri dan di peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan

tunggakan cukai tanah secara holistik terutama bagi hakmilik yang terlibat dengan permasalahan tanah.

- 5) Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah bagi 3 Pejabat Tanah Daerah utama iaitu Petaling, Klang dan Gombak dalam tempoh setahun dengan sasaran kutipan sebanyak RM151juta bagi meningkatkan kecekapan urusan kutipan tunggakan cukai tanah.
 - 6) Kerajaan Negeri juga telah meningkatkan sasaran bagi Anugerah Hasil Cukai Tanah Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor dengan menaikkan sasaran pencapaian prestasi kutipan Cukai Tanah Semasa daripada 90 peratus kepada 95 peratus dan kutipan Tunggakan Cukai Tanah daripada 70 peratus kepada 75 peratus. Insentif yang diberikan kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang mencapai sasaran juga telah dinaikkan daripada RM100,000.00 kepada RM200,000.00.
 - 7) Selain itu, hebahan kepada orang awam melalui laman web Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan MySMS, Radio Hot FM, akhbar Berita Harian dan The Star bagi menggalakkan penukaran alamat di GERAN SPTB supaya Bil Cukai Tanah dapat disampaikan ke alamat terkini pemilik tanah.
- ii) Bagi mengutip Tunggakan Hasil Pihak Berkuasa Tempatan, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri buat masa ini adalah untuk memastikan kutipan Cukai Taksiran Semasa mencapai sasaran 90 peratus dan Tunggakan Cukai Taksiran dapat dikutip sehingga 70 peratus dan di antaranya adalah memberikan diskaun ke atas Denda Lewat Cukai Taksiran sehingga 70 peratus kepada para penghutang Cukai Taksiran pada tahun 2009.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan komited dalam memastikan hasil cukai dapat dikutip dan di antara kaedah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 1) Menjalankan “personal approach” bagi syarikat, pemaju dan individu yang mempunyai tunggakan yang tinggi;
- 2) Mewujudkan Jawatankuasa Hasil/ Task Force yang berfungsi untuk memantau prestasi kutipan dan isu-isu tunggakan cukai yang tinggi;
- 3) Memberi kemudahan bayaran secara ansuran bagi menggalakkan bayaran cukai tunggakan;
- 4) Mempelbagaikan saluran bayaran melalui perkhidmatan bank secara online;
- 5) Menyediakan kaunter bergerak bagi mempermudah bayaran dengan lokasi yang strategik; dan
- 6) Mengadakan operasi sita secara berkala.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: PERUNTUKKAN AHLI MAJLIS MPAJ ZON 24

3. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Ahli Majlis MPAJ Zon 24 telah membelanja untuk lawatan sambil belajar ke Kelip-Kelip Kuala Selangor pada tahun Nov 2011 sila jelaskan kenapa kos tersebut begitu tinggi dan sila kemukakan semua bukti atau bil.
 - b) Ahli Majlis MPAJ Zon 24 telah membelanja peruntukkan hiasan bagi Hari Raya Cina 2011 sila kemukakan semua bukti seperti dimanakah lampu ini digantung dan bil.
 - c) Berapakah jumlah peruntukkan ahli majlis zon 24 digunakan untuk pengubahsuaian pejabat dan adakah kegunaan tersebut dibenarkan? Sila jelaskan.

JAWAPAN:

- a) Program Lawatan Sambil Belajar ke Kelip-kelip Kuala Selangor telah dicadangkan oleh JKP Zon 24. Pihak MPAJ telah meluluskan peruntukan RM10,472.00 kerana ia tidak menyalahi garis panduan permohonan peruntukan kepada JKP oleh Ahli Majlis. Garis panduan tersebut menyatakan bahawa JKP boleh melaksanakan program-program kemasyarakatan untuk penduduk. Walau bagaimanapun, program Lawatan Sambil Belajar ke Kelip-kelip Kuala Selangor tersebut tidak **diadakan dan telah dibatalkan**.
- b) Ahli Majlis Zon 24 telah mengadakan program hiasan lampu sempena Tahun Baru Cina di sekitar kawasan-kawasan **Pangsapuri Meranti, Pangsapuri Kempas, Pangsapuri Cengal, Danau Mas, Taman Bukit Segar, Pangsapuri Monte Bayu, Taman Bukit Segar Jaya 2, Pangsapuri Cemara, Pangsapuri Bukit Segar Dan Pejabat JKP**. Perbelanjaan bagi program ini berjumlah **RM3,150.00. Sila rujuk lampiran 1 hingga lampiran 9 untuk bukti dan bil.**
- c) Pihak MPAJ telah melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk mengambil alih dewan-dewan orang ramai di kawasan pentadbiran MPAJ melalui keputusan MMKN 18/2008. Setiap JKP telah diperuntukkan RM 7,000.00 untuk pembaikan dewan-dewan tersebut. Sebuah dewan orang ramai yang telah uzur diambil alih oleh MPAJ di kawasan JKP Zon 24. Pihak MPAJ mendapati dewan orang ramai tersebut telah mengalami kerosakan teruk dan tidak boleh digunakan sebagai dewan orang ramai dan pejabat JKP Zon 24. Kerosakan yang terdapat pada dewan tersebut adalah seperti kerosakan pada lantai, bumbung dan tandas. Arkitek daripada jabatan Bangunan dan Senibina MPAJ telah mengesahkan

kerosakan-kerosakan pada bangunan tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak MPAJ telah bersetuju meluluskan peruntukan RM8,000.00 untuk JKP Zon 24 dengan mengambil kira kerja-kerja yang perlu dilakukan bagi membolehkan dewan orang ramai termasuk pejabat JKP Zon 24 tersebut sedia untuk digunakan. Kerja-kerja pembaikan yang terlibat adalah seperti memasang bumbung, membaiki tandas, membaiki lantai, saluran air hujan, membekalkan air, memasang pintu serta tingkap dan jeriji besi, mengecat dan pembersihan telah siap dilaksanakan.



SIAN KENG ENG (SALLY)
AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
PEJABAT PERKHIDMATAN
JAWATANKUASA PENDUDUK MPAJ ZON 24,
C-S-2, PANGSAPURI KEMPAS, JALAN CHERAS HARTAMAS,
43100 SELANGOR
TEL/ FAX: 03-91015797 H/P : 012-2881387 E-MAIL : salsian@vsn.com



LAMPIRAN 1

28hb Jan 2011

Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama
Pandan Indah Selangor
55100 Kuala Lumpur

Dato / Tuan,

PERMOHONAN PERUNTUKAN UNTUK HIASAN LAMPU DI ZON 24 SEMPENA HARI RAYA
CINA 2011

Saya ingin memohon peruntukan sebanyak RM3150 untuk lampu hiasan diberikan kepada setiap taman dan pangsapuri Zon 24 sempena Hari Raya Cina Resit dilampirkan bersama.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

SIAN KENG ENG (SALLY)
Ketua Pengerusi Zon 24





SIAN KENG ENG (SALLY)
 AHLI MAJLIS
 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
 PEJABAT PERKHIDMATAN
 JAWATANKUASA PENDUDUK MPAJ ZON 24,
 C-S-2, PANGSAPURI KEMPAS, JALAN CHERAS HARTAMAS,
 43200 SELANGOR
 H/P : 012-2881387 E-MAIL : salsian@yahoo.com



PAYMENT VOUCHER

DATE : 28-1-11

Pay To *Theng Guan Electrical Machinery S B*

Particulars	Amount RM
<i>Twinkle LED light for each housing in zon 24 - Hai Raya</i>	<i>3,150.00</i>
	/
	/
	/
	/
Total RM <i>Three Thousand One Hundred And Fifty Only</i>	<i>3,150.00</i>

Cash/ Cheque No. *072643*

Prepared by

Sian Keng Eng
 SIAN KENG ENG
 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
 KETUA

Approved by



Receiver's Signature

[Signature]

CASH SALE



東源電器機械有限公司

THUNG GUAN ELECTRICAL MACHINERY SDN. BHD.

(No. Syarikat: 71574-X)

No. 8 & 10, Jalan Gandek, Off Jalan San Peng, 55200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 92211811 (Hunting Line), 92211819, 92211910, 92222090

Fax: (03) 92229014

M/s JKP

Nº 32911

Date 24/1/2011

Qty.	PARTICULARS	Price	Amount
75 set	Twinkle 100LT X'mas LED X'mas Light c/w IC Controller (Red)	21.00	1,575.00
75 set	Twinkle 100LT LED X'mas Light c/w IC Controller (Multi)	21.00	1,575.00
			<u>3,150.00</u>

SIAN KENG ENG
AMLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
KETUA JKP ZON 24

Selina

Customer's Signature
(Please Chop & Sign)



For Thung Guan Electrical Machinery Sdn. Bhd.



BORANG KELULUSAN
PERUNTUKAN AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BORANG JM/BP 001

10

LAMPIRAN 4

1. MAKLUMAT PROGRAM

- 1.1 Nama Program : Hiasan Lampu Sempena Hari Raya Cina 2011
1.2 Tarikh Program : -
1.3 Tempat / Lokasi : Kawasan JKP ZON 24
1.4 Penganjur : JKP ZON 24

2. MAKLUMAT KEWANGAN

- 2.1 Permohonan peruntukan : RM 3,150.00
2.2 Perincian peruntukan : Seperti kertas kerja / surat serta dokumen Sokongan lain (asal) yang dilampirkan

3. ULASAN AHLI MAJLIS

Saya bersetuju / tidak bersetuju untuk mengeluarkan peruntukan bagi membiayai program ini sebanyak Rm 3,150.00 daripada peruntukan saya sebagai Ahli Majlis bagi tahun 2010 / 2011.

Bayaran hendaklah dibuat atas nama : JKP MPAJ ZON 24

Bank : RHB, No. Akaun :

(SIAN KENG ENG)

Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Tarikh : 13.10.2011

4. KELULUSAN MPAJ

- 4.1 Baki Peruntukan Ahli Majlis pada 11 Okt 2011 ialah RM 35,478.00
4.2 Keputusan Permohonan Peruntukan : LULUS / ~~TIDAK LULUS~~
4.3 Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan : RM 3150.00

(KHAIRILAZHAR BIN ISMAIL)

Pengarah
Jabatan Belia Dan Masyarakat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Tarikh: 14.10.11

LAMPIRAN 5

Sumbangan lampu hiasan Twinkle 100 LED kepada JKP Zon 24 untuk merayakan Tahun Baru Cina
24/01/2011

Taman / Pangsapuri	Penerima	H/p No	Tandatangan	Chop
1 PANGSAPURI MERANTI	DARAR NORAIN	012-2251914		BADAN PENGURUSAN MERANTI (MPAJ 04/7/4 - 49/2007) Management Office, Block C Ground Floor, Pangsapuri Meranti, Taman Cheras Hartamas, 43200 Cheras, Selangor.
2 PANGSAPURI KEMPAS	MS WOO	-		SEKOLAH PANGSAPURI KEMPAS No. 10, Pangsapuri MPAJ 04/7/4-49/07 Management Office, Block C, Pangsapuri Kempas, Cheras, Selangor. 17011000-080000 43200 Cheras, Selangor.
3 PANGSAPURI CENGAL	Selina Yap	016-2840748		TAMAN BUKIT SECAP TERRACE HOUSE CHERAS SELANGOR
4 DANAU MAS	wong cp	010-3664402		
5 TAMAN BUKIT SEGAR	Julie Lim	016-7103898		
6 PANGSAPURI MONTE BAYU	MARCUS ONG	012-213 7325		
7 TAMAN BUKIT SEGAR JAYA 2	L-celtra	012-3353473		PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BUKIT 10 SEGAR JAYA 2 DRAIN 3, CHERAS.
8 PANGSAPURI CEMARA	AYU	0183211700		
9 TAMAN BUKIT SEGAR JAYA 1				
10 PANGSAPURI BKT SEGAR	Muhammad AAS	016 8026024		Pengerusi Surau Yusof Al-Amin (010034100) Surau Taman Bukit Segar, Cheras Hartamas 43100 Cheras, Kuala Lumpur.
11 PEJABAT JKP	SALLY SIAM	0122881387		SUAN KENG ENG AHLI MALIS MALIS PERBANDARAN AMPANG JAYA KETUA JKP ZON 24

**Pangsapuri
Cengal**
MPAJ 04/7/4-51/2007

Badan Pengurusan Cengal
Block C - Jalan Cheras Hartamas
Taman Cheras Hartamas
43200 Cheras Selangor

LAMPIRAN 6

Tel: 03-91011467

Fax: 03-91022970

Date:

Ahli Majlis Zone 24 - Miss Sally Sian
JKP Office
Cheras Hartamas
Selangor

Dear Ahli Majlis - Miss Sally Sian

Re: Thank you Letter
for sponsoring LED Light for our Taman

With reference to the above, we the JMB of Pangsapuri Cengal wish to Thank
Ahli Majlis Miss Sally for sponsoring the LED Light to our Taman for the Chinese
New Year decoration.

Thank you for the said contribution.

Yours faithfully,



Miss Selina Yap
JMB Chairman

Badan Pengurusan Cengal

No. Rujukan: MPAJ 04/7/4-51/2007

Management Office, Block C,
Pangsapuri Cengal, Ground Floor,
Tmn Cheras Hartamas,
43200 Cheras, Selangor.

Tel: 03-9101 1467 Fax: 03-9102 2970

Print - Close Window

Subject: Thank You for the LED Lights
From: Marcus Ong (marcusong78@gmail.com)
To: salsian@yahoo.com;
Cc:
Bcc:
Date: Friday, Feb 11, 2011 10:57 PM

Hi Sally,

On behalf of Monte Bayu Condominium, I thank you for the lovely LED lights to add the CNY atmosphere. I told my management to extend the hour till midnight for the residents to enjoy and they love it. We put it between the swimming pool and the playground because the guardhouse is already cluster with our own CNY deco.

Many thanks once again and wishing you and your family a Happy Chinese New Year.

Best Regards,
Marcus Ong
Chairman - Monte Bayu
JKP Zon24



Persatuan Penduduk Cheras Hartamas – Danau
Mas (2191-07-SEL)

Sally Sian
Ahli Majlis MPAJ Zone 24

5th February 2011

Dear Madam,
Subject: Decorative Lighting

We would like to thank you for your contribution on the decorative lighting in our Garden. We have received and installed all the Lighting on the 1st Feb 2011.

The Lighting has indeed made our Garden better Environment to celebration the Chinese New Year 2011.

Once again, thank you for answering our request.

Yours faithfully,


CP Wong
The President
Persatuan Penduduk Taman Cheras Hartamas-Danau Mas Cheras, Selangor

Cc Exco and Committees of PPTCH

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : PERLANTIKAN AHLI MAJLIS

4. Pelantikan Ahli Majlis pada penggal 2012 belum dijalankan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah masalah menyebabkan pelantikan Ahli Majlis tertangguh?
- b) Apakah kuota Ahli Majlis yang diperuntukkan untuk badan NGO menjadi?
- c) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk melantik Ahli Majlis yang profesional dan bukan dari ahli politik?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KEUNTUNGAN GLC

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan keuntungan semua GLC sepanjang tahun 2011.
- b) Apakah masalah yang dihadapi bagi GLC bukan berorientasikan keuntungan?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 31 Disember 2011, terdapat sembilan (9) GLC / Badan Berkanun yang telah memperolehi keuntungan manakala terdapat empat (4) GLC / Badan Berkanun yang mengalami kerugian (Penyata Kewangan Belum Diaudit). Perincian keuntungan dan kerugian yang dicatatkan syarikat-syarikat tersebut pada tahun kewangan 2011 adalah seperti berikut:

Bil	Anak-Anak Syarikat	Keuntungan / (Kerugian) Belum Diaudit (RM)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	240,834,000.00
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	27,156,235.00
3.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	13,774,019.00
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	12,326,730.00
5.	Yayasan Selangor	7,400,000.00
6.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	2,450,991.43
7.	Selangor State Investment Centre (SSIC)	1,487,164.67
8.	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	594,955.13
9.	MSNS Holdings Sdn Bhd	70,772.64
11.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC)	(222,660.81)
12.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	(565,311.81)
13.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	(11,179,000.00)

b) Antara masalah yang dihadapi oleh GLC yang tidak berorientasikan keuntungan ialah:

- (i) Pendapatan yang dijana tidak dapat menampung perbelanjaan syarikat di mana GLC tersebut perlu mendapatkan geran daripada Kerajaan Negeri untuk membiayai perbelanjaan operasi dan pengurusan syarikat.
- (ii) Aktiviti-aktiviti utama GLC tersebut ialah melaksanakan Program Mempromosikan Negeri Selangor dan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di mana pelaksanaan program-program tersebut melibatkan kos operasi yang tinggi seperti Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Anak Warisan Selangor (TAWAS) dan TV Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: KEMUDAHAN ASAS SEPERTI JALAN DAN LONGKANG LUAR BANDAR

6. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Mengapa keadaan kemudahan asas di kawasan luar bandar tidak diselenggara dengan baik?
 - b) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap perkara ini?

JAWAPAN:

- a) Setiap tahun Kerajaan Negeri menyediakan sejumlah peruntukan bagi tujuan membina atau menaik taraf serta baik pulih kemudahan asas di kawasan luar bandar bagi sembilan (9) Daerah di Negeri Selangor. Dalam hal ini, sejumlah RM41,516,286.55 telah di sediakan yang merangkumi sebanyak 1662 projek bagi kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf jalan, longkang, kemudahan sukan dan gerai PLB untuk dilaksanakan daripada tahun 2008 sehingga tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM13,503,196.52 iaitu sebanyak 690 buah projek telah diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan-jalan kampung manakala sebanyak RM4,405,401.40 yang merangkumi 208 projek telah di sediakan bagi kerja-kerja menaik taraf longkang dan saluran.

Dalam hal ini, peruntukan tersebut disalurkan kepada Pejabat-pejabat Daerah bagi tujuan pelaksanaan projek-projek tersebut berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), aduan penduduk serta pemantauan yang dibuat sendiri oleh Pejabat Daerah dan ianya juga dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri (ADN) di kawasan berkaitan. Pemilihan projek-projek tersebut adalah berdasarkan keperluan dan tahap kritikal sesuatu kawasan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan sentiasa peka terhadap keperluan penyelenggaraan kemudahan asas luar bandar serta memastikan perkara ini tidak diabaikan selaras dengan objektif Kerajaan Negeri yang sentiasa memastikan Negeri Selangor menjadi negeri idaman dengan kemajuan dikekalkan dan kebajikan rakyat diutamakan.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap keperluan penyelenggaraan kemudahan asas luar bandar terutamanya jalan dan longkang. Bagi menjamin perkara ini, pemantauan dari masa ke semasa oleh semua Pejabat Daerah akan terus dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor. Selain itu, permohonan-permohonan daripada Ahli Dewan Negeri, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta rakyat turut diberi perhatian bagi memastikan keperluan kemudahan asas dapat disediakan serta diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa banyak peruntukan yang telah diluluskan dan dibelanjakan dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor sejak ianya dilancarkan pada tahun 2009 mengikut DUN?
 - b) Berikan bilangan pelajar yang telah menerima manfaat dalam program ini dan adakah kerajaan akan menambah bilangan mata pelajaran demi menjadikan PTRS lebih menarik kepada pelajar-pelajar?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang telah diluluskan pada setiap tahun bermula 2009 adalah sebanyak RM 3.45 Juta dan peruntukan ini dibahagikan sama rata kepada 56 Dun. Walau bagaimanapun, Dun Kampung Tunku telah tidak menggunakan peruntukan tersebut dan peruntukan yang telah diberikan itu telah dikongsikan bersama Dun Sungai Panjang dan Dun Pelabuhan Klang yang memerlukan peruntukan tambahan disebabkan bilangan pelajar yang ramai.
- b) Jumlah pelajar yang telah menerima manfaat dalam program ini sejak tahun 2009 sehingga 2011 adalah sebanyak 13,417 orang. Berikut adalah bilangan pelajar yang mengikuti Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) mengikut Dun.

BIL	NAMA KAWASAN (DUN)	BILANGAN PELAJAR		
		2009	2010	2011
1	HULU BERNAM	100	104	93
2	KUALA KUB BARU	100	65	34
3	RAWANG	100	100	100
4	BATANG KALI	80	50	90
5	TAMAN TEMPLER	100	90	58
6	BATU CAVES	85	65	79
7	BUKIT ANTARABANGSA	100	100	122
8	GOMBAK SETIA	85	88	77

9	HULU KLANG	75	45	102
10	LEMBAH JAYA	89	75	90
11	KAJANG	100	70	30
12	CEMPAKA	68	53	20
13	SEMENYIH	95	160	116
14	TERATAI	85	35	154
15	DUSUN TUA	95	130	76
16	DENGKIL	35	100	90
17	BALAKONG	100	90	68
18	BANGI	100	95	39
19	SRI KEMBANGAN	75	65	95
20	SRI SERDANG	100	65	38
21	KINRARA	80	60	53
22	DAMANSARA UTAMA	100	89	17
23	BUKIT LANJAN	50	-	100
24	TANJUNG SEPAT	100	100	100
25	SIJANGKANG	100	100	100
26	TELOK DATOK	100	104	100
27	MORIB	100	100	98
28	SUNGAI PELEK	100	100	85
29	SG AIR TAWAR	40	96	99
30	SABAK	75	90	100
31	SUNGAI PANJANG	60	100	140
32	SEKINCHAN	79	72	83
33	SUNGAI BURONG	100	100	100
34	PERMATANG	48	45	50

35	BUKIT MELAWATI	100	100	100
36	IJOK	100	100	100
37	JERAM	100	100	120
38	KUANG	93	82	98
39	SUBANG JAYA	12	27	20
40	SERI SETIA	50	90	80
41	TAMAN MEDAN	95	100	92
42	BUKIT GASING	8	20	46
43	KAMPUNG TUNKU	-	-	-
44	PAYA JARAS	-	44	100
45	KOTA DAMANSARA	70	79	77
46	KOTA ANGGERIK	70	100	100
47	BATU TIGA	100	100	85
48	MERU	100	100	130
49	SEMENTA	100	100	100
50	SUNGAI PINANG	51	50	49
51	SELAT KLANG	89	98	100
52	PELABUHAN KLANG	-	62	158
53	PANDAMARAN	51	42	53
54	KOTA ALAM SHAH	57	88	30
55	SERI ANDALAS	74	57	42
56	SRI MUDA	100	100	100
	JUMLAH KESELURUHAN	4333	4508	4576

Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor buat masa ini tidak bercadang untuk menambah bilangan matapelajaran sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Program Tuiyen Rakyat Selangor (PTRS), dan ini juga disebabkan oleh peruntukan yang terhad. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor dengan kerjasama Yayasan Selangor telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program tambahan khusus untuk matapelajaran Matematik Tambahan bagi meningkatkan pencapaian keputusan pelajar dalam matapelajaran tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: GERAN PILIHANRAYA BERSIH DAN ADIL

8. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan Negeri bagi memastikan pilihanraya akan datang bersih dan adil?
 - b) Siapakah AJK dalam jawatankuasa yang bertanggungjawab?

JAWAPAN:

- a) Memperoleh Pilihan raya yang adil adalah hak setiap rakyat di negara ini. Memandangkan telah banyak kepincangan yang dilaporkan sama ada dalam proses Pilihan raya itu sendiri mahupun Daftar Pemilih maka Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM10 juta di bawah Geran Selangorku untuk membantu proses ini bagi memastikan amalan demokrasi tulen di negeri ini. Jumlah RM10 juta ini termasuk untuk memberi pendidikan kepada rakyat peri penting sebuah Pilihan raya yang adil, hak serta tanggungjawab mereka.
- b) Tiada Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk program ini tetapi Jawatankuasa Pemandu bagi Geran Selangorku terdiri dari Pegawai Kerajaan yang komited dan golongan profesional.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PEMBERIMILIKAN TANAH

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah bilangan permohonan dan pemberimilikan tanah dikeluarkan kepada penduduk Kampung Tradisi dan Kampung Baru sejak Mac 2008 untuk kegunaan kediaman dan pertanian?
 - b) Berapa lama yang diperlukan untuk pemprosesan permohonan tanah kerajaan kepada hak milik persendirian?
 - c) Apakah dasar Kerajaan terhadap pemberimilikan tanah pegangan kekal(free hold)?


JAWAPAN :


- a) Bilangan permohonan dan pemberimilikan tanah yang dikeluarkan kepada Penduduk Kampung Tradisi dan Kampung Baru sejak Mac 2008 hingga sekarang bagi tujuan bangunan kediaman dan pertanian adalah seperti berikut :-

Bilangan Kelulusan Permohonan Pemberimilikan Tanah Yang Telah Dikeluarkan Kepada Penduduk Kampung Tradisi dan Kampung Baru Untuk Tujuan Bangunan Kediaman dan Pertanian		
DAERAH	KAMPUNG TRADISI	KAMPUNG BARU
KLANG	tiada	208
SABAK BERNAM	259	737
GOMBAK	tiada	785
HULU SELANGOR	26	28
PETALING	tiada	1079
HULU LANGAT	2235	1073
KUALA SELANGOR	tiada	17
KUALA LANGAT	1425	204
SEPANG	tiada	20
JUMLAH	3945	4151

- b) Tempoh masa yang diperlukan bagi memproses permohonan tanah Kerajaan

kepada hakmilik persendirian adalah seperti berikut:-





Nota :

PTD : Pejabat Tanah Daerah

PTG : Pejabat Tanah dan Galian Selangor

Pelan QT : Pelan Qualified Title

SUMMKN : Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

c)

- i. Di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, Pemberimilikan Tanah Kerajaan adalah untuk satu tempoh yang tidak melebihi daripada sembilan puluh sembilan (99) tahun.
- ii. Walau bagaimanapun di bawah peruntukan seksyen 76(aa) (ii) dan (iii) Kanun Tanah Negara 1965, pemberimilikan tanah secara pegangan selama-lamanya boleh dilaksanakan jika
- iii. Sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa tanah itu akan digunakan untuk tujuan awam (seksyen 76(aa) (ii)) dan jika sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang memerlukan ia berbuat demikian (seksyen 76(aa) (iii)).
- iv. Bagi pemberimilikan dalam keadaan-keadaan khas, Kerajaan Negeri Selangor menerima pakai "Ketetapan Majlis Tanah Negara Ke-64 Mengenai Pemberimilikan Tanah Dalam Keadaan-Keadaan Khas Untuk Pegangan Selama-Lamanya Di Bawah Seksyen 76(aa)(ii) Kanun Tanah Negara 1965" melalui Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2009.
- v. Bagi tanah-tanah yang telah diberimilik secara pegangan pajakan, penukaran status pegangan pajakan kepada pegangan kekal hanya apabila Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang memerlukan ia berbuat demikian. Selaras dengan apa yang digariskan oleh Mesyuarat ke-64 Majlis Tanah Negara, Kerajaan Negeri dikehendaki merujuk kepada MTN untuk mendapat persetujuan sekiranya pemberimilikan secara pegangan kekal dalam keadaan-keadaan khas tertentu diperlukan.

- vi. Kanun Tanah Negara 1965 tidak memperuntukkan secara khusus apakah keadaan-keadaan khas tersebut, sebaliknya Garis Panduan melalui Mesyuarat ke-64 Majlis Tanah Negara telah jelas menyatakan bahawa Kerajaan Negeri dikehendaki
- vii. Merujuk semula kepada Majlis Tanah Negara untuk mendapat persetujuan sekiranya pemberimilikan secara pegangan kekal dalam keadaan-keadaan khas tertentu diperlukan selaras dengan kuasa yang diperuntukkan oleh Artikel 91(5) Perlembagaan Persekutuan.
- viii. Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri perlu memberikan asas yang kukuh kepada Majlis Tanah Negara jika sesuatu tanah dicadangkan diberimilik secara pegangan kekal di mana termasuk dalam keadaan-keadaan khas di bawah Garis Panduan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: PERMASALAHAN BANJIR

10. Secara amnya jika berlakunya banjir akan mengakibatkan kerugian kepada harta benda serta kehilangan nyawa, kebanyakan masalah banjir kilat yang kerap berlaku adalah berpunca daripada sistem perparitan yang bermasalah.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah bentuk kemudahan dalam menangani dan menambahbaikkan sistem perparitan sedia ada bagi mengatasi masalah tersebut?
- b) Selain dari melebar dan mendalamkan sistem perparitan serta menyediakan kolam takungan, adakah mekanisme lain dari itu?
- c) Nyatakan statistik terkini kawasan yang kerap dilanda banjir kilat di Negeri Selangor khususnya Pelabuhan Klang?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan projek mencegah banjir pada dasarnya dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu secara struktur dan bukan struktur. Bagi menambah baik sistem perparitan sedia ada, penyelesaian secara mekanikal dengan penggunaan rumah pam juga dapat membantu mempercepatkan aliran air ke sungai. Namun begitu pelaksanaannya melibatkan kos yang tinggi dan dianggarkan keperluan mencecah jutaan ringgit bagi memenuhi keperluan ini. Kerajaan negeri kini sedang dalam menyediakan inventori dan keperluan pembinaan rumah pam bagi keseluruhan Negeri Selangor dan akan dilaksanakan secara berperingkat.
- b) Sepertimana yang dinyatakan pada soalan sebelum ini selain dari mendalamkan sistem perparitan serta menyediakan kolam takungan, pelaksanaan kawalan secara mekanikal seperti pembinaan rumah pam dan pembinaan struktur pintu kawalan pasang surut juga boleh membantu di dalam mengawal paras air saluran bagi mengelakkan banjir.

- c) Statistik kejadian banjir di negeri selangor secara keseluruhan adalah seperti yang berikut

TAHUN	JUMLAH KAWASAN TERLIBAT
2008	97
2009	55
2010	44
2011	70

Bagi kawasan di pelabuhan klang statistik adalah seperti yg berikut

TAHUN	KAWASAN	KEKERAPAN
2011	Jalan Sungai Keladi	Mac 2011
	Pulau Indah	
2012	Pulau Indah dan Sementa	2 Mac 2012

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KES PENYELEWENGAN DANA BALKIS

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan status kes penyelewengan dana BALKIS yang disiasat sejak 2008?
- b) Bilakah pihak terbabit jika benar bersalah akan didakwa di mahkamah?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PELABURAN ASING DARIPADA EROPAH DAN TIMUR TENGAH

12. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan perbandingan pelaburan asing daripada Eropah dan Timur Tengah berdasarkan jumlah projek, nilai pelaburan dan jumlah pekerjaan yang diciptakan bagi tahun 2011 ?

JAWAPAN:

- a) Perbandingan pelaburan asing daripada Eropah dan Timur Tengah berdasarkan jumlah projek, nilai pelaburan dan jumlah pekerjaan yang diciptakan bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:-

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan Asing
Negara-Negara Eropah			
United Kingdom	4	37	27,577,450
Denmark	1	109	34,709,783
Netherlands	3	93	9,776,386
Italy	1	6	1,321,325
Norway	1	120	7,800,000
Switzerland	1	22	92,000,000
Germany	4	102	20,732,887
Sweden	1	173	216,889,085
Jumlah	16	662	410,806,916
Negara-Negara Timur Tengah			
Iran	3	142	16,517,648
Jumlah	19	804	427,324,564

- Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : MASALAH PUSAT HIBURAN DAN BAJET HOTEL

13. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa jumlah lesen Pusat Hiburan dan Bajet Hotel yang telah diluluskan oleh Kerajaan Selangor?
 - b) Adakah masalah Pusat Hiburan dan Bajet Hotel tanpa lesen serious di Selangor?
 - c) Apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk membuka pusat hiburan dan bajet hotel?

JAWAPAN :

- a) Jumlah lesen Pusat Hiburan dan Bajet Hotel yang telah diluluskan adalah seperti di dalam jadual di bawah :

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN LESEN PUSAT HIBURAN	BILANGAN LESEN HOTEL BAJET
1.	MBSA	56	12
2.	MBPJ	183	32
3.	MPK	85	17
4.	MPAJ	97	14
5.	MPSJ	153	10
6.	MPS	75	21
7.	MPKj	34	20
8.	MPSp	15	6
9.	MDKS	11	19
10.	MDHS	10	3
11.	MDKL	45	9
12.	MDSB	20	18

- b) Setakat ini, masalah Pusat Hiburan dan Hotel Bajet di Negeri Selangor masih dalam keadaan terkawal. Zon Hiburan telah diwujudkan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan sebagai usaha untuk mengawal dan memantau aktiviti ini serta memudahkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan oleh PBT. Disamping itu juga, lesen bagi pusat hiburan masih lagi dibekukan dan hanya dibenarkan bagi pusat hiburan keluarga di pusat membeli belah serta hotel-hotel. Walau

bagaimanapun, ulasan pihak Polis diperoleh terlebih dahulu sebelum kelulusan lesen diberikan.

Di samping itu juga, tindakan penguatkuasaan yang kerap dilaksanakan oleh PBT sedikit sebanyak dapat mengawal bilangan Pusat Hiburan serta Hotel Bajet yang tidak berlesen di dalam kawasan PBT.

- c) Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi membuka Pusat Hiburan adalah:

Waktu Hiburan

- i. Waktu perniagaan/hiburan yang dibenarkan tidak boleh melebihi pukul 1.00 pagi **KECUALI** dengan kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Tempatan.

Lokasi

- i. Lokasi premis tidak kurang dari 300 meter dari kawasan rumah ibadat, sekolah dan hospital dan tidak kurang 100 meter dari Pejabat Kerajaan. Tidak dibenarkan di kawasan yang 70% penduduk beragama islam.

Larangan

- i. Pemilik/pengusaha tidak boleh membenarkan orang yang mabuk untuk masuk dan berada di kawasan premis yang telah diluluskan lesen hiburan.
- ii. Kanak-kanak dan pelanggan di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki mana-mana pusat hiburan **KECUALI** disertai bersama ibu bapa atau penjaga yang sah.
- iii. Pemilik/pengusaha tidak dibenarkan membiarkan premis hiburan atau pelanggan di premis hiburan untuk menyebabkan kacau ganggu kepada ketenteraman awam.
- iv. Tidak dibenarkan sebarang hiburan berunsur lucah atau ganas di premis hiburan.
- v. Tidak dibenarkan untuk diadakan sebarang pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 atau Ordinan Pertaruhan 1953 dijalankan dalam suatu tempat hiburan, kecuali yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- vi. Pemilik/pengusaha premis hiburan tidak dibenarkan menghidangkan minuman yang memabukkan atau diminum di dalam premis hiburan, **KECUALI** suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan di bawah Akta Eksais 1976.

- vii. Tidak dibenarkan menggunakan perkhidmatan Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) daripada kalangan wanita atau pondan.
- viii. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bunyi bising daripada premis berada diperingkat yang minima dan tidak menimbulkan kacau ganggu;

Syarat-syarat am bagi Hotel Bajet adalah:

Kelulusan Kebenaran merancang

Mengemukakan permohonan kebenaran merancang perubahan meterial penggunaan bangunan daripada kedai pejabat kepada hotel bajet.

Lot Parkir Kereta

Menyewa 5 petak tempat letak kereta daripada Majlis bagi tujuan kemudahan pengunjung.

Sokongan Bomba

Mengemukakan surat kelulusan / sokongan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor.

Pengudaraan

Mempunyai 10% pembukaan pengudaraan semulajadi berdasarkan luas lantai atau menyediakan pengudaraan mekanikal.

Tong Sampah

Menyediakan tong sampah dan pembuangan sampah mengikut peraturan Pihak Berkuasa Tempatan

Papantanda

Menyediakan papan tanda alamat dalam tulisan rumi dan jawi mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis

Kacau Ganggu

Memastikan aktiviti yang akan dijalankan kelak tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Pemohon juga perlu menjaga kebersihan tapak dan memastikan aktiviti yang dijalankan kelak bebas dari kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Pelan Tambahan Pindaan

Pengusaha dikehendaki segera mengemukakan pelan tambahan dan pindaan bangunan kepada Majlis untuk kelulusan dengan mematuhi syarat-syarat berikut:-

i. Tangga Kecemasan

Struktur tangga kecemasan (sebagaimana syarat Bomba) hendaklah terletak di dalam sempadan lot premis (tidak dibenarkan didirikan di atas rezab lorong belakang)

ii. Surau

Menyediakan kemudahan surau untuk kegunaan lelaki dan wanita secara berasingan dengan ukuran 10' x 10' dan tambahan 4' x 2' untuk ruang wudhuk.

Buku Rekod

Menyediakan buku rekod penggunaan hotel yang mengandungi maklumat :

- i. Nama Pelanggan
- ii. No. Kad Pengenalan
- iii. Alamat Pelanggan
- iv. No. Telefon

Iklan Di Premis

Tidak dibenarkan memaparkan iklan promosi yang mengelirukan dan yang boleh menimbulkan tanggapan negatif (cth: seperti promosi dengan kadar harga RM 9.99 sejam)

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Aktiviti yang menyalahi syarat kelulusan lesen seperti urut dan seumpamanya adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Penyediaan Kaunter Perkhidmatan

Menyediakan kaunter untuk perkhidmatan kepada pelanggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

14. Menambah baik pengangkutan awam adalah keperluan rakyat dan juga salah satu perkara dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri menyediakan pelan pengangkutan awam darat Selangor yang komprehensif?
- b) Dengan kepesatan pertumbuhan penduduk, bagaimanakah keperluan pengangkutan awam rakyat Selangor dapat dipenuhi?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang melibatkan anak syarikat negeri dalam sektor pengangkutan awam?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui **Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor telah menyediakan pelan pengangkutan awam yang komprehensif** serta dapat memberikan kemudahan kepada semua penduduk. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah dengan menyediakan pelan laluan bas henti-henti di setiap PBT untuk dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Selain daripada itu, Kerajaan Negeri menggalakkan sebarang projek pembinaan lebuh raya yang dapat memenuhi kepada prinsip Kerajaan Negeri.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa mencari langkah bagi mengatasi masalah kepesatan pertumbuhan penduduk yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui pihak **JPBD telah menyelaraskan di antara keperluan pengangkutan awam** yang diperlukan untuk rakyat Selangor di dalam Pelan Pengangkutan Awam dan telah diserahkan kepada pihak SPAD.
- c) Kerajaan Negeri **tidak akan** melibatkan anak syarikat Kerajaan Negeri dalam sebarang aktiviti pembangunan kemudahan awam. Ini adalah disebabkan sebarang aktiviti pembangunan dan perancangan pengangkutan awam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dibantu oleh agensi berkaitan serta Kerajaan Negeri yang terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GERAN SELANGORKU – PROGRAM PENERANGAN
MAKLUMAT NEGERI**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Bagaimanakah program yang diperuntukkan sebanyak RM10 juta dalam geran ini akan diselaraskan dengan program-program yang sedia ada di bawah GLC Negeri, CCSB?
 - b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan program ini melalui DUN?
 - c) Apakah badan atau agensi pemantau yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan penyaluran geran ini?

JAWAPAN :

- a) Jawatankuasa Pemandu Geran Selangorku bekerjasama rapat dengan CCSB termasuk mengenal pasti keperluan penerangan mengikut demografi bagi penyelarasan serta mengoptimasi jentera CCSB yang sedia ada.
- b) Terdapat program-program generik seperti billboard yang boleh diseragamkan di setiap DUN dan terdapat juga program-program khusus bagi memastikan penerangan benar-benar sampai ke rakyat Selangor termasuk menambahbaik pagedaran akhbar Selangorkini.
- c) Jawatankuasa kerja Geran Selangorku akan bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan memantau pelaksanaan projek-projek ini bersama-sama dengan wakil-wakil rakyat di kawasan terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : JALAN TIDAK BERTUAN

16. Jalan Impian Putra ke sebelah jambatan ke Pekan Bangi dianggap 'jalan tidak bertuan' dan tiada pihak menyelenggarakannya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status 'jalan yang tidak bertuan' kerana menggunakan tanah ada pemilik?
- b) Tidakkah wajar pihak pemaju/ MPKj mengambil tanggungjawab menjaga dan membersihkan kawasan tersebut?
- c) Jalan-jalan di tempat tersebut juga rosak. Siapakah yang harus bertanggungjawab membaiki jalan ini?

JAWAPAN :

- a) Status jalan adalah tanah milik MPKj
- b) Masih di bawah penyelenggaraan oleh pihak pemaju Dasar Beringin Sdn Bhd kerana merupakan syarat pembangunan di kawasan berhampiran.
- c) Pihak MPKj akan mengarahkan pihak pemaju Dasar Beringin Sdn Bhd agar menjalankan kerja-kerja pembaikan dengan kadar segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PELABURAN DI LUAR NEGARA

17. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila kemukakan dengan *detail* berapakah pelaburan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikat di luar Negara ?
 - b) Sila huraikan apakah jenis pelaburan yang dibuat ?
 - c) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi pelaburan tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri ada membuat pelaburan di luar negara melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan KDEB manakala tiada pelaburan yang dibuat di luar negara oleh anak-anak syarikat yang lain. Kos pelaburan tersebut adalah berjumlah RM65.2 juta.
- b) dan c) Perincian pelaburan adalah seperti di **LAMPIRAN**.

LAMPIRAN

**PELABURAN YANG TELAH DIBUAT OLEH KERAJAAN NEGERI
SELANGOR MELALUI ANAK SYARIKAT DI LUAR NEGARA**

ANAK-ANAK SYARIKAT	PERINCIAN PELABURAN	JENIS PELABURAN	PRESTASI PELABURAN
PKNS	Tempat: Masscorp Chile, Chile Kos pelaburan: RM 14 juta	Hartanah	Tiada pulangan yang diperolehi oleh PKNS daripada pelaburan tersebut sehingga kini.
PKNS (melalui Worldwide Holding Berhad)	Tempat: Perth, Australia Dimiliki oleh Worldwide Ventures Pty Ltd 100% owned by W/Wide Kos pelaburan: AUD 3.6 juta (=RM 11.5 juta) Tarikh pegangan: 17 Ogos 2010	Pemilikan saham	Dijangka mendapat pulangan pada hujung 2012
PKNS (melalui Worldwide Holding Berhad)	Tempat: British Virgin Island Dimiliki oleh Eastern Glory - owned by Emerald Crest S/B (Suzidiary of W/Wide) Kos :RM 31 juta Tarikh pegangan: 1997	Pemilikan saham	Pulangan terkumpul sehingga 31/12/11: RM 41 juta
KDEB	Tempat: Mekah Kos : RM 8.7 juta	Hartanah	Tiada pulangan yang diperolehi oleh KDEB daripada

ANAK-ANAK SYARIKAT	PERINCIAN PELABURAN	JENIS PELABURAN	PRESTASI PELABURAN
	Dua (2) unit apartment di Menara Al Marwah, Mekah		pelaburan tersebut sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: BANTUAN KEPADA PENIAGA KECIL

18. Terdapat peniaga-peniaga kecil diibaratkan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah dan keprihatinan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu memajukan perniagaan peniaga tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menurunkan kos lesen atau sewaan premis di bawah kelolaan Kerajaan Negeri bagi membantu meringankan beban kos peniaga terbabit?
- c) Nyatakan jumlah peniaga kecil yang akan dan telah diberikan bantuan dari Kerajaan Negeri di kawasan Pelabuhan Klang?

JAWAPAN:

- a) Bagi membantu peniaga-peniaga kecil tersebut, Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa skim bantuan perniagaan seperti Bantuan Dana IKS yang mana peniaga yang terlibat di dalam sektor pembuatan contohnya perusahaan membuat kerepek akan diberikan bantuan mesin pemprosesan dengan nilai yang tidak melebihi RM10,000.00. Selain dari itu juga, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan skim pinjaman Mikro Kredit (SKIMSEL) dan juga MiMBAR.
- b) Premis perniagaan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri tidak menawarkan kos sewaan yang tinggi. Sebagai contohnya, sewaan lot niaga di Pasar Seri Giant Shah Alam, kadar sewaan adalah sebanyak RM500.00 sahaja berbanding dengan kadar sewaan yang dikenakan oleh pihak Giant Shah Alam yang mencecah sehingga RM3,000.00 untuk kiosk jualan.
- c) Secara keseluruhannya, bagi Daerah Kelang, penerima di bawah Skim Dana IKS adalah seramai 120 orang dengan jumlah RM730,622.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: BANJIR KILAT

19. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah jenis sumbangan kerajaan negeri Selangor kepada mangsa banjir kilat?
 - b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah banjir kilat?

JAWAPAN:

a) & b)

Di dalam usaha ke arah menyelesaikan masalah banjir di dalam Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran telah pun menyiapkan beberapa siri Pelan Induk Saliran . Melalui pelan ini dapat dikenal pasti luas tadahan dan juga kawasan banjir yang terlibat di mana tindakan menyelesaikan banjir dilaksanakan melalui gabungan agensi-agensi di dalam Negeri Selangor. Contohnya, projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rasa kini dalam pelaksanaan yang melibatkan Agensi Jabatan Kerja Raya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: TOL DI DUN TERATAI

20. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah TOL yang diluluskan di bawah DUN Teratai pada tahun 2011? Sila nyatakan adakah TOL tersebut merupakan permohonan yang baru atau lanjutan TOL tahun yang lepas?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 27 permohonan TOL yang telah diluluskan di bawah DUN Teratai pada tahun 2011. Seperti di Lampiran B.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : HEMEODILISIS LZS

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan pusat hemodialisis yang dipunyai LZS di seluruh negeri Selangor?
- b) Berapakah kos untuk menguruskan semua pusat berkenaan?
- c) Adakah cadangan untuk diwujudkan di DUN Meru?

JAWAPAN :

- a) LZS tidak mempunyai atau memiliki pusat hemodialisis sendiri. Namun begitu, terdapat empat buah dialisis yang diuruskan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) iaitu di Wisma MAIS, Seksyen 3, Shah Alam, Sungai Besar (Sabak Bernam), Kuala Selangor, dan Batu 4, Kapar, Klang.
- b) Tiada kos yang terlibat kerana LZS tidak memiliki pusat hemodialisis.
- c) Pada masa ini, LZS sedang menjalankan *feasibility study* (kajian kesesuaian) berkenaan pusat hemodialisis. Hal ini kerana LZS berusaha untuk memastikan kesihatan asnaf berada dalam keadaan baik termasuk dengan menyediakan rawatan bagi penyakit-penyakit kritikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak keeping tanah dan saiz tanah yang telah diluluskan kepada persatuan-persatuan rumah ibadat selain Islam di Selangor sejak 2008 sehingga sekarang?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada persatuan-persatuan rumah ibadat selain Islam di Selangor sejak 2008 sehingga sekarang?

JAWAPAN :

- a) Sebanyak 66 lot tanah telah digazetkan untuk tujuan rumah ibadat bukan Islam sejak tahun 2008 hingga sekarang. Saiz dan pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	BILANGAN	LUAS (mp)
1.	KLANG	20	24,319.66
2.	SABAK BERNAM	2	2,400
3.	GOMBAK	4	2,226
4.	HULU SELANGOR	7	12,440.312
5.	KUALA LANGAT	3	8,318.4
6.	SEPANG	7	11,101.82
7.	KUALA SELANGOR	8	8,650.22
8.	PETALING	2	2,963
9.	HULU LANGAT	13	11,727.67
JUMLAH		66	84,147.082

- b) Pada tahun 2008, peruntukan kepada rumah ibadat selain Islam disalurkan kepada persatuan Pengurusan rumah ibadat hanya bertujuan untuk ubahsuai/baik pulih sahaja. Jumlah peruntukan yang disalurkan adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS RUMAH IBADAT	JUMLAH PERUNTUKAN UBAHSUAI/BAIK PULIH 2008 (RM)
1	Tokong	1,517,500.00
2	Kuil	768,000.00
3	Gereja	215,000.00
	JUMLAH	2,500,500.00

Mulai tahun 2009 sehingga kini bantuan kewangan kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam disalurkan bagi tujuan aktiviti keagamaan, pembelian peralatan untuk kelas keagamaan, ubah suai dan bina semula sebagaimana yang diluluskan oleh Y.B Pengerusi Bersama Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam.

Berikut adalah jumlah peruntukan rumah ibadat yang telah dikeluarkan dari tahun 2009 hingga 2011:-

BIL	JENIS RUMAH IBADAT	JUMLAH PERUNTUKAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM (RM)		
		2009	2010	2011
1	Tokong	1,291,500.00	999,500.00	1,412,490.00
2	Kuil	2,528,500.00	1,754,000.00	1,836,500.00
3	Gereja	809,500.00	302,000.00	648,000.00
4	Gurdwara	128,000.00	120,000.00	10,000.00
	JUMLAH	4,757,500.00	3,475,500.00	3,906,990.00

Sumber: Rumah Ibadat Selain Islam – Senarai Peruntukan Yang Diluluskan Berdasarkan Permohonan, Seksyen PBT, UPEN.

Nota :

Tahun 2009 = Peruntukan asal RM 6 juta

Tahun 2010 = Peruntukan asal RM 3 juta tambahan RM 500,000.00

Tahun 2011 = Peruntukan asal RM 3 juta tambahan RM 1 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN ADUN

23. YB EXCO Sri Kembangan pernah menyatakan bahawa Kerajaan Selangor memberi RM500 Ribu kepada setiap ADUN tetapi peruntukan di Kawasan DUN yang dimenangi oleh calon Barisan Nasional akan diuruskan oleh EXCO Kerajaan Selangor atau penyelaras Pakatan Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengelakkan kesalahguna peruntukan tersebut?
- b) Adakah masalah kesalahguna peruntukan berlaku di Negeri Selangor?
- c) Sila nyatakan dengan terperinci pemberian peruntukan bagi N6 Kuala Kubu Baru pada tahun 2008 hingga 2011. Senaraikan penggunaan peruntukan ini daripada yang tertinggi hinggalah kepada yang terendah.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengeluarkan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2010** berhubung **Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor** bagi memastikan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh ADN adalah bagi tujuan Program-program Mesra Rakyat manakala di peringkat Pegawai Pengawal, mereka adalah terikat dengan prosedur kewangan yang berkuat kuasa.
- b) Buat masa kini, **tiada** laporan salah guna peruntukan diterima memandangkan garis panduan yang disediakan adalah jelas dan penyediaan laporan penggunaan peruntukan ADN disediakan oleh Pejabat Tanah & Daerah dan dilaporkan secara bulanan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

- c) Perincian peruntukan dan perbelanjaan bagi N6 Kuala Kubu Baru bagi tahun 2008 sehingga tahun 2011 adalah seperti berikut:-

Bil	Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1	2008	500,000.00	363,835.79
2	2009	500,000.00	487,925.05
3	2010	500,000.00	438,950.35
4	2011	600,000.00	590,717.05

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENUTUPAN ASRAMA YAYASAN SELANGOR KG PANDAN

24. Baru-baru ini Yayasan Selangor mengumumkan penutupan Asrama Toh Puan Norasyikin di Kampung Pandan bagi tujuan pembangunan semula.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional penutupan ini?
- b) Apakah syarikat yang terlibat dalam memajukan tanah tersebut?
- c) Berapa dan apakah bentuk pulangan yang diterima oleh pihak Yayasan daripada projek pembangunan tapak ini?

JAWAPAN :

a)

1. Perpindahan pelajar dari AYSKL mulai tahun ini tidak dapat dielakkan lagi kerana beberapa faktor. Antaranya ialah:
 - 1.1 Kesesakan lalu lintas
 - 1.2 Pembangunan setempat
 - 1.3 Keselamatan pelajar
2. Setiap hari pelajar sesi petang akan pulang lewat kerana bas yang membawa mereka terpaksa berhadapan dengan kesesakan lalu lintas. Mereka selalunya tiba di asrama jam 8.00 hingga 8.30 malam, tergesa-gesa untuk bersolat maghrib hampir setiap hari. Ada kalanya mereka terlepas waktu maghrib kerana bas sampai di asrama melewati jam 8.30. Mereka tergesa-gesa untuk solat, makan malam, mandi dan menghadiri kelas persediaan yang bermula seawal 8.30 atau 9.00 malam.
3. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan dan tekanan kepada pelajar. Mereka akan keletihan dan akhirnya tertidur di dalam kelas.
4. Kesan jangka panjangnya ialah keputusan peperiksaan kebanyakan pelajar didapati merosot. Seorang dua memang mendapat 9A atau 10A. Beberapa

orang memang boleh mencapai 7A dan 8A, baik PMR mahupun SPM, tetapi sekitar 40% pelajar hanya mencapai keputusan sederhana di bawah 5A.

5. Faktor kedua yang menyebabkan AYSKL tidak lagi sesuai dijadikan penempatan berpusat pelajar ialah wujudnya pembangunan di kawasan sekeliling asrama. Kawasan di sekitar Jalan Cochrane, Kg. Pandan kini sedang dibangunkan. Kuarters perumahan kerajaan di kawasan itu kini sudah diserahkan kepada pemaju dan tidak lagi dihuni oleh kakitangan kerajaan. Rumah-rumah itu kini kosong dan dihuni oleh penagih dadah. Kawasan itu akan dibangunkan secara komersil.
6. AYSKL akan tersepit di tengah-tengah dentuman bunyi bising dan bingit kerja-kerja menanam cerucuk oleh syarikat pemaju. Sudah tentulah para pekerja pembinaan warga asing akan membanjiri kawasan tersebut. Keadaan ini akan mengancam keselamatan para pelajar.
7. Pelajar tidak perlu lagi menghabiskan masa di jalanan. Sebaliknya boleh menghabiskan masa berkualiti menelaah pelajaran di perpustakaan sekolah. Mereka juga boleh menghadiri aktiviti ko kurikulum sekolah dengan lebih aktif untuk meningkatkan lagi jati diri dan memupuk sifat kepimpinan.
8. Bajet keseluruhan bagi membiayai 468 orang pelajar di AYSKL setahun ialah RM3.9 juta. Ini bermakna purata kos seorang pelajar di AYSKL ialah RM8,400.00. Sedangkan kos bagi seorang pelajar di asrama daerah setahun hanyalah RM935.00. Oleh itu, sekiranya pelajar AYSKL ditempatkan semula di asrama harian, kosnya akan kurang dan lebih ramai pelajar akan menerimanya.
9. Jika bajet AYSKL yang jumlahnya ialah RM3.9 juta itu digunakan untuk membantu seorang pelajar dengan kos RM935.00 setahun, jumlah pelajar yang dapat dibantu ialah sebanyak 4,220 orang, berbanding hanya 468 pelajar sekarang.
10. Oleh itu, sekiranya tapak asrama Kg. Pandan dimajukan, Yayasan Selangor akan menjana lebih pendapatan dan pendapatan itu akan disalurkan untuk kebajikan pelajar di seluruh negeri Selangor.
11. Mulai 2012, Yayasan Selangor akan memberikan tumpuan memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Pemberian bantuan pelajaran di peringkat ini amat diperlukan kerana didapati lebih ramai golongan miskin luar bandar (*rural poor*) dan miskin bandar (*urban poor*) yang berada di bawah paras kemiskinan.

b) Projek ini sedang dalam proses tender yang bermula dari 11hb Disember 2011 dan dijangka akan ditutup pada 11hb April 2012. Tender ini telah dibuka kepada semua pemaju-pemaju dalam dan luar negara. Antara 36 pemaju yang setakat ini telah membeli dokumen tender ialah:

- UEM Land Berhad
- S.P. Setia
- WCT Land Sdn Bhd
- IGB Corporation
- Boustead Holdings Berhad
- PKNS
- Mah Sing Group

c) Yayasan Selangor akan memilih pemaju yang akan membina sebuah hotel di atas lot 545 secara Bina, Kendali, dan Serahkembali (*Build Operate and Transfer – BOT*). Pemaju akan membayar kadar sewaan yang akan ditentukan dalam tempoh sewaan yang juga akan ditentukan kelak mengikut jangka waktu kautsemula (*recovery period*) jumlah modal yang dilaburkan oleh pemaju. Segala kos pembangunan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.

Di atas lot 544 pula Yayasan Selangor akan membangunkan secara usaha sama pembinaan campuran (*mixed development*) dengan nisbah syer 30:70 dengan pemaju yang akan dipilih. Sebahagian daripada hasil jualan bahagian syer Yayasan Selangor akan diperuntukkan untuk membina sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Bestari Jaya, daerah Kuala Selangor untuk menggantikan Asrama Tun Dr. Ismail dan Toh Puan Norashikin di Kg. Pandan. Asrama itu tidak akan dirobuhkan sehingga SBP di Bestari Jaya itu siap dan sedia untuk diduduki.

SBP ini bakal berupaya menempatkan seramai 1,000 pelajar dan akan dilengkapi dengan segala kelengkapan yang jauh lebih baik dari mana-mana sekolah bestari di negara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PELAN TINDAKAN GAJI MINIMA

25. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Pelan Tindakan ke atas pelaksanaan gaji minima bagi sektor awam dan swasta?
- b) Apakah usaha kerajaan Negeri dalam mengawal pengambilan pekerja-pekerja asing di sektor swasta, sehingga menafikan peluang pekerjaan bagi warga tempatan?

JAWAPAN:

- a) Tiada sebarang Pelan Tindakan ke atas pelaksanaan gaji minima bagi sektor-sektor awam kerana Polisi ini hanya melibatkan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri sahaja dan Anak-anak Syarikat di bawah MBI tidak mempunyai kakitangan yang digaji di bawah polisi gaji minima ini.
- b) Tidak berkenaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : STANDCO

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan nama dan senarai anggota STANDCO yang terdapat pada Kerajaan.

JAWAPAN :

a) Terdapat 37 Jawatankuasa Tetap (STANDCO) di Negeri Selangor. Berikut adalah senarai Pengerusi STANDCO bagi Jawatankuasa Tetap yang terdapat pada Kerajaan Negeri Selangor:

Bil.	Jawatankuasa Tetap	Pengerusi
1.	Kewangan	Y.A.B. Tan Sri Dato' Abd Khalid bin Ibrahim
2.	MTES	
3.	Tanah	
4.	Infrastruktur dan Kemudahan Awam	
5.	Hal Ehwal Islam	
6.	Perancang	

Bil.	Jawatankuasa Tetap	Pengerusi
7.	Pelaburan	Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim
8.	Perindustrian	
9.	Perdagangan	
10.	Pemodenan Pertanian	Y.B. Tuan Yaakob bin Sapari
11.	Pembangunan Luar Bandar	
12.	Pembangunan Usahawan	
13.	Pengurusan Sumber Alam	
14.	Kebajikan	Y.B Puan Rodziah binti Ismail
15.	Kebudayaan	
16.	Hal Ehwal Wanita	
17.	Sains, Teknologi dan Inovasi	
18.	Pesara	
19.	Kesihatan	Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam
20.	Pekerja Ladang	
21.	Kerajaan Prihatin	
22.	Kemiskinan	
23.	Pendidikan Tinggi	Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali
24.	Pendidikan	
25.	Pembangunan Modal Insan	

Bil.	Jawatankuasa Tetap	Pengerusi
26.	Perumahan	Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad
27.	Pengurusan Bangunan Dan Setinggan	
28.	Kerajaan Tempatan	Y.B. Tuan Ronnie Liu Thian Khiew
29.	Kajian dan Penyelidikan	
30.	Pelancongan	Y.B. Puan Elizabeth Wong keat Ping
31.	Hal Ehwal Pengguna	
32.	Alam Sekitar	
33.	Pembangunan Kampung Baru	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
34.	Penyelesaian Kilang Haram	
35.	Adat Melayu	Y.B. Dr Ahmad Yunus bin Hairi
36.	Belia	
37.	Sukan	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Kenapakah faedah dari hasil pasir hanya disalurkan kepada Ketua-ketua Kampong hanya sekali sahaja (2009)?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menetapkan 10% dari keuntungan KSSB disalurkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di seluruh Negeri Selangor.

Kali pertama ianya dilaksanakan adalah pada tahun 2010 dari keuntungan KSSB bagi tahun kewangan 2009 dengan nilai sumbangan sebanyak RM616,000.

Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan sumbangan dari keuntungan KSSB untuk tahun kewangan 2010 dan 2011 setelah akaun KSSB selesai diaudit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: PERNIAGAAN RUMAH URUT DAN PUSAT PELACURAN

28. Kini terdapat banyak perniagaan rumah urut dan pusat pelacuran bagi cendawan tumbuh selepas hujan di Negeri Selangor.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan yang diambil dari Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta Pihak Berwajib dalam menangani permasalahan ini?
- b) Apakah bentuk pemantauan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan sila senaraikan perniagaan tersebut yang terdapat di dalam daerah Klang?
- c) Adakah syarat-syarat khas dari Kerajaan Negeri untuk meluluskan permohonan serta lesen bagi membolehkan mereka berniaga?

JAWAPAN:

- a) Bagi menangani masalah perniagaan rumah urut dan pusat pelacuran di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah dengan mengarahkan pembekuan pengeluaran lesen bagi premis rumah urut dan hanya membenarkan lesen dikeluarkan bagi premis refleksologi yang hanya menjalankan urutan pada kaki. Pembekuan lesen rumah urut telah dilaksanakan sejak tahun 2008 dan keputusan pembekuan tersebut masih kekal sehingga kini.
- b) Kerajaan Negeri kerap memantau tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke atas premis-premis rumah urut atau aduan berhubung kewujudan rumah pelacuran yang terdapat di Negeri Selangor. Terdapat penguatkuasaan secara bersepadu antara Pihak Berkuasa Tempatan bersama agensi-agensi luar seperti PDRM, AADK, serta JAIS merupakan salah satu cara yang paling berkesan di dalam memantau aktiviti tersebut.
- c) Pelesenan bagi aktiviti rumah urut terutamanya yang menjalankan perkhidmatan urutan badan masih lagi dibekukan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, premis rumah urut yang memberikan perkhidmatan refleksologi atau urutan kaki adalah dibenarkan. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan bagi rumah pelacuran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : JUMLAH PELABURAN DARI NEGARA CHINA

29. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini terdapat banyak lawatan yang dilakukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) ke negeri China.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak lawatan kerajaan negeri ke negara China sepanjang 2009, 2010 dan 2011?
- b) Berapa banyak pelaburan dari negeri China yang diterima oleh kerajaan negeri sepanjang 2011?

JAWAPAN :

- a) Lawatan Kerajaan Negeri ke Negara China sepanjang 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti berikut:-

Bil.	Tarikh	Lawatan
1.	24 April – 1 Mei 2009	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Hefei & Beijing)
2.	4 – 13 Jun 2009	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Kunming, Xian & Guang Zhou)
3.	26 Julai – 1 Ogos 2009	Lawatan Penggalakan Pelaburan Ke Negara China (Shenyang Dan Dalian)
Tahun 2010		
4.	14 – 19 Mei 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China
5.	30 Mei – 5 Jun 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China
6.	11 – 16 Jun 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China
7.	2 – 7 Julai 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China
8.	29 Ogos - 5 Sept. 2010	Lawatan Ke Shanghai, Changchun dan Beijing, China
9.	3 – 8 Oktober 2010	Lawatan Ke Shanghai dan Hangzhou, China
10.	10 – 15 Oktober 2010	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China

Tahun 2011		
11.	28 Feb. – 5 March, 2011.	Trade Misson to Shanghai, Ningbo and Chengdu
12.	17 -19 Julai, 2011	Visit to Shanghai, China

Senarai ahli-ahli delegasi adalah seperti berikut:-

1. Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Hefei & Beijing) – (24 April – 1 Mei 2009)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1	Y.B. Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ketua Delegasi)	Kerajaan Negeri Selangor
2	En. Kee Lian Yong	Penasihat	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
3	Puan Norzila Sidek	Pengurus Kanan, Pembangunan Teknikal	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
4	Puan Hjh Rahana Abdullah	Pengurus Kanan Jualan	Central Spectrum Sdn. Bhd.
5	En. Jamaluddin Ibrahim	Pegawai Perhubungan Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor di China	
6	En. Nik Izuddin Nik Mohd Yusoff	Pengurus	SSIC Berhad (Urusetia)

2. Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Kunming, Xian & Guang Zhou) – (4 – 13 Jun 2009)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1	Y.B. Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ketua Delegasi)	Kerajaan Negeri Selangor
2	Puan Siti Zubaidah Abdul Jabar	Pengawal Pembangunan	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
3	En. Ahmad Feruz Izharuddin	Jurutera	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
4	Tuan Ir. Roslan bin Ahmad	Pengurus Besar	Central Spectrum Sdn. Bhd.
5	En. Jamaluddin Ibrahim	Pegawai Perhubungan Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor di China	
6	En. Nik Izuddin Nik Mohd Yusoff	Pengurus	SSIC Berhad (Urusetia)

3. Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Shenyang Dan Dalian) : (26 Julai – 1 Ogos 2009)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1	Y.B. Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ketua Delegasi)	Kerajaan Negeri Selangor
2	Y. Bhg Dato' Yeat Sew Chuong		Easy Pha-Max Marketing Sdn. Bhd
3	Y.Bhg Dato' Lim Kim Wah		Shengyang-Malaysia Development Sdn. Bhd
4	Mr. Liew Kon Seng		Shengyang- Malaysia Development Sdn. Bhd
5	En. Ramli Mohd Tahir		Kumpulan Darul Ehsan Berhad
6	Puan Junaidah Mohd Shazilli		Central Spectrum Sdn. Bhd
7	Y.Bhg Datin Hoe Chin Phin		Hyper Corporation Sdn. Bhd
8	En. Lo Zi Hui		Hyper Corporation Sdn. Bhd
9	En. Ooi Tat Lean		Sungai Long Industries Sdn. Bhd

10	Puan Lee Poh Teng		Sungai Long Industries Sdn. Bhd
11	En. Mohd Rizal Abd Razak		BETA Factors Sdn. Bhd
12	En. Rosli Mohamad Noor		BETA Factors Sdn. Bhd
13	En. Ong Leong Chuan		BETA Factors Sdn. Bhd
14	En. Farn Seong Than		Farn & Co. Advodcates & Solicitors
15	En. Jackson Teo		Ixentis Sdn. Bhd
16	En. Max Lim		MaxRuth Synergy Marketing
17	Puan Jasmine Chin		INS Bioscience Berhad
18	En. Lim Sia Huat		The Origin Foods Sdn. Bhd
19	En. Jamaluddin Ibrahim	Pegawai Perhubungan Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor di China	
20	En. Mohd Syahid Othman	SSIC Berhad (Urusetia)	

4. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China : (14 – 19 Mei 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Puan Rodziah bt Ismail	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Tuan Dr Yaakob bin Sapari	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Tuan Shamsul Azri Bin Abu Bakar	Timbalan Pegawai Kewangan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
4.	Y. Bhg. Dato' Asmawi bin Kasbi	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat
5.	Y. Bhg. Tuan Hj. Mohd Zainal bin Mohd Nor	Yang Dipertua	Majlis Daerah Sabak Bernam
6.	Y. Bhg. Tuan Hj. Zainal Abidin Aala	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat

7.	Mr. Othman bin Omar	Pengurus Besar	PKNS
8.	Mr. Saharom bin Mohni	Pegawai ICT	PKNS
9.	Mr. Zahariman bin Ariffin	Setiausaha Kerja YB EXCO	
10.	Mr. Abdul Rahim bin Moin	Penasihat YB EXCO	
11.	Mr. Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor	Timbalan Pengarah, UPEN	Kerajaan Negeri Selangor
12.	Mr. Zurkimin bin Ahmad	Pegawai Khas EXCO	
13.	Mr. Mohd Rezwan bin Alias	Pegawai Khas EXCO	
14.	Mr. Wahilman bin Siwar	Setiausaha Bahagian ICT, SUK	Kerajaan Negeri Selangor
15.	Mdm. Adelin binti Abdul Latib	ICT, SUK	Kerajaan Negeri Selangor
16.	Mdm. Roslina Chiew binti Abdullah	Pengurus	SSIC Berhad
17.	Cik Shahira Johari	Eksekutif	TSSB

5. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China, : (30 Mei – 5 Jun 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
2.	En Patrick Lai		PKNS
3.	Puan Roslina Chew Abdulah	Pengurus	SSIC Berhad

6. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China, : (11 – 16 Jun 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	Tuan Nor Hishim b Ahmad Dahlan	Pegawai Daerah Hulu Selangor	Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor
2.	Tuan Md Nasir b Md Arshad	Timbalan Pengurus Besar	, PKNS
3.	En Mohd Syahid b Othman	Pengurus	SSIC Berhad

7. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China : (2 – 7 Julai 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Tuan Dr. Xavier Jayakumar	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	En Yeo Eng Kang	Pegawai Khas EXCO	
4.	Ms. Chua Yee Ling	Pegawai Khas EXCO	
5.	Mr. Abdul Razak bin Ismail	Pegawai Khas EXCO	
6.	Mr. Mohd Azuan bin Khairoji	Pengurus	SSIC Berhad

8. Lawatan Ke Shanghai, Changchun dan Beijing, China : (29 Ogos - 5 Sept. 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Hannah Yeoh	Ahli Dewan Undangan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Hajah Roziah binti Ahmad		PKNS
4.	Puan Roslina Chew Abdulah	Pengurus	SSIC Berhad

9. Lawatan Ke Shanghai dan Hangzhou, China : (3 – 8 Oktober 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1	YB Puan Dr. Halimah bt. Ali	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2	YB Tuan Ean Yong Hian Wah	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3	YB Tuan Ir. Iskandar Bin Abdul Samad	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
4	YB Dr Ahmad Yunus b. Hairi	Ahli Dewan Undangan Negeri	
5	YB Tuan Ng Suee Lim	Ahli Dewan Undangan Negeri	
6	En. Lee Jenn Huei	Pegawai	
7	En. Hiew Kim Boon	Setiausaha Kerja	
8	Dato Mazalan b. Md Noor	Datuk Bandar	Majlis bandaraya Shah Alam
9	En Noor Hisham b. Mohd Ghouth		PKNS
10	En Engku Mohd Suhaimi b. Wan Mohd Basri		PKNS
11	En Adnan b. Mohd Haron		PKNS
12	Puan Sharifah Norfazera bt. Syeed Ahmad Nazar	Penolong Pengurus	SSIC Berhad
13	Puan Shahira Hanim bt. Johari	Eksekutif	TSSB

Bil.	Nama delegasi	Jawatan	Agensi
1.	En. Mohd Azhar b. Mohamed Ali	TP SPBT	Kerajaan Negeri Selangor
2.	En. Noriqram b. Mohd Nor	Peg. Penyelaras Standco KT	Kerajaan Negeri Selangor
3.	Dr Roslan b. Fadzil	Pengarah Jab. Perkhidmatan	
4.	Dato Mohamad Roslan b. Sakiman	Datuk Bandar	MBPJ
5.	En Ir Hj Cheremi b. Tarman	Pengarah Kejuruteraan	MBPJ
6.	En Zain Azly b. Abdul Rahman	Penolong Pengarah Perancang	MBPJ
7.	En Mislan Tugiu	Yang Dipertua	MPK
8.	En Mohd Fharulisa Md Isa	Pegawai Hal Ehwal Ekonomi	MPK
9.	En Hasrolnizam b. Shaari	Jurutera MPAJ	MPAJ
10.	Puan Zuraina bt Said	Pegawai Perancang Bandar	MPAJ
11.	En Mohd Ariffuddin b. Kamari		MPSJ
12.	En Nor Azmi b. Mohd Rosli		MPSJ
13.	Dato Zainal Abidin b. Azim	Yang Dipertua	MPS
14.	En Mokhtar Affandi b. Abdul Ghani	Arkitek Landskap	
15.	Tuan Mohd Sayuthi b Bakar	Yang Dipertua	MP Sepang
16.	Tuan Abdul Razak b. Jaafar	Yang Dipertua	MDKL
17.	En Ahmad Saifunazif b. Mat		

	Yatim		
18.	Tuan Haris b. Kasim	Yang Dipertua	MDKS
19.	Puan Maizatul Azean bt Miskon		MDKS
20.	Tuan Tukiman b. Nail	Yang Dipertua	MDHS
21.	Tuan Arshad b. Salleh		MPKajang
22.	En Juhari b. Ahmad		MPKajang
23.	Puan Dayang Suhana bt. Shukor	Pen Penyelaras J/K Lanskap	
24.	Puan Hairulliza bt. Abdul Rahman		JPBD
25.	En Azman b. Talib		JPBD
26.	En Zamri b. Abdul Rahman		Worldwide
27.	Noor Azam b. Mastor		Worldwide
28.	En Md Saad b. Mahsah	Tour Leader	TSSB
29.	Mr Yap Fook Keong	Tour Leader	GPA
30.	Mdm Lee Yon Moi		
31.	Mdm Lim Soon Yee		
32.	Mr Goh Ah Leong		Pana Dinasti Sdn Bhd
33.	Mr Lim Kim Sai		Pana Dinasti Sdn Bhd
34.	Mr Goh Ah Beng		Pana Dinasti Sdn Bhd
35.	Mr Fong Kui Lun		
36.	Mr Lim Choo Kee		
37.	Mr Fog Kok Seng		

10. Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China : (10 – 15 Oktober 2010)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
2.	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar b Mohd Atan	Pengarah	JPBD
3.	Mr. Marzuki bin Hussin	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Sabak Bernam
4.	Mr. Nor Azmie bin Diron	Timbalan Pengarah UPEN	Kerajaan Negeri Selangor
5.	Mr. Ahmad Zaharin bin Mohd Saad	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Gombak
6.	Mr. Hj. Mohd Misri Hj. Idris	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor
7.	Mr. Noor Azmawi bin Abdul Aziz	Pengurus	SSIC Berhad

11. Lawatan Teknikal Pelaburan Ke Shanghai, Ningbo & Chengdu, China – 28 Feb. – 5 Mac 2011

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	Puan Norzila Sidek	Business Development Manager	PKNS
3.	Puan Roslina Chew Abdullah	Pengurus	SSIC Berhad

12. Visit to Shanghai, China (17 – 19 July 2011)

Bil.	Nama Delegasi	Jawatan	Agensi / Syarikat
1.	YB Teresa Kok Suh Sim	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
2.	YB Puan Rodziah Ismail	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
3.	YB Dato' Dr Hassan Bin Mohd Ali	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
4	YB Tuan Ean Yong Han Wah	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Kerajaan Negeri Selangor
5	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar B. Mohd Atan	Datuk Bandar	Majlis Bandaraya Shah Alam
6.	Y. Bhg. Dato' Mhd. Jabar Ahmad Kembali	Ketua Pegawai Eksekutif	SSIC Berhad
7	En Sallehudin Samsudin	Timbalan Pengarah	JPBD
8	En Noor Azmawi Bin Abdul Aziz	Pengurus	SSIC berhad
9.	Y. Bhg. Dato' Kamal Ariffin Zaharin	Pengarah	DPZ Asia

- b) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2011 sebanyak **7 projek perkilangan** yang melibatkan pelabur China telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 66,144,008**. Sebanyak **690 potensi peluang pekerjaan** telah diwujudkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: KEMUDAHAN SKIM PEMILIKAN TANAH KERAJAAN

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah dan statistik rakyat yang menikmati kemudahan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan dengan pilihan pembayaran premium tanah sebanyak RM1000 terlebih dahulu ?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 514 permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) telah diluluskan dan diberi kemudahan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan dengan pilihan pembayaran premium tanah sebanyak RM1000.00 (nominal). Berikut adalah pecahan daerah di Negeri Selangor :-

JUMLAH PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN YANG DILULUSKAN DENGAN BAYARAN PREMIUM RM1000 DAN BILANGAN YANG TELAH MENJELASKAN BAYARAN TERSEBUT SEJAK DILANCARKAN PADA JUN 2011			
Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan Yang Lulus Bayaran Premium RM1000	Bilangan Yang Telah Menjelaskan Bayaran
1.	Hulu Selangor	57	5
2.	Hulu Langat	224	134
3.	Kuala Selangor	89	89
4.	Petaling	7	7
5.	Sepang	6	6
6.	Kuala Langat	4	4
7.	Gombak	121	42
8.	Sabak Bernam	-	-
9.	Klang	6	6
JUMLAH		514	293

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GERAN SELANGORKU – DARI KEBAJIKAN KEPADA
PEKERJAAN**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah objektif-objektif yang digariskan bagi program ini?
 - b) Bagaimanakah geran RM20 juta ini akan disalurkan?
 - c) Apakah institusi-institusi serta penempatan latihan vokasional dan kemahiran yang telah disenaraikan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Objektif Geran Selangorku – Dari Kebajikan Kepada Pekerjaan adalah untuk membuka peluang pekerjaan bagi mengubah kehidupan dan membentuk jati diri melalui program latihan kemahiran dan teknikal.
- b) Geran ini akan disasarkan kepada penerima bantuan kebajikan (melalui Agensi Pusat Zakat sebagai contoh) .
- c) Perkara ini masih di peringkat penilaian berdasarkan permohonan yang diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MENGHARGAI WARGA EMAS

32. Jom Shopping mendapat sambutan yang baik dari kalangan warga emas.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah yang telah mendaftar sebagai ahli SMUE ini?
- b) Berapakah jumlah warga emas yang telah mendapat manfaat Jom Shopping ini?
- c) Tidakkah terdapat cadangan untuk warga emas menggunakan sejumlah RM1000 semasa mereka masih hidup?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 29hb Februari 2012, seramai 180,785 orang telah berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas (SMUE).
- b) Sehingga 29hb Februari 2012, sejumlah RM4,360,900.00 telah dibelanjakan untuk program JOM Shopping yang melibatkan sejumlah 43,609 orang Ahli Skim Mesra Usia Emas yang berdaftar.
- c) Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor merancang mewujudkan pelbagai program untuk dinikmati oleh Ahli SMUE yang masih hidup tanpa menyentuh wang manfaat RM2500.00 sebagaimana program JOM Shopping dan program-program lain yang akan menyusul.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : TANAH TOL UNTUK TERNAKAN UDANG

33. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- (a) Sila senaraikan nama-nama Syarikat atau individu yang telah diberikan TOL dan keluasanya khususnya di persisiran pantai dari Sekinchan ke Tanjung Karang untuk tujuan ternakan Udang ?
- (b) Sila nyatakan apakah implikasi terhadap Ekosistem dan hakisan pantai persekitaran kawasan ternakan Udang yang banyak menebang pokok kayu paya bakau ?
- (c) Sila nyatakan kenapa tiada tindakan yang diambil oleh Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Perhutanan walaupun penduduk kampung telah membuat aduan demi aduan terhadap aktiviti berkenaan ?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor tidak mengeluarkan apa-apa kelulusan TOL untuk tujuan ternakan udang sejak tahun 2008.
- b) Hutan paya bakau adalah sempadan antara daratan dan lautan yang mempunyai banyak kepentingan terhadap ekosistem. Semua pesisiran pantai menghadapi bahaya hakisan akibat tindakan ombak dan arus pasang surut. Vegetasi hutan paya bakau dapat menstabilkan pesisiran pantai, tebing sungai dan muara dengan memberi perlindungan dari arus pasang surut, ombak dan ribut.

Keupayaan pokok bakau sebagai agen pemecah ombak semula jadi dapat mencegah, menahan atau mengurangkan risiko kejadian tsunami seperti yang berlaku pada 26hb Disember 2004. Kehadiran satu kawasan bakau yang luas di tepi laut dapat mengurangkan tenaga angin, ombak dan arus.

Pokok bakau juga berupaya menyerap bahan pencemar seperti sebatian nitrogen dan fosforus, mengurangkan pembiakan alga dan bakteria *E.Coli*, dan menambahkan kandungan oksigen terlarut.

Selain itu, hutan paya bakau juga merupakan tempat yang sesuai bagi pembiakan beberapa spesies seperti ikan, ketam, udang dan, kerang di mana hutan ini merupakan tempat hidupan berkenaan menetas dan membesar sebelum kembali ke laut. Jika hilangnya hutan ini ianya bukan sahaja memberi

kesan tidak langsung tetapi juga kesan langsung ke atas ekonomi sesebuah negara akibat kehilangan pendapatan dari industri perikanan.

Implikasi penebangan pokok bakau bagi mewujudkan kawasan ternakan udang:

- i. Risiko berlakunya hakisan pantai. Apabila pokok bakau ditebang tanpa kawalan, ia secara tidak langsung menukar kategori pantai di sesuatu kawasan daripada kawasan yang terlindung kepada kawasan yang terdedah kepada hakisan;
 - ii. Risiko banjir berlaku terutamanya pada musim air pasang besar berlaku;
 - iii. Hidupan marin seperti kerang-kerangan, ketam dan sebagainya semakin berkurangan, kawasan habitat dan sumber makanan bagi hidupan laut dan darat juga semakin berkurangan;
 - iv. Operasi ternakan udang juga berpotensi untuk menyumbang kepada pencemaran khususnya pencemaran air marin. Ini boleh berlaku sewaktu musim menuai di mana air dari kolam udang akan di salur keluar dan seterusnya masuk ke dalam sungai atau laut.
- c) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menjalankan siasatan dan pensampelan terhadap pelepasan efluen daripada aktiviti ternakan udang. Daripada ujian pensampelan yang telah dilakukan, terdapat efluen yang melepasi cadangan had pelepasan atau kemasukan bahan pencemar yang terjadual.

Bagi mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap isu ternakan udang ini, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menyediakan draf Peraturan-peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 dan kertas cadangan peraturan ini telah dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 29 Februari 2012.

Apabila Peraturan-peraturan ini diwartakan, pihak premis yang melepaskan efluen melebihi had piawaian adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan kompaun atau denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Maklumat tambahan untuk makluman Yang Berhormat,

Dalam peraturan tersebut, antara aktiviti yang tertakluk adalah aktiviti ternakan udang laut di mana setiap premis yang telah dilesenkan hendaklah mematuhi had piawaian yang telah ditetapkan bagi kualiti efluen yang dilepaskan. Parameter dan had piawaian tersebut adalah seperti berikut :

AKTIVITI	HAD KELUASAN/JENIS	PARAMETER	HAD PIAWAIAN
Akuakultur Udang Laut	10 hektar atau lebih	<i>Ammoniakal Nitrogen</i>	50 mg/l
		<i>Biological Oxygen Demand (BOD₅)</i>	50 mg/l
		<i>Total Suspended Solid</i>	100 mg/l
		<i>Total Nitrogen</i>	10 mg/l
		<i>Total Phosphorus</i>	1 mg/l

Nota : mg/l adalah miligram per liter

Kerajaan Negeri melalui LUAS juga kini sedang dalam peringkat penyediaan Pelan Pengezonan Guna Pantai (ICUZP) bagi Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam di mana kolam udang-kolam udang sedia ada juga diambil kira semasa penyediaan pelan tersebut dan tiada cadangan penambahan kawasan ternakan kolam udang.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga berusaha menganjurkan aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberi pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjamin bekalan air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan melalui LUAS adalah :

- i. Program Pembersihan Pantai dan Kempen Tanam Pokok Bakau di Hutan Simpan Kuala Sepang pada 1 Oktober 2011, dan
- ii. Program Pembersihan Pantai dan Kempen Tanam Pokok Bakau di Pantai Kelanang pada 26 November 2011.

Pelbagai program kesedaran seperti ini akan dilaksanakan pada tahun ini dalam usaha mendidik masyarakat setempat akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : TERMINAL BAS DAN TEKSI PELABUHAN KLANG

34. Amnya di Pelabuhan Klang terdapat sebuah terminal bas dan teksi bagi kegunaan masyarakat setempat dan pelancong asing tetapi fasiliti tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi menghidupkan semula kawasan tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri turut membantu dalam memajukan stesen bas di Pelabuhan Klang dan kawasan sekitarnya?
- c) Nyatakan perancangan yang telah atau akan dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi menaiktarafkan kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis telah pun menyediakan Rancangan Tempatan Khas Pelabuhan Klang yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan aktiviti dan memandu Majlis di dalam pembangunan terancang yang berdaya maju bagi Bandar Pelabuhan Klang meliputi kawasan Terminal Bas ini. Pembangunan-pembangunan lain yang diluluskan kelak dijangka menjadi nilai tambah terhadap keperluan hub pengangkutan di kawasan Pelabuhan Klang / kawasan sebelah selatan selaras dengan medium pengangkutan lain seperti kereta api/ komuter dan feri yang juga berada di kawasan ini.

Selain daripada itu, pihak Majlis juga sedang mengambil tindakan penambahbaikan dan menaik taraf ke atas bangunan terminal selain usaha untuk melaksanakan projek penswastan / pajakan dengan mana-mana pihak swasta.

- b) & c)

Pihak Kerajaan Negeri turut serta di dalam pembangunan mana-mana kawasan di dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan melalui program-program Kerajaan Negeri secara langsung dan tidak langsung seperti Program Galakan Pelaburan, Pemutihan Kilang-kilang dan lain-lain yang kesannya meningkatkan pelaburan dan keperluan pengangkutan awam secara langsung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: BILLBOARD DI MPAJ

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan semua billboard di bawah MPAJ dan bayaran yang dikenakan untuk setiap billboard.
- b) Bagaimanakah billboard yang berada ditepi MRR2 dapat diluluskan? Sila nyatakan kriteria.

JAWAPAN:

- a) Senarai billboard dan bayaran yang dikenakan untuk setiap *billboard* di kawasan MPAJ adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Kerajaan Negeri telah menyediakan satu Garis Panduan Papan Iklan Luaran (Billboard) di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor untuk diguna pakai oleh semua PBT di Negeri Selangor.

Namun begitu, semua PBT dibenarkan untuk membuat penyelarasan dan penambahbaikan ke atas garis panduan sedia ada supaya sesuai dengan peraturan di PBT masing-masing.

Setakat ini, di kawasan pentadbiran MPAJ, tiada pertambahan jumlah *billboard* yang dibina di tepi MRR2. Kerja-kerja mendirikan struktur *billboard* pada masa ini adalah bagi permohonan terdahulu yang telah lulus. Ianya juga melibatkan kerja-kerja menaiktaraf *billboard* sedia ada akibat penjajaran jalan projek penyuraian trafik oleh pihak JKR di MRR 2. Jumlah *billboard* sedia ada di tepi MRR2 di kawasan MPAJ yang telah diluluskan setakat ini adalah sebanyak **60 unit** dengan hasil kutipan sebanyak **RM701,960.00**.

Kriteria kelulusan *billboard* di tepi MRR2 adalah seperti berikut:-

- i. Kelulusan permohonan mendirikan *billboard* hendaklah selaras dengan garis panduan sedia ada iaitu :
 - 1) Garis panduan Pemasangan Papan Iklan Luaran (Billboard) MPAJ 2010.

- 2) Garis Panduan Papan Iklan Luaran di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang di keluarkan melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT bil. 3/2009).
- ii. Mendapat kelulusan TOL daripada Pejabat Tanah.
 - iii. Mendapat sokongan daripada semua Jabatan Teknikal Dalam Majlis iaitu :
 - 1) Kelulusan permit struktur daripada Jabatan Bangunan dan Seni bina, MPAJ.
 - 2) Mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) menaikkan struktur *billboard* daripada Jabatan Perancang Bandar, MPAJ.
 - 3) Mendapat sokongan kesesuaian lokasi bagi mendirikan struktur *billboard* daripada Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta Majlis, MPAJ.

Semua permohonan *billboard* akan dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas *Billboard* dan Menara Telekomunikasi MPAJ. Laporan mesyuarat tersebut akan dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis dan Mesyuarat Penuh Majlis setiap bulan.

SENARAI JUMLAH BILLBOARD MENGIKUT PEMBAHAGIAN JALAN

BIL.	JENIS JALAN	UNIPOLE		MINIPOLE		FREE STANDING		LED		JEJANTAS		JEJAMBAT		ATAS BUMBUNG		JUMLAH	
		UNIT	RM	UNIT	RM	UNIT	RM	UNIT	RM	UNIT	RM	UNIT	RM	UNIT	RM	UNIT	RM
1	Jalan Lingkar Tengah II	25	457,129.50	2	24,310.00	16	153,840.00	0	0	6	23,955.00	9	35,335.50	2	7,390.00	60	701,960.00
2	Jalan Persekutuan (Jalan Ampang)	1	23,630.00	3	28,350.00	8	76,920.00	1	2,960.00	1	6,630.00	1	2,840.00	4	15,207.00	19	153,537.00
3	Jalan Daerah (jalan-jalan utama Majlis)	0	0	0	0	19	147,915.00	0	0	1	13,620.00	0	0	0	0	20	161,535.00
4	Jalan Tempatan	0	0	0	0	11	72,995.00	0	0	0	0	0	0	2	8,682.00	13	81,677.00
	JUMLAH	26		5		54		1		8		10		8	JUMLAH BESAR	112	1,098,709.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH WAKAF

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah tanah wakaf di seluruh Selangor?
- b) Apakah bentuk pembangunan yang di jalankan bagi memajukan tanah berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Statistik Keseluruhan Permohonan Wakaf Individu di Negeri Selangor Mengikut Daerah Sehingga Bulan Disember 2011

DAERAH	TELAH DAFTAR		DALAM PROSES PENDAFTARAN		JUMLAH	
	JUM. LOT/FAIL	JUM. EKAR	JUM. LOT/FAIL	JUM. EKAR	JUM. LOT/FAIL	JUM. EKAR
KLANG	117	140.7125	54	31.8074	171	172.5199
PETALING	17	7.04932	7	0.6	24	7.64932
K. LANGAT	95	115.9611	43	27.0466	138	143.0077
SEPANG	34	33.8899	13	30.7459	47	64.6358
H. LANGAT	50	84.7451	29	32.6441	79	117.3892
GOMBAK	47	24.08884	12	1.23079	59	25.31963
K. S'GOR	86	120.8335	39	28.35108	125	149.18458
S. BERNAM	168	240.0995	73	77.1215	241	317.221
H. S'GOR	20	37.1282	8	8.8336	28	45.9618
JUMLAH	634 (69.5 %)	804.50796 (77.1 %)	278 (30.5 %)	238.38097 (22.9 %)	912 (100 %)	1042.88893 (100 %)

- b) Bentuk pembangunan yang dijalankan bagi memajukan tanah berkenaan adalah sama ada berbentuk pertanian atau komersil, bergantung kepada lokaliti tanah wakaf tersebut. Dalam memajukan dan membangunkan tanah wakaf ini, beberapa objektif telah ditetapkan, antaranya adalah:
 - i. untuk meningkatkan nilai ekonomi hartanah wakaf di Selangor;

- ii. untuk meningkatkan nilai pelaburan yang munasabah bagi hartanah wakaf melalui aktiviti-aktiviti ekonomi; dan
- iii. untuk tujuan Fi sabillillah.

Sebarang hasil yang bakal diterima daripada pembangunan yang dijalankan kelak akan diagihkan mengikut niat asal pewakaf.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM MIKROKREDIT BANDAR (MIMBAR)

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila beri statistik pinjam yang telah diberi mengikut DUN dan etnik?
- b) Sila berikan peratusan pembayaran baliknya.

JAWAPAN :

- a) Statistik penerima MiMBAR Selangor bermula dari Bulan Mac 2011 hingga Februari 2012 mengikut DUN adalah:

BIL	DUN	JUMLAH DARI MAC 2011- FEBRUARI 2012	PERATUS (%)
1	BALAKONG	93	3.74
2	BANGI	28	1.13
3	BATU CAVES	130	5.23
4	BATU TIGA	152	6.11
5	BKT ANTARABANGSA	36	1.45
6	BUKIT GASING	1	0.04
7	BUKIT LANJAN	14	0.56
8	CEMPAKA	58	2.33
9	DENGKIL	22	0.88
10	DUSUN TUA	29	1.17
11	GOMBAK SETIA	131	5.27
12	HULU KELANG	89	3.58
13	KAJANG	68	2.73
14	KINRARA	55	2.21
15	KOTA ALAM SHAH	17	0.68
16	KOTA ANGGERIK	63	2.53
17	KOTA DAMANSARA	117	4.70
18	KUANG	93	3.74
19	LEMBAH JAYA	123	4.94
20	MERU	88	3.54
21	PANDAMARAN	8	0.32
22	PAYA JARAS	78	3.14

23	PELABUHAN KLANG	100	4.02
24	RAWANG	71	2.85
25	SELAT KLANG	124	4.98
26	SEMENTA	95	3.82
27	SEPANG	11	0.44
28	SG PELEK	31	1.25
29	SG PINANG	20	0.80
30	SRI ANDALAS	100	4.02
31	SRI KEMBANGAN	6	0.24
32	SRI MUDA	111	4.46
33	SRI SERDANG	114	4.58
34	SRI SETIA	20	0.80
35	SUBANG JAYA	29	1.17
36	TAMAN MEDAN	81	3.26
37	TAMAN TEMPLER	68	2.73
38	TERATAI	14	0.56
JUMLAH		2,488	100.00

Statistik penerima MiMBAR Selangor bermula dari Bulan Mac 2011 hingga Februari 2012 mengikut etnik menunjukkan sebanyak 91.44% (2,275 orang) penerima terdiri daripada bangsa Melayu, 6.43% (160 orang) daripada masyarakat India dan 2.09% (52 orang) pula terdiri daripada bangsa Cina. Manakala sebanyak 0.04% (1 orang) pula adalah penerima yang terdiri di dalam golongan orang asal.

ETNIK/KAUM	JUMLAH	PERATUS (%)
MELAYU	2,275	91.44
INDIA	160	6.43
CINA	52	2.09
ORANG ASAL	1	0.04
JUMLAH KESELURUHAN	2,488	100.00

- b) Seperti sedia maklum, masyarakat bandar berbeza dengan masyarakat luar bandar. Masyarakat bandar memiliki kepakaran dalam memberi pelbagai helah dan alasan semasa proses kutipan dijalankan. Tidak sebelum pinjaman diberikan, ayat-ayat manis ditaburkan bagi mengaburi penilaian pihak MiMBAR Selangor dalam meluluskan permohonan golongan ini. Ini terjadi di awal penubuhan MiMBAR Selangor dimana ramai peserta diluluskan bagi mengejar kuantiti tetapi kurang berkualiti. Dari masa ke semasa MiMBAR Selangor semakin matang dan dapat menilai seseorang itu dan cuba untuk mengurangkan memberi kelulusan kepada pemohon yang tidak layak. MiMBAR Selangor mengakui bahawa untuk membuat penilaian ini ianya agak susah tetapi pihak

MiMBAR Selangor belajar dari pengalaman dan juga menghadiri Latihan bagi memantapkan teknik-teknik penilaian ini. Rata-rata institusi Mikrokredit lain seperti AIM dan TEKUN juga menghadapi masalah yang sama dalam proses kutipan bayaran balik pinjaman di kawasan bandar. NPL yang direkodkan bagi institusi Mikrokredit kawasan Bandar adalah dalam lingkungan 30% - 50%. Peratusan bayaran balik pinjaman MiMBAR Selangor yang berjaya dikutip adalah sebanyak 71% jadi NPL MiMBAR Selangor adalah sebanyak 29%. Bagi masyarakat miskin bandar, trend pembayaran balik pinjaman ini boleh dikategorikan kepada 4 kategori iaitu:

i. Golongan cemerlang

Golongan ini adalah peserta yang sangat cemerlang bayaran balik pinjamannya yang mana tidak perlu diingatkan kepada mereka tentang bayaran balik, mereka memang sudah menyediakan duit di dalam akaun mereka untuk proses SI.

ii. Golongan yang 'manja'

Golongan ini adalah peserta yang perlu diingatkan mengenai bayaran balik pinjaman, pegawai perlu pergi berjumpa mereka untuk membuat kutipan. Rata-rata peserta MiMBAR Selangor sibuk menguruskan perniagaan mereka sehingga kadang-kadang tiada masa untuk pergi ke bank. Ada juga peserta yang memang 'manja' mahukan pegawai MiMBAR Selangor yang membuat kutipan disebabkan beberapa masalah yang mereka hadapi.

iii. Golongan yang 'Liat'

Mereka ini adalah golongan yang perlu diingatkan berkali-kali dan perlu dikunjungi berkali-kali juga untuk mendapatkan bayaran. Jika tidak mereka akan memdiamkan diri dan berpura-pura lupa untuk membuat bayaran. Sesetengah mereka ini sangat tegar tidak mahu membayar kerana bagi mereka ini adalah duit Kerajaan yang diberi kepada rakyat tanpa perlu bayar balik. Ada juga peserta yang salah faham mengenai pinjaman ini kerana mereka memaklumkan bahawa ada sesetengah Yang Berhormat telah menyatakan menyatakan bahawa duit ini adalah ehsan Kerajaan Negeri Selangor.

iv. Golongan yang bermasalah

Segelintir dari peserta MiMBAR Selangor yang termasuk dalam kategori ini, yakni mereka yang tidak dapat dikesan selepas pinjaman diberikan. Ada yang berpindah dan menukar nombor telefon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: MEMBARUMUKA JALAN-JALAN SELURUH SELANGOR

38. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah peruntukkan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi kerja-kerja membarumuka jalan-jalan seluruh Selangor?
 - b) Apakah jalan-jalan tersebut serta jadual kerja-kerja tersebut akan dilakukan?

JAWAPAN:

- a) Bagi jalan-jalan JKR, berikut adalah jumlah peruntukan bagi kerja-kerja membarumuka jalan-jalan seluruh Selangor bagi tahun 2012 sehingga kini:-
 - Negeri – RM 38,000,000.00
 - Federal – RM 11,807,885.14
- b) Sila rujuk Lampiran 1

SENARAI KERJA MEMBARUMUKA JALAN NEGERI 2012

Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan 2012	Status Kerja
DAERAH PETALING				
1	MELEBAR DAN MEMPERKUKUHKAN JALAN MONTEREZ KE TUDM	42,000,000.00	-	SIAP
2	MENAIKTARAF JALAN MONFORT (B29) DARI PERSIMPANGAN POLITEKNIK SHAH ALAM KE JALAN MASUK TUDM SHAH ALAM	46,650,000.00	-	SIAP
3	MELEBAR JLN & MEMPERKUKUH JLN2 KAMPUNG MELAYU SUBANG FASA 1A & 2	13,950,000.00	-	SIAP
4	MELEBAR JLN & MEMPERKUKUH JLN2 KAMPUNG MELAYU SUBANG FASA 1	5,250,000.00	-	SIAP
5	MENAIKTARAF LALUAN B49 JALAN SHAH ALAM - BATU ARANG	150,000,000.00	1,000,000.00	MULA JULAI 2012
DAERAH GOMBAK				
6	MENAIKTARAF LALUAN NEGERI B22, JALAN BATU CAVES	15,000,000.00	500,000.00	MULA MEI 2012
7	MENAIKTARAF B28 JALAN GREENWOOD	2,000,000.00	1,500,000.00	DALAM PEMBINAAN
8	MENAIKTARAF LALUAN B22 (JALAN SUNGAI PUSU)	3,000,000.00	-	SIAP
9	MENAIKTARAF JALAN SELAYANG - KEPONG	5,000,000.00	500,000.00	MULA JUN 2012
DAERAH KLANG				
10	MENAIKTARAF JALAN KEBUN NENAS	15,000,000.00	3,000,000.00	MULA NOV 2012
11	MENAIKTARAF LALUAN 148 JALAN TELOK GONG	50,000,000.00	3,000,000.00	MULA MEI 2012
12	MENAIKTARAF JALAN KG.LOMBONG	30,000,000.00	3,000,000.00	MULA OKT 2012
13	MENAIKTARAF JALAN HJ MANAN DAERAH KLANG	20,000,000.00	1,000,000.00	MULA JUN 2012
DAERAH KUALA LANGAT				
14	MENAIKTARAF LALUAN B58 JALAN BANTING-RABA	40,000,000.00	5,000,000.00	DALAM PEMBINAAN
15	MENAIKTARAF LALUAN B69	5,000,000.00	500,000.00	MULA APRIL 2012
DAERAH HULU LANGAT				
16	MENAIKTARAF JALAN-JALAN UTAMA DI KAWASAN INSTITUSI	20,000,000.00	3,000,000.00	MULA OGOS 2012
DAERAH KUALA SELANGOR				
17	MENAIKTARAF LALUAN B42 DARI SIMPANG LALUAN B74 KE KG.RAJA MUSA (FASA I)	60,000,000.00	12,000,000.00	DALAM PEMBINAAN
18	MENAIKTARAF LALUAN B74 DARI SIMPANG UNISEL KE SEMPADAN HULU SELANGOR	40,000,000.00	2,000,000.00	MULA JULAI 2012
19	MENAIKTARAF LALUAN B33 JALAN KUALA SELANGOR - BATANG BERJUNTAI DARI SIMPANG TELUK PIAI KE KG.KUANTAN (FASA 3)	25,000,000.00	500,000.00	MULA MEI 2012
20	MENAIKTARAF JALAN NEGERI B35 (JALAN SIMPANG 3 IJOK - BTG.BERJUNTAI)	12,000,000.00	-	SIAP
DAERAH HULU SELANGOR				
21	MENAIKTARAF JALAN AMPANG PECHAH RASA	3,000,000.00	1,000,000.00	MULA MEI 2012
22	MENAIKTARAF LALUAN B44 DARI SEMPADAN SABAK BERNAM KE BKT.JERANG BELANGA (FASA 1)	30,000,000.00	500,000.00	MULA MEI 2012
	JUMLAH	632,850,000.00	38,000,000.00	

SENARAI KERJA MEMBARUMUKA JALAN PERSEKUTUAN 2012

Bil	Rujukan AK	Lokasi			Perihal Kerja	Status	Nilai Kerja
		Daerah	No Laluan	Seksyen			
1	BP2012/001	Gombak	FT 068	13.50 - 39.90	Kerja-kerja membaiki kerosakan jalan (mill & pave) LTDL	Siap	300,000.00
2	BP2012/002	Klang	FT 005	439	Kerja-kerja membarumuka jalan di persimpangan Carefour	Siap	500,000.00
3	BP2012/003	Sabak Bernam	FT 005	515.00 - 529.00	Kerja-kerja membaikpulih permukaan jalan	Siap	300,000.00
4	BP2012/004	Kuala Selangor	FT 054		Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Dalam Pelaksanaan	300,000.00
5	BP2012/005	Sepang	FT 005	362.5-363.5	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Dalam Pelaksanaan	370,131.96
6	BP2012/006	Klang	FT 190	0.00 - 7.00	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Siap	999,822.56
7	BP2012/007	Kuala Langat	FT 005	378.50 - 422.20	Kerja-kerja membaikpulih permukaan jalan	Siap	205,114.37
8	BP2012/008	Sepang	FT 030	0.10 - 0.16, 8.30, 3.80	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Dalam Pelaksanaan	77,809.20
9	BP2012/009	Klang	FT 005	416	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Dalam Pelaksanaan	299,592.06
10	BP2012/010	Klang	FT 190	14.5 - 15.0	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Dalam Pelaksanaan	299,162.30
11	BP2012/011	Hulu Langat	FT 031	37.5-39.5 dan 41.0-42.0	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Dalam Pelaksanaan	499,801.21
12	BP2012/012	Hulu Langat	FT 001	364.4 - 365.4	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Dalam Pelaksanaan	300,076.02
13	BP2012/013	Hulu Langat	FT 3210	10.0 - 11.0	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan	Dalam Pelaksanaan	199,845.30
14	BP2012/014	Hulu Langat	Pintas Kajang	0.00 - 2.50	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan yang Rosak	Dalam Pelaksanaan	400,000.00
15	BP2012/015	Hulu Langat	FT 001	345.3 - 345.8	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan yang Rosak	Dalam Pelaksanaan	157,905.20
16	BP2012/016	Hulu Langat	Pintas Kajang		Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan yang Rosak	Dalam Pelaksanaan	13,270.60
17	BP2012/017	Hulu Selangor	FT 55	0.00 - 3.00	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan (Regulate & Overlay)	Dalam Pelaksanaan	5,879.48
18	BP2012/018	Hulu Selangor	FT 1205	13.90 - 15.00	Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan (Depression Road Surface)	Dalam Pelaksanaan	118,593.76
19	BP2012/019	Hulu Selangor	FT 001	402.00 - 468.90	Menaiktaraf Aspek Keselamatan Jalan (Lokasi Terpilih)	Dalam Pelaksanaan	940,000.00
20	BP2012/020	Sepang	FT 029	47.4	Maintenance of pavement & culvert	Dalam Pelaksanaan	30,109.61
21	BP2012/021	Sepang	FT 005	360.40 - 360.50	Maintenance of pavement & culvert	Dalam Pelaksanaan	1,725.00

LAMPIRAN 1

22	BP2012/022	Sepang	FT 029	46.7	Maintenance of pavement joint & FRP Grating	Dalam Pelaksanaan	7,826.00
23	BP2012/023	Petaling	FT 015	0.00 - 1.70	Membaiki Permukaan Jalan (pavement & roadmarking)	Dalam Pelaksanaan	72,914.51
24	BP2012/024	Petaling	FT 3214		Kerja-kerja penyenggaraan jalan dan kerja-kerja lain yang berkaitan	Dalam Pelaksanaan	1,000,000.00
25	BP2012/025	Hulu Langat	FT 3210	0.00 - 0.35	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan di Persimpangan Batu 9	Dalam Pelaksanaan	341,169.62
26	BP2012/026	Hulu Langat	FT 3210	2.50 - 3.20	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan di Batu Raya & Sek. Sg. Serai	Dalam Pelaksanaan	363,291.29
27	BP2012/027	Hulu Langat	FT 3210	4.20 - 4.50	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan (Pave & Drainage) di Persimpangan Kuari	Dalam Pelaksanaan	244,243.90
28	BP2012/028	Hulu Langat	FT 3210	5.50 - 7.00	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan (Pave & Rise Up) Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan	Dalam Pelaksanaan	460,227.62
29	BP2012/029	Hulu Langat	FT 3210	7.3	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan (Widening) di Berhadapan Padang Bola Batu 9	Dalam Pelaksanaan	80,366.27
30	BP2012/030	Hulu Langat	FT 3210	7.60 - 8.60	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan di Batu 14 ke Kg. Sg. Semungkis (Pave)	Dalam Pelaksanaan	347,427.03
31	BP2012/031	Hulu Langat	FT 3210	9.50 - 11.70	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan dan Kerja-kerja Berkaitan (Pave) SRA DUSUN TUA	Dalam Pelaksanaan	429,483.85
32	BP2012/032	Hulu Langat	FT 3210	9.50 - 11.70	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan dan Kerja-kerja Berkaitan Di Pekan Bt 18 (Pave)	Dalam Pelaksanaan	233,822.93
33	BP2012/033	Hulu Langat	FT 001	355.30 - 354.90	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan di Persimpangan Taman Jasmin (Recon)	Dalam Pelaksanaan	606,306.16
34	BP2012/034	Hulu Langat	FT 001	350.10 - 350.50	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan di Persimpangan Kg. Pasir (Recon)	Dalam Pelaksanaan	456,840.41
35	BP2012/035	Hulu Langat	FT 001	345.90 - 346.40	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan di Persimpangan Kilang Minyak (Recon)	Dalam Pelaksanaan	411,654.02
36	BP2012/036	Hulu Langat	FT 001	344.50 - 345.00	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan di Persimpangan Tasik Kesuma (Recon)	Dalam Pelaksanaan	433,472.90
37	BP2012/037	Hulu Langat	FT 001	341.00 - 342.00	Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan di Persimpangan Sasapan Kelubi (Recon)	Dalam Pelaksanaan	663,840.48
38	BP2012/038	Hulu Langat	FT 001	339.80 - 340.50	Bridge Maintenance Work (MS Plate)	Dalam Pelaksanaan	27,810.00
39	BP2012/039	Klang	FT 181	14.00 & 16.00	Kerja-kerja Membaikpulih Permukaan Jalan (Regulate)	Dalam Pelaksanaan	182,535.44
					JUMLAH		11,807,885.14

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : ELAUN PEGAWAI MASJID

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan Elaun Pegawai Masjid di seluruh Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Dimaklumkan bahawa, Elaun Pegawai Masjid seluruh Negeri Selangor dibayar menggunakan peruntukkan Lembaga Zakat Selangor. Buat masa ini tiada cadangan pembayaran elaun menggunakan peruntukkan kerajaan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : LATIHAN *TRAINING OF TRAINERS (TOT)* BAGI GURU SEKOLAH
AGAMA RAKYAT**

40. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah guru-guru Sekolah Agama Rakyat yang telah menerima latihan *Training of Trainers (TOT)* daripada Kerajaan Negeri dan apakah jenis-jenis latihan yang diterima ?

JAWAPAN:

a)

i- Bermula tahun 2009, Guru –guru KAFA di Sekolah Agama Rakyat telah diberi latihan – latihan jangka pendek mengikut modul-modul yang disediakan di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS) dan Pusat Sumber Pendidikan (PSPJ) sehingga sekarang kerjasama sedang terus dibuat bersama NGO – NGO sekolah Persendirian termasuk Persatuan Institut Tahfiz Selangor (PITAS) dan Majlis Permuafakatan Pendidikan Islam Selangor. Pada tahun 2011 jumlah guru yang dapat mengikuti latihan adalah seramai 589 orang.

ii- Jenis-jenis latihan yang diberikan ialah :

1. Kursus Pengajaran Dan pembelajaran Berkesan
2. kursus Pedagogi Pendidikan Islam
3. Kursus Psikologi Pendidikan menurut Islam
4. Kursus kemahiran Kaunseling
5. Kursus Pengurusan Dan pentadbiran
6. Kursus Kemahiran ICT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: MINAT MEMBACA DI PERPUSTAKAAN

41. Sedia maklum masih ramai rakyat di Negeri Selangor yang kurang minat membaca dan mendapatkan ilmu di perpustakaan yang sedia ada.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah inisiatif dari Kerajaan Negeri bagi mewujudkan dan menanamkan minat membaca di kalangan rakyat di Negeri Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan sebarang bentuk program "*roadshow*" seperti program berbentuk ilmiah bagi menarik minat rakyat untuk membaca dan mendapatkan ilmu di perpustakaan?
- c) Nyatakan program-program yang telah serta akan dianjurkan dan berapa peratuskah keberjayaan sesebuah program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri melalui pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah memulakan penjenamaan semula agensi ini bermula pada 25 Mei 2009.

Konsep yang difokuskan ialah membina semula perubahan hati, minda dan sikap ("*heart set*", "*mind set*" & *behaviour change*) semua warga kerja PPAS. Ini dilakukan melalui bengkel-bengkel teambuilding dan Kursus *Parenting*.

Antara inisiatif Kerajaan Negeri bagi mewujudkan dan menanamkan minat membaca di kalangan rakyat di Negeri Selangor ialah:

- i) **Pesta Buku Negeri Selangor 2011** yang telah bermula dari 24 Jun – 3 Julai 2011 di Pusat Konvensyen Shah Alam telah menerima sejumlah **328,530** pengunjung Pesta Buku Negeri Selangor 2011.

ii) Penjenamaan Semula bangunan perpustakaan yang lebih berkonsepkan “*Library My Second Home*” atau Perpustakaan Rumah Keduaku. Penyediaan infrastruktur perpustakaan yang lebih selesa akan menarik perhatian pengunjung bukan sahaja untuk meminjam bahan bacaan, tetapi untuk terus berada di perpustakaan untuk membaca. Kesemuanya dilengkapi koleksi buku yang bermutu dengan perabot moden yang selesa dan menarik, tandas dan ruang solat yang bersih, perkhidmatan multimedia–wifi percuma dan kemudahan kafe yang bersesuaian. Antara bangunan baru perpustakaan yang telah mengikut konsep “*rebranding*” ini ialah Perpustakaan Pekan Semenyih (Februari 2010) Perpustakaan Komuniti Apartment Mawar, Bukit Beruntung (15 April 2010), Perpustakaan Komuniti Sri Manja, Petaling (18 Oktober 2010), Perpustakaan Komuniti Apartment Sri Perantau, Pelabuhan Klang (31 Mei 2011) dan Perpustakaan Pekan Ampang Waterfront (17 Oktober 2011).

Perpustakaan lain yang sedang dalam proses penjenamaan dan pembinaan ialah: Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya (April 2012), Perpindahan bangunan baru Perpustakaan Cawangan Kajang (Jun 2012), pembinaan Perpustakaan baru Perpustakaan Kg Sg Udang, Klang (Disember 2012).

iii) Kemudahan di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam

Fokus seterusnya ialah berusaha menarik pengunjung remaja dari sekitar siber kafe, pusat hiburan, pusat membeli belah ke perpustakaan, ialah dengan mengadakan perkhidmatan nilai tambah di bangunan baru Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, iaitu konsep *edutainment (education + entertainment)* – melalui Teater Mini 3D & Teater 6D, kemudahan gimnasium serta dewan serbaguna yang secara tidak langsung, perkhidmatan nilai tambah ini akan menimbulkan suasana minat membaca yang lebih mendalam kepada semua kategori pengunjung.

i) Zon Kreatif dibangunkan untuk memudahkan penganjuran pelbagai aktiviti yang merangsang minda. Kemudahan pentas membolehkan kanak-kanak menyertai

aktiviti yang dijalankan setiap hujung minggu dan musim cuti sekolah seperti pertandingan mewarna, bercerita, senam ria dan pertunjukan boneka.

- *Reading Tree*: merupakan ruang berkonsep taman dalam perpustakaan untuk kanak-kanak membaca dalam suasana yang santai. Sebatang replica pokok besar dibina untuk menggamit kanak-kanak berehat dan membaca dibawahnya tanpa mengira apa jua cuaca di luar sana, dengan dikelilingi bahan bacaan di rak yang berwarna-warni
- UBIQ Window: Aplikasi Ubiq Window menggunakan sensor yang mengesan pergerakan tangan untuk mengakses maklumat melalui ikon yang dipaparkan di skrin. Projek animasi pertama PPAS, Koleksi Animasi cerita asal-usul Daerah Sabak Bernam, yang ditayangkan di Ubiq Window, bukan sekadar koleksi cerita untuk memenuhi masa lapang kanak-kanak, tetapi turut memperkayakan pengetahuan mereka dengan sejarah tempatan.
- Zon Interaktif yang berupaya membangkitkan mood ceria kanak-kanak, manakala permainan Nintendo Wii disediakan bagi meransang pemikiran yang strategik dalam permainan komputer, dengan caj minima RM 0.50 untuk setiap 15 minit. Pengguna boleh memilih permainan yang disukai seperti tenis, badminton, golf dan bowling.
- On Location Reporter: Aplikasi membina keyakinan diri untuk pengucapan awam dengan gaya seorang wartawan melaporkan secara lintas langsung.
- Zon Siber menyediakan 8 komputer peribadi berasaskan windows dan 8 buah iMAC. Perkhidmatan ini hanya mengenakan bayaran sebanyak RM 1.00 sahaja untuk penggunaan selama 1 jam bagi setiap komputer.

ii) Ruang multimedia di setiap tingkat, terdapat 14 unit komputer disetiap tingkat yang terdiri daripada 5 komputer iMac dengan sistem operasi Snow Leopard OS X, dan 9 komputer berasaskan Windows 7, untuk pilihan pengguna di tingkat bawah hingga tingkat 4. Disini juga terdapat perkhidmatan WIFI percuma.

iii) Teater 6D merupakan teater berteknologi 6D Motion Ride gabungan kesan khas pencahayaan, gegaran, angin, visual 3D dan bunyi. Perkhidmatan Teater XD telah dibuka kepada orang ramai pada 22 Julai 2011. Terdapat 8 unit kerusi 6D, dan empat pilihan filem pendek iaitu *Canyon Coaster*, *Cosmic Coaster*, *Ravine Racer* dan *Haunted Mine*. Pihak PPAS telah mengenakan bayaran sebanyak RM10 untuk satu filem tersebut.

v) Bilik Mini 3D yang berkapasiti 30 orang dan merupakan bilik khas untuk tayangan filem yang berteknologi 3 dimensi, dilengkapi sofa dan kusyen empuk yang selesa bagi membangkitkan suasana seperti berada dirumah sendiri. Mini 3D ini dibuka kepada orang ramai pada 28 Disember 2011 dan dikenakan bayaran sebanyak RM 7 sahaja.

vi) Gimnasium: Berkonsepkan '*Healthy Body, Healthy Mind*' , PPAS telah mewujudkan gimnasium untuk pengguna perpustakaan . Gimnasium terletak Tingkat Bawah (*Lower Ground*), dan telah dibuka perkhidmatan kepada orang ramai secara percubaan dan percuma pada 3 November 2011. Pada 3 Disember 2011, Pihak PPAS telah mengenakan bayaran sebanyak RM 5 untuk sekali masuk.

vii) Perpustakaan Raja Tun Uda turut dilengkapi beberapa dewan yang boleh digunakan untuk majlis-majlis ilmu seperti seminar, bengkel dan ceramah iaitu:

- Bilik Seminar berkapasiti 60 orang di Tingkat Bawah (*Lower Ground*)
- Bilik Taklimat berkapasiti 30 orang di Tingkat Bawah
- Bilik Seminar berkapasiti 36 orang di Tingkat 1
- Bilik Latihan berkapasiti 28 orang di Tingkat 2
- Auditorium berkapasiti 200 orang di tingkat 3
- Dewan Serbaguna berkapasiti 150 orang di Tingkat 3

- Bilik Seminar berkapasiti 100 orang di Tingkat 4
- Bilik Mesyuarat Utama berkapasiti 40 orang di tingkat 4
- Bilik Mesyuarat lain-lain yang berkapasiti 15 orang
- Bilik Perbincangan berkapasiti 6-8 orang
-

vii) Kafetaria dibina di luar bangunan perpustakaan ini, para pelanggan dapat menikmati suasana nyaman tasik yang tenang. Kafetaria ini menyediakan pelbagai pilihan makanan pada harga yang berpatutan dan dilengkapi dengan kemudahan wifi, perabot moden dan selesa.

- b) PPAS sentiasa merancang program-program yang melibatkan keseluruhan pusat- pusat perkhidmatan yang berjumlah 96 buah pusat di seluruh daerah negeri Selangor. Melalui Gerakan Membaca di setiap daerah, PPAS membuat jalinan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan, sekolah, NGO'S, contoh program yang berbentuk ilmiah, perpustakaan turut menyertai *roadshow* Generasi Idaman Selangor atau GEMS.

Antara pengisian program ilmiah seperti : Bengkel Speed Reading, Kem Solat, Kuiz JKKK, bacaan pantas, Buku Bacaan saya, Motivasi UPSR/PMR/SPM, Pelancaran Buku Baru, dan lain-lain yang seumpamanya sering dijalankan saban tahun

- c) Antara program yang telah dianjurkan bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Tahun 2010

Hari Ilmu & Gerakan Membaca Perdana / Largest Outdoor Reading Event di Taman Tasik Shah Alam pada 26 Jun 2010 : (memecah rekod Malaysia Book of Records dengan **sasaran awal sejumlah 5,000 orang pembaca, pencapaian sebenar : 15,271 pembaca.**

Pesta Buku Negeri Selangor yang berlangsung dari **25 Jun – 5 Julai 2010**, di Kompleks PKNS Shah Alam telah menerima sejumlah **423, 315** pengunjung

Bagi pelaksanaan program **Gerakan Membaca/Kempen membaca serta galakguna** perpustakaan sepanjang tahun 2010 sejumlah **522 aktiviti** telah dijalankan oleh seluruh perpustakaan daerah, cawangan, pekan, dan desa. Semua perkhidmatan perpustakaan telah melaksanakan program galakguna perpustakaan walaupun di dalam skala kecil dan minima.

Tahun 2011

Hari Ilmu Negeri Selangor pada 26 Jun 2011: pengisian - Perhimpunan dan **Konvensyen Penulis-penulis Malaysia**, sejumlah 300 penulis berdaftar dan *walk in hadir*. Program yang membina ransangan menulis ini menjemput penulis buku, jurnal, majalah, novel, kolumnis, penulis blog, profesional dan amatir.

Program 15 Minutes Reading Break, satu inisiatif baru perpustakaan untuk terus membina ransangan membaca rakyat Selangor menjadikan waktu yang telah ditetapkan dari 10.45 – 11.00 pagi pada 26 Jun, sebagai waktu yang sangat bernilai. Dilaksanakan diseluruh daerah negeri Selangor dengan kejayaan mengumpul lebih dari 100 keahlian baru perpustakaan bagi setiap daerah.

Pesta Buku Negeri Selangor 2011 yang telah bermula dari **24 Jun – 3 Julai 2011** di Pusat Konvensyen Shah Alam telah menerima sejumlah **353,035** pengunjung Pesta Buku Negeri Selangor 2011.

IMPAK PESTA BUKU NEGERI SELANGOR

TAHUN	PENGUNJUNG	LOKASI
2006	50,000	PKNS, Shah Alam
2007	93,000	PKNS, Shah Alam
2008	262,370	PKNS, Shah Alam
2009	390,961	PKNS, Shah Alam
2010	423,315	PKNS, Shah Alam
2011	353,035	SACC, Shah Alam

Bagi pelaksanaan program **Gerakan Membaca /Kempen membaca serta galakguna** perpustakaan dari Januari – Disember 2011 sejumlah **822 aktiviti** telah dijalankan oleh seluruh perpustakaan daerah, cawangan, pekan, dan dan desa.

Pertandingan Bercerita Rakyat : Cerita Rakyat peringkat negeri Selangor yang diadakan pada 3 Nov 2011 di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam. Penyertaan seramai 24 peserta daripada semua daerah di Negeri Selangor. Pada 9 Disember 2011 pula diadakan pertandingan di peringkat Kebangsaan – Wakil daripada Negeri Selangor memperolehi tempat ketiga bagi tahap 2 Sekolah Rendah.

IMPAK PROGRAM & STATISTIK BERKAITAN

TAHUN	AKTIVITI SKALA KECIL	KEAHLIAN BARU	BAHAN DIPINJAM	PENGUNJUNG	PENGGUNA ICT
2010	522	48,385	854,870	857,233	106,591
2011	822	44,711	684,805	859,187	104,533

- Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam telah ditutup perkhidmatan daripada bulan Januari 2011 hingga 21 Julai 2011 dan dibuka semula perkhidmatan

kepada orang ramai pada 22 Julai 2011 di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, 40100 Shah Alam.

PPAS akan meneruskan Hari Ilmu Negeri Selangor, Pesta Buku Negeri Selangor 2012, Gerakan Membaca di peringkat daerah dan negeri serta *15 Minutes Reading Break*, Seminar / bengkel motivasi pelajar, Pendidikan Pengguna serta pelbagai program galakguna perpustakaan yang melibatkan peringkat cawangan, pekan dan desa diseluruh daerah negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GERAN SELANGORKU – PROGRAM SOKONGAN
PENDIDIKAN**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Daripada jumlah RM30 juta geran ini berapakah pecahannya yang bakal disalurkan ke sekolah agama rakyat, SKJ(T) dan SJK(C)?
 - b) Apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi menyalurkan geran ini dalam menyediakan kemudahan asas pendidikan?
 - c) Apakah badan atau agensi pemantau yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan penyaluran geran ini?

JAWAPAN :

- a) Tiada pecahan yang khusus atau had kerana ia akan diagihkan berdasarkan keperluan.
- b) Geran untuk program golongan pendidikan ini disasarkan kepada pelajar Institusi pendidikan (Sekolah, Kolej, Universiti) untuk tujuan menaikkan taraf pendidikan termasuk golongan kurang upaya. Kemudahan-kemudahan yang dicadangkan termasuk tetapi tidak terhad kepada tuisyen, peralatan komputer, perpustakaan, peralatan pembelajaran dan lain-lain
- c) Jawatankuasa Pemandu akan menubuhkan unit pemantauan disamping ADUN di kawasan terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA SEKOLAH AGAMA RAKYAT

43. Peruntukan RM 6 juta setahun diberi kepada sekolah-sekolah agama rakyat di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah sekolah agama rakyat yang mendapat faedah dari bantuan ini?
- b) Oleh kerana banyak sekolah agama yang memerlukan, tidakkah ada cadangan menambah peruntukkan untuk keperluan sekolah?
- c) Tidakkah wajar sekolah agama bantuan kerajaan juga mendapat bantuan sekiranya sekolah berkenaan berkeadaan daif?

JAWAPAN :

- a) Sejumlah 256 buah Sekolah Agama Rakyat telah menerima bantuan pendidikan daripada Kerajaan Negeri Selangor bermula tahun 2009 sehingga 2011.
- b) Memang tidak dinafikan terdapat banyak sekolah agama yang memerlukan bantuan dan dengan peruntukan yang diluluskan sejumlah RM 6 Juta setiap tahun adalah tidak mencukupi berbanding bilangan sekolah dan bangunan sekolah yang daif adalah banyak. Justeru itu, sejumlah RM 9 Juta daripada Grant Selangorku akan diperuntukkan untuk memenuhi keperluan sekolah agama yang memerlukan.
- c) Sangat wajar mana-mana sekolah yg berkeadaan daif patut dibantu, sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

44. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- (a) Sila nyatakan bilakah pihak JKR akan memulakan kerja-kerja membina pembahagi jalan dan memasang lampu jalan khususnya dari Kilang Bernas Sekinchan menuju ke Balai Bomba Sekinchan ?
 - (b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan yang menyebabkan sehingga kini permohonan tersebut masih gagal dipenuhi ?
 - (c) Sila nyatakan apakah benar perancangan Lebuhraya Pantai Barat yang bakal dibina akan mengguna pakai sebahagian Jalan Persekutuan 5 khususnya dari segmen Tanjung Karang menuju ke Sabak Bernam ?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja pemasangan lampu jalan pakej kedua iaitu bermula dari Kilang Bernas – Balai Bomba Sekinchan akan bermula bulan April 2012. Bagi kerja-kerja pemasangan pembahagi jalan, ianya akan dibuat melalui pakej naik taraf jalan dalam Program Lebuhraya Pantai Barat (Tanjung Karang – Sabak Bernam) yang dijangka akan bermula pada Julai 2012.
- b) Tiada kekangan yang dihadapi oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan permohonan ini. Permohonan ini telah pun termasuk dalam rancangan Kementerian Kerja Raya untuk menaiktaraf jalan ini melalui program Lebuhraya Pantai Barat yang dijangka bermula Julai 2012.
- c) Benar seperti yang dinyatakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : JUMLAH TANGKAPAN JAIS

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah tangkapan khalwat yang dicatatkan sepanjang tahun 2011?
- b) Berapakah jumlah pendakwaan yang dibawa ke mahkamah?
- c) Apakah program yang dilaksanakan bagi mengawal masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Jumlah tangkapan khalwat sepanjang tahun 2011 adalah seramai 1673 orang di mana majoritinya adalah dari peringkat umur 21 hingga 30 tahun.
- b) Sebanyak 1860 jumlah pendakwaan yang dibawa ke mahkamah pada tahun 2011 merangkumi semua kesalahan jenayah syariah.
- c) Program yang dijalankan bagi mengawal masalah ini ialah dengan mengadakan penyampaian taklimat pemahaman undang-undang kepada orang awam seperti di sekolah, institut pengajian tinggi dan juga tempat awam. Selain itu, Bahagian Penguatkuasaan turut mengadakan Kursus Bimbingan Rohani (KUBRO) 5 kali setahun dan Seminar Masih Ada Yang Sayang 2 kali setahun bagi mereka yang telah ditahan tetapi kesnya tidak didakwa di Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM MIKROKREDIT LUAR BANDAR (SKIMSEL)

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila beri statistik pinjam yang telah diberi mengikut DUN dan etnik?
- b) Sila berikan peratusan pembayaran baliknya.

JAWAPAN :

- a) Jadual menunjukkan statistik mengikut dun dan bangsa sehingga 29 Februari 2012

Cawangan	Bangsa								Jumlah
	Asli	Cina	Iban	India	Kadazan	Lain-lain	Melayu	Serani	
Gombak	0	0	0	0	0	0	240500	0	240,500
Hulu Langat	0	7,000	0	10,000	4,000	0	2,861,500		2,882,500
Hulu Selangor	6,000	78,600	0	4,000	0	0	2771600	3,000	2,863,200
Klang	0	3,000	0	2,000	0	0	389,000	0	394,000
Kuala Langat	3,000	57,000	0	197,000	0	0	2,283,600	0	2,540,600
Kuala Selangor	0	32,000	0	203,960	0	0	2,374,090	0	2,610,050
Petaling	0	3,000	0	0	0	0	352,800	0	355,800
Sabak Bernam	0	0	0	9,000	0	0	5,188,500	0	5,197,500
Sepang	0	0	4,000	6,000	0	0	1,844,700	0	1,854,700
Jumlah Pinjaman	9,000	180,600	4,000	431,960	4,000	0	18,306,290	3,000	18,938,850

- b) Peratusan pembayaran balik SKIMSEL adalah 99%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PERKHIDMATAN WIFI PERCUMA

47. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar kerajaan Negeri terhadap Perkhidmatan WIFI untuk seluruh Selangor?
- b) Berapakah peruntukkan yang akan dibelanjakan serta bilakah Perkhidmatan WIFI akan diberikan secara percuma bagi seluruh Negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dasar Ubiquitous Wireless Selangor (U-WiSEL) pada tahun 2009 iaitu untuk mewujudkan capaian internet secara tanpa wayar yang bersifat sejagat dan merata capaiannya diseluruh Negeri Selangor yang mana ianya adalah selaras dengan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Agenda U-WiSEL adalah merupakan satu pernyataan dasar di mana semua perkhidmatan internet jalur lebar tanpa wayar (*wireless/wifi*) di Negeri Selangor perlu menjamin:

- i. LIPUTAN (COVERAGE) menyeluruh tanpa diskriminasi di dalam penyediaan tempat samada di bandar atau pun di luar bandar. –sosal
 - ii. CAPAIAN (ACCESSIBILITY) yang memenuhi Kualiti Perkhidmatan (QoS) (kelajuan, uptime dan integriti). – teknologi
 - iii. KELESTARIAN (SUSTAINABILITY) alam sekitar termasuk pengawalan pencemaran dan kerosakan (pemandangan, radiasi dll.) – alam sekitar
 - iv. IMPAK EKONOMI (ECONOMICAL IMPACT) pengagihan peluang yang samarata dan mampu milik(affordability) – ekonomi
- b) Cadangan peruntukan untuk membiayai kos perkhidmatan wifi percuma bagi seluruh Negeri Selangor adalah sebanyak RM 5 juta setahun Walaubagaimanapun ianya tertakluk kepada penawaran yang boleh diberikan oleh pihak swasta yang mempunyai kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri seperti yang telah di laksanakan dalam projek *Selangor Public Intergrated Services (SPINS)* dan *Hybrid Wireless Infrastructure Network (HyWIN)*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL OLEH RECYCLE ENERGY SDN BHD(RDF) DI MPKJ

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Terdapat banyak sisa pepejal dilonggok di luar bunker loji RDF dan keadaan ini adalah dibenarkan oleh pihak kerajaan atau tidak?
- b) Adakah Jabatan Alam Sekitar memantau loji RDF dan apakah hasil pemantauan tersebut?
- c) Sehingga kini berapakah jumlah tenaga elektrik telah dihasilkan oleh *power plant* RDF dan berapakah telah dijual kepada TNB?

JAWAPAN :

a,b,c)

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor menjalankan siasatan penguatkuasaan ke atas loji "Refuse Derived Fuel (RDF)" yang terletak di Lot 3041 & 3042, Jalan Sungai Lalang, Kampung Pasir Baru, Semenyih, Selangor secara berjadual bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap Syarat-Syarat Kelulusan Laporan "Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)" yang telah dikeluarkan pada 3 Januari 2006 kepada pemaju projek, Recycle Energy Sdn. Bhd.

Hasil siasatan penguatkuasaan terkini oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor pada 31 Januari 2012 mendapati operasi loji RDF gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti berikut :-

- (i) Melonggokkan sisa pepejal dan "*bottom ash*" di luar bangunan loji RDF di mana aktiviti ini adalah tidak dibenarkan dan tidak mematuhi pelan tatatur (layout plan) kawasan penstoran yang telah diluluskan di dalam Laporan DEIA bagi mencegah sebarang pencemaran ke alam sekeliling;
- (ii) Tidak mengemukakan laporan percontohan kualiti pelepasan dari cerobong ke udara dan kualiti pelepasan efluen yang terhasil dari operasi loji;
- (iii) Tidak mengemukakan data-data mengenai kualiti pelepasan dari cerobong secara berterusan dan "on-line" dari peralatan "Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS)" yang telah dipasang di premis loji RDF; dan
- (iv) Tidak melaksanakan penstoran dan pelabelan bekas-bekas yang mengandungi Buangan Terjadual mengikut kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah membuka Kertas Siasatan dan sedang melengkapkan maklumat-maklumat kes bagi mengambil tindakan undang-undang ke atas Recycle Energy Sdn. Bhd. kerana gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, hasil pemeriksaan berjadual yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, sehingga kini sebanyak 2 kes mahkamah telah dikenakan ke atas kilang ini dengan hukuman denda sebanyak RM 15,000.00, sebanyak 3 kompaun telah dikeluarkan ke atas kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya, dan sebanyak 5 Notis Arahan telah dikeluarkan ke atas premis ini semenjak ianya mula beroperasi dari 2006.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : ZAKAT NEGERI SELANGOR

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah maklumat mengatakan wang Zakat Selangor diagihkan ke Negeri Perlis?
- b) Berapakah jumlahnya dan siapa penerimanya?

JAWAPAN :

- a) Wang zakat yang diagihkan kepada negeri Perlis adalah di bawah Program Selangor Prihatin dan mendapat kelulusan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS. Bantuan ini memfokuskan kepada usaha membasmi kemiskinan di kalangan asnaf fakir dan miskin menerusi agenda pembangunan pendidikan dan ekonomi.

Ini sejajar dengan titah Sultan Selangor sewaktu Majlis Perasmian Bangunan Zakat Selangor, "Kekayaan yang melimpah ruah di Selangor ini tidak sepatutnya hanya berlegar-legar di Selangor saja dan atas dasar itulah beta mengambil berat dan prihatin misalnya dengan menyalurkan bantuan zakat kepada negeri-negeri yang dilanda banjir baru-baru ini seperti Kedah, Perlis dan Johor."

Atas dasar itu juga, LZS turut merangka untuk mengagihkan zakat bukan sahaja ke Perlis tetapi juga Kedah dan Kelantan bagi membantu asnaf fakir dan miskin yang memerlukan.

Bantuan yang disalurkan ini merupakan sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat di negeri Selangor. LZS masih lagi menumpukan perhatian sepenuhnya kepada 7 asnaf yang lain di negeri Selangor terutamanya fakir dan miskin melalui pelbagai program pembangunan seperti pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial, insan dan institusi agama.

- b) Jumlah keseluruhan adalah RM10 juta di mana RM8 juta disalurkan terus kepada projek yang bernama *In Situ* bertujuan untuk membangunkan asnaf fakir dan miskin di Negeri Perlis. Manakala RM2 juta lagi digunakan untuk tujuan pendidikan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DI BAWAH PELAN TINDAKAN
AGENDA SELANGORKU**

50. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan mengikut kawasan Dewan Negeri di bawah Pelan Tindakan Agenda Selangorku bagi memperbaiki dan menyelenggara infrastruktur di bawah Pihak berkuasa Tempatan ?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan keseluruhan untuk penyelenggaraan infrastruktur di bawah Geran Selangorku adalah lima juta ringgit. Projek-projek diluluskan mengikut keperluan dan sasaran kita adalah seboleh-bolehnya di kesemua 56 DUN (2 projek setiap DUN) sebagai Fasa Pertama sebelum Jun 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: GERAN INDIVIDU TAMAN MURNI, SEPANG

51. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa pemilik premis telah menjelaskan bayaran premium tanah?
 - b) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap mereka yang belum menjelaskan bayaran premium?

JAWAPAN:

- a) MMKN Bil. 31/2011 pada 28.062011 telah meluluskan pemberimilikan tanah kepada 315 pemohon bagi tujuan :
 - Bangunan Kediaman – 280 lot
 - Bangunan Perniagaan – 35 lot

Kesemua pemohon telah menjelaskan bayaran premium dan lain-lain bayaran yang telah ditetapkan dalam tempoh kelulusan 6 bulan dari bukti penyampaian selaras dengan Pek. PTG.Sel. Bil. 6/2011.
- b) Sekiranya bayaran premium tidak dijelaskan selaras dengan Borang Notis 5A di bawah peruntukan Sek. 81 dan 82, KTN dan Pek.PTG.Sel. 6/2011, kelulusan pemberimilikan tersebut akan luput selepas 6 bulan dari tarikh notis diterima oleh pemohon. Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan di bawah peruntukan Sek. 425, KTN diatas kegagalan pemohon menjelaskan premium.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK: PERUNTUKKAN INFRASTRUKTUR KAWASAN MAJLIS
PERBANDARAN KLANG**

52. Bertanya kepada YAB Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang telah diberikan bagi tujuan projek infrastruktur bagi kawasan Majlis Perbandaran Klang tahun 2011?
- b) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

- a) RM 21 juta meliputi kerja-kerja jalan, perparitan, kemudahan sukan & riadah, lampu jalan dan keselamatan pengguna jalan.
- b) Seperti dilampiran

SENARAI PROJEK MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS 2011

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS PERBANDARAN KLANG

PERUNTUKAN DITERIMA : RM 9,319,652.10

BIL	KERJA	NAMA KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK (RM)	ANGGARAN JABATAN (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	CATATAN
1	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN RAJA LUMU DAN JALAN PAPAN, PANDAMARAN, PELABUHAN KLANG DAN SEKITARNYA	INDAH PURI ENTERPRISE	168,630.00		10.10.2011	06.11.2011	
2	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN LENGKONGAN, JALAN BUNGA RAMPAI DAN JALAN DAHLIA DAN JALAN PETOLA, KG RAJA UDA, PEL. KLANG DAN SEKITARNYA	BETACENT ENTERPRISE	168,570.00		10.10.2011	06.11.2011	
3	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DI LORONG MESRA 1 BAGI MENGATASI MASALAH BANJIR DI KAWASAN TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN	AZUAN BINA	125,290.00		12.10.2011	22.11.2011	
4	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI LORONG BATU UNJUR DAN LORONG BAHAGIA, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN	MANTAP ERAT SDN BHD	130,504.00		12.10.2011	08.11.2011	
5	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN DATO YUSUF SHAHABUDIN 10, JALAN DATO DAGANG 1, 39 DAN 50, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	FARUNA INDAH ENTERPRISE	144,697.40		28.10.2011	24.11.2011	Siap sepenuhnya di tapak
6	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN DATO YUSUF SHAHABUDIN 10A, 10B, 10C, DAN 20, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	CERAH ABADI ENTERPRISE	150,000.00		16.12.2011	12.01.2012	
7	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN DATO ABDUL HAMID 4, 5 DAN 6, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	ANDALAS TEGUH	140,966.00		10.10.2011	23.10.2011	
8	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN DATO ABDUL HAMID 18, 20, 22, DAN 31, TAMAN SENTOSA DAN LORONG AZMI, KG. JAWA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	AZAM ENTERPRISE	165,816.00		10.10.2011	06.11.2011	
9	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI JALAN SELAMPIT 18 DAN SELAMPIT 24, TAMAN KLANG JAYA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	KEKUCHI ENTERPRISE	107,420.00		12.10.2011	29.11.2011	
10	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI JALAN HULUBALANG 8C, JALAN DATO DAGANG DAN SEBAHAGIAN KAWASAN TAMAN, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN DAN KAWASAN SEKITARNYA.	HIL'S ENTERPRISE	62,299.00		12.10.2011	15.11.2011	
11	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN LANDASAN DAN MEMBINA SIARKAKI DI JALAN BUKIT KUDA, KLANG UTARA	SUMUR WANGI NETWORK	107,400.00		10.10.2011	06.11.2011	
12	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN AGAR-AGAR, LORONG PEGAGA, SOLOK PEGAGA DAN JALAN PELASARI, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	DIN ENTERPRISE	132,339.00		28.10.2011	24.11.2011	Siap sepenuhnya di tapak
13	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN PERAWAS, LORONG PERAWAS, LORONG MENALU DAN LINTANG MENALU, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	SRI YAKUT ENTERPRISE	122,266.00		28.10.2011	24.11.2011	
14	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN PERSIARAN SERAYA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	SHAFARA JAYA ENTERPRISE	165,277.60		28.10.2011	24.11.2011	

BIL	KERJA	NAMA KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK (RM)	ANGGARAN JABATAN (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	CATATAN
15	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN BATU UNJUR 4, LORONG BATU UNJUR 5 DAN JALAN BATU UNJUR 10, TAMAN BAYU PERDANA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	EMBUN PAGI ENTERPRISE	137,051.00		10.10.2011	06.11.2011	Siap sepenuhnya di tapak
16	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN BATU UNJUR 3, 3A, SOLOK BATU UNJUR 3 DAN 3A, TAMAN BAYU PERDANA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	FIZZ CONSTRUCTION	137,690.00		10.10.2011	06.11.2011	
17	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI LORONG BATU UNJUR 3, 3A, 3D DAN 3E, TAMAN BAYU PERDANA, KLANG SELATAN DAN SEKITARNYA	BINAAN PERMAI MEGA	140,356.00		10.10.2011	06.11.2011	
18	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN KASBAN 4/KU8, TAMAN MERU MAKMUR 2, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	RMG JAYA ENTERPRISE	111,871.00		16.12.2011	19.01.2012	
19	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN TAMAN MERU INDAH, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	LANGKAH PANJANG ENTERPRISE	155,200.00		10.10.2011	06.11.2011	
20	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN MUFAKAT 4, 4A, 4B, 4C DAN 4D, TAMAN DATO BANDAR, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	HASHIM ENTERPRISE	121,962.40		10.10.2011	06.11.2011	
21	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI TAMAN SERI CERAKAH DAN TAPAK PASAR OFF JALAN PAIP, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	LONGAN ENTERPRISE	164,500.00		10.10.2011	06.11.2011	
22	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN TAMAN SERI PUTRI, MERU, KLANG DAN SEKITARNYA	SARDA ENTERPRISE	154,122.50		16.12.2011	19.01.2012	
23	KERJA-KERJA PERPARITAN DI KG. BUKIT KERAYONG, PEKAN MERU DAN JALAN UMNO, BUKIT KAPAR, MERU	AZIZUL HAFIZ BESTARI	138,550.00		12.10.2011	22.11.2011	
24	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN KASAWARI 4, 4A, 8 DAN LORONG KASAWARI 7, TAMAN ENG ANN, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA.	ROFASHEENA ENTERPRISE	126,495.60		28.10.2011	24.11.2011	
25	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN SERINDIT 7 DAN 9, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA.	SARDA ENTERPRISE	125,849.00		10.10.2011	15.11.2011	
26	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN SERINDIT 10, 11, 14, 15 DAN 17, TAMAN ENG ANN, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA.	AZ-NA CONSTRUCTION	141,141.14		28.10.2011	24.11.2011	
27	KERJA-KERJA MEMBAHARUI MUKA JALAN DI JALAN MAPONG, LORONG HAMID MUSTAPHA, LORONG HAJI HARUN, LORONG HAJI HUSIN DAN LORONG MAZNAH, KG. BATU 3, KLANG UTARA DAN SEKITARNYA.	FAHMIE BENA	126,556.00		10.10.2011	30.10.2011	
- b) Penalti asal di bawah Seksyen 70(11) Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974, boleh diubah kepada kenaaan di bawah Seksyen 70(14) Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 apabila seseorang itu mengemukakan pelan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, dan kenaaan ini adalah selaras dengan peruntukkan Seksyen 126 Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974, di mana ; tiada sesiapa jua boleh dihukum lebih daripada sekali bagi kesalahan yang itu juga.
- c) Pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan kertas siasatan yang lengkap setelah tindakan-tindakan notifikasi mengikut tempoh di tetapkan oleh Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133). Seterusnya kertas pendakwaan dirujuk melalui PUU/PBT kepada Timbalan Pendakwa raya untuk di ambil tindakan pendakwaan di mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN

64. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- (a) Sila nyatakan berapakah jumlah bilangan pelancong domestik dan asing yang datang melawat Negeri Selangor sepanjang tahun 2010 dan 2011 ?
 - (b) Sila nyatakan apakah bantuan dan perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha memperkasakan industri pelancongan supaya dapat menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Selangor ?
 - (c) Sila nyatakan apakah bentuk bantuan dan perancangan khusus yang bakal dilakukan oleh Kerajaan dalam mempromosikan DUN Sekinchan sebagai destinasi agro-pelancongan yang unik ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bilangan pelancong domestik dan asing yang datang melawat Negeri Selangor sepanjang tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut:

	2010	2011
Pelancong Domestik	3,245,659	3,314,714
Pelancong Asing	2,588,199	2,725,704
Jumlah	5,833,858	6,040,418

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius dan memberikan perhatian terhadap perancangan dan pembangunan sektor pelancongan di negeri Selangor. Melalui Tourism Selangor yang menjadi agensi promosi dan pelaksana acara-acara pelancongan kini sedang berusaha melaksanakan strategi baru dalam usaha dan perancangan bagi menarik lebih ramai lagi pelancong domestik dan antarabangsa untuk melawat Negeri Selangor. Antara strategi-strategi yang sedang disusun dan telah dilaksanakan ialah:-
- i) Memperhebatkan dan merencanakan kempen Selangor Shines terutamanya yang melibatkan pergerakan Skuad Selangor Shines.
 - ii) Menyertai siri promosi pelancongan di luar negara dengan memfokuskan kepada negara-negara di Asia Tenggara, Asia Selatan, Asia Timur dan Timur Tengah bagi pelaksanaan kempen promosi tahun 2012. Ini adalah sejajar dengan trend kedatangan pelancong terkini yang memperlihatkan

keempat-empat wilayah berkenaan yang mencatatkan jumlah kedatangan pelancong yang tinggi dan semakin meningkat.

- iii) Sentiasa berusaha mencari kewujudan produk dan destinasi baru yang terdapat di negeri Selangor. Lawatan produk secara berkala dilaksanakan bagi mengenal pasti kesesuaian produk dalam mengklasifikasikan produk sama ada bersesuaian dan berpotensi untuk dipromosikan ke peringkat domestik dan antarabangsa. Sehingga bulan Mac, 2012 sahaja, sejumlah 4 produk baru telah dilawati dan dilihat berpotensi tinggi untuk dikomersialkan. Ini bagi memberikan lebih pilihan kepada pelancong di samping produk-produk pelancongan sedia ada.
- iv) Membangunkan risalah pelancongan bagi setiap daerah yang terdapat di negeri Selangor. Setiap risalah tersebut adalah lebih fokus dalam menyetengahkan produk dan destinasi pelancongan bagi setiap daerah-daerah tersebut. Dengan cara ini, semua daerah-daerah di negeri Selangor berpeluang menjadi tumpuan dan fokus kemasukan pelancong asing dan tempatan. Ini juga secara tidak langsung memberi rangsangan dan kesan kepada pembangunan ekonomi setempat terutama masyarakat luar bandar.
- v) Mengemas kini laman sesawang yang sedia ada dengan pelbagai informasi terbaru yang diyakini mampu menarik perhatian para pelawat laman sesawang dan seterusnya melawat produk dan destinasi pelancongan di Negeri Selangor. Menyedari maklumat lebih cepat tersebar melalui saluran maya dan internet, pengemaskinian laman web sentiasa menjadi keutamaan. Ini bagi membekalkan maklumat dan promosi secara lebih meluas dan pantas.
- vi) Menggiatkan aktiviti dan kembara Skuad Selangor Shines yang juga bertindak sebagai pelaksana program. Pada tahun 2011 melalui kerjasama bersama AEON di 5 buah pusat membeli-belah AEON yang terpilih bagi mempromosikan negeri Selangor sebagai destinasi pilihan pelancongan domestik mahupun antarabangsa iaitu;
 - AEON Jusco Seberang Perai City, Pulau Pinang
 - AEON Jusco Bukit Indah, Johor Bahru
 - AEON jusco Mahkota Cheras, Selangor
 - AEON Jusco Bukit Tinggi Klang, Selangor
 - AEON Jusco Ayer Keroh, Melaka
- vii) Di samping itu juga, Skuad Selangor Shines juga mempunyai strategi dalam mempromosikan negeri Selangor kepada pelajar-pelajar sekolah menengah sebagai sasaran jangka panjang dengan mengadakan lawatan ke 90 buah sekolah yang mempunyai Kelab Kembara atau Kelab Pelancongan di sekolah sepanjang tahun 2011 yang telah pun bermula pada 28 Februari 2011. Strategi ini merupakan strategi akar umbi bagi mendidik dan memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang senario, peluang dan maklumat berkaitan perkembangan dan pembangunan pelancongan di negeri Selangor. Ia juga sebagai langkah

menyemai minat pelajar terhadap industri pelancongan yang berpotensi menjadi kerjaya masa depan.

- viii) Pada tahun 2011 juga, melalui Tourism Selangor, satu program khas bersama pihak KTMB iaitu bagi pengguna “ETS Train” yang melibatkan laluan Seremban-KL Sentral- Ipoh telah dilaksanakan. Pihak KTMB telah membenarkan Tourism Selangor meletakkan bahan promosi pelancongan Negeri Selangor iaitu buku panduan “Selangor Breakaway” ke dalam setiap poket kerusi penumpang “ETS Train”.
- c) Sekinchan dilihat mempunyai pelbagai potensi yang boleh diketengahkan sebagai salah satu produk / destinasi tarikan pelancong. Kerajaan Negeri sentiasa membantu dan memastikan pembangunan yang berterusan walaupun tidak mempunyai satu pelan pembangunan jangka pendek dan panjang yang dimuktamadkan sebagai pelan pembangunan pelancongan negeri Selangor.

Untuk makluman, beberapa perancangan telah dibuat untuk dilaksanakan dalam tempoh berkenaan. Antaranya ialah, beberapa daerah akan dipilih dan diberikan fokus utama iaitu Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat melalui pengenalan program Daerah Fokus. Bagi daerah Sabak Bernam, Sekinchan sudah pastinya akan menjadi antara destinasi / produk utama yang akan turut sama diberikan tumpuan. Sebelum ini beberapa program telah dilaksanakan. Ini termasuklah pemasangan papan-papan tanda informasi dan program pencahayaan di Pekan Sekinchan. Ia sebagai langkah memberikan imej yang positif dan menarik di kalangan pengunjung dan pelancong.

Selain itu, perbincangan bersama pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) juga telah dibuat bagi merancang dan membentuk semula pakej-pakej menarik di daerah Sabak Bernam termasuk di Sekinchan. Sekinchan mempunyai beberapa daya tarikan utama seperti Homestay Papitusulem, Bagan Sekinchan, jelapang padi, ladang buah-buahan, industri burung walit, restoran makanan eksotik dan beberapa tarikan lain. Malah, acara pelancongan tahunan seperti Pesta Menuai dan Larian Bendang juga boleh digunakan sebagai kesempatan terbaik mempromosi dan menonjolkan Sekinchan sebagai antara destinasi dan produk yang menarik untuk dilawati.

Selain itu, bagi tahun 2012 rangka pembangunan pelancongan daerah Sabak Bernam akan terus ditingkatkan. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan telah bersetuju untuk melaksanakan Bulan Melawat Sabak Bernam yang dijangka akan diadakan mulai bulan Jun, 2012 yang akan datang. Dalam hal ini, Sekinchan dilihat sebagai antara lokasi terpenting dan mula menjadi tumpuan pelancong kebelakangan ini. Program Bulan Melawat Sabak Bernam akan menjadi saluran terpenting dalam mempromosi dan membangunkan daerah Sabak Bernam sebagai antara lokasi pelancongan utama di negeri Selangor. Pelaksanaan program ini adalah merupakan kesinambungan pelaksanaan program Daerah Fokus seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Dengan jaringan jalan pengangkutan yang semakin baik, Kerajaan Negeri percaya bahawa Sekinchan akan mampu membangun sebagai antara lokasi pelancongan terpenting di negeri ini. Justeru itu, menyedari potensi ini, melalui Tourism Selangor pelbagai pendekatan dan perancangan telah dan akan dilaksanakan. Antaranya ialah melalui penerbitan risalah bagi daerah Sabak Bernam yang antara lain menyenaraikan beberapa produk pelancongan dari kawasan Sekinchan. Risalah-risalah ini adalah sangat berguna sebagai medium promosi yang paling berkesan selain promosi melalui laman web, billboard, twitter, blog dan facebook.

Promosi-promosi dalam dan luar negara masih menjadi antara program dan aktiviti yang dilaksanakan secara berterusan. Tahun 2012, fokus kepada wilayah Asia akan menjadi keutamaan. Dengan permintaan yang tinggi terhadap produk-produk seperti Homestay dan produk-produk agro tourism terutama dari negara-negara seperti Jepun, China, Singapura dan Taiwan, Sekinchan dilihat berupaya menawarkan pilihan-pilihan yang menarik kepada pelancong dari sektor yang berkenaan. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui pihak Tourism Selangor dalam setiap rangka promosi, jualan dan pertemuan akan mempromosikan produk-produk berkaitan kepada agen dan individu berpotensi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KUTIPAN CUKAI DI PASAR BESAR, TUNGGAKAN

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kutipan cukai perniagaan yang dikutip di Pasar besar Meru sepanjang tahun 2012?
- b) Berapakah jumlah peniaga yang beroperasi di pasar Besar Meru?

JAWAPAN :

- a) Jumlah kutipan permit ditapak promosi di Kompleks Pasar Besar Jalan Meru bagi tahun 2012 ialah :-

Bulan Januari 2012	:	RM31,172.00
Bulan Februari 2012	:	RM31,184.00
01 hingga 04 Mac 2012	:	<u>RM 4,984.00</u>
	:	<u>RM67,340.00</u>

Manakala jumlah kutipan bayaran lesen perniagaan untuk Pasar Besar Jalan Meru tahun 2012 pula ialah RM181,150.00

- b) Jumlah peniaga yang berniaga di Pasar Besar Jalan Meru ialah 631 peniaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : BANTUAN PERSEKOLAHAN KEPADA ANAK-ANAK PEKERJA LADANG

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memberi semua perangkaan tentang bantuan persekolahan kepada anak-anak pekerja ladang seperti bantuan beg sekolah, subsidi tambang bas dan lain-lain di Selangor amnya dan daerah Hulu Selangor khususnya.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu berkaitan dengan pekerja-pekerja ladang khususnya untuk anak-anak pekerja ladang. Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang diwujudkan untuk membantu mereka mendapat pendidikan yang sempurna dan cemerlang dalam pelajaran. Program-program dibawah tabung ini mensasarkan kepada anak-anak pekerja ladang yang pendapatan seisi keluarga kurang dari RM1,500.00 sebulan.

Antara program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008 sehingga tahun 2011 adalah seperti berikut :

- 1. Bantuan Basiswa (One-Off) kepada anak pekerja ladang;**
Bantuan diberikan dalam bentuk biasiswa (One-Off) untuk membiayai pembayaran semester pertama pembelajaran.
- 2. Program Kemahiran Teknikal di Kolej INSPENS**
Program usahasama dengan kolej INSPENS bagi membiayai pembelajaran dan sara hidup sepanjang pembelajaran.
- 3. Sumbangan Pembaikan Infrastruktur dan Kelas Tambahan Sekolah Tamil di Ladang Negeri Selangor**
Program bagi menaiktaraf kemudahan-kemudahan sekolah dan untuk pelajar-pelajar yang akan menghadapi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mendapat sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Negeri. Walaubagaimana pun bermula tahun 2010, semua permohonan daripada Sekolah-Sekolah Tamil telah dipanjangkan ke Program Bantuan Sekolah di bawah EXCO Pendidikan iaitu Y.B. Dr. Halimah Ali.
- 4. Program-program peningkatan pembelajaran untuk anak-anak pekerja ladang**
Program usahasama dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO's) yang membantu meningkatkan pembelajaran anak-anak pekerja ladang.

5. Subsidi Tambang Bas Sekolah

Bantuan yang diberikan untuk membiayai tambang bas sekolah untuk anak-anak pekerja ladang.

6. Program penyerahan sumbangan/ hadiah kecemerlangan UPSR untuk anak-anak pekerja ladang.

Program berbentuk majlis penyerahan sumbangan dan hadiah kecemerlangan pelajar UPSR

Berikut adalah perangkaan bantuan persekolahan yang telah disalurkan kepada anak-anak pekerja ladang Negeri Selangor.

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH BANTUAN MENGIKUT TAHUN				
		2008	2009	2010	2011	JUMLAH
1.	Bantuan Biasiswa (One Off) kepada Anak-anak Pekerja Ladang	-	4 pelajar	7 pelajar	3 pelajar	14 pelajar
2.	Program Kemahiran Teknikal di Kolej INSPENS	52 pelajar	36 pelajar	79 pelajar	97 pelajar	264 pelajar
3.	Program Kewangan dan Kelas Tambahan Sekolah Tamil di ladang	-	30 sekolah	-	-	30 sekolah
4.	Program peningkatan pembelajaran anak-anak pekerja ladang	-	264 sekolah	21 sekolah	4 sekolah	289 sekolah
5.	Subsidi Tambang Bas Sekolah	-	-	315 pelajar	254 pelajar	569 pelajar
6.	Hadiah Kecemerlangan UPSR	-	800 pelajar	400 pelajar	500 pelajar	1,700 pelajar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah penjimatan kerajaan negeri dalam pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dari alam flora dengan mengikut PBT?
- b) Bagaimana kerajaan dapat memastikan prestasi kerja kontraktor baru akan memberi perkhidmatan yang lebih baik daripada alam flora?

JAWAPAN :

- a) Setelah proses pengambilalihan dilaksanakan, semua PBT menyuarakan bahawa terdapat penjimatan terutama daripada segi kos berbanding semasa di bawah kendalian pihak AFSB. Jumlah penjimatan tersebut dapat dilihat seperti di **LAMPIRAN 1**.
- b) Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa menjalankan aktiviti **pemantauan dan penguatkuasaan** bagi memastikan prestasi kerja dan perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor baru adalah lebih berkesan. Selain daripada itu, terdapat beberapa PBT yang telah menubuhkan **pasukan khas** bagi menangani masalah kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan oleh kontraktor mengikut kepada jadual dan arahan yang telah ditetapkan.

LAMPIRAN 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN (RM)
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	22,844,403.60
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	15,000,000.00
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	2,500,000.00
4.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	6,000,000.00
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	1,800,000.00
6.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	6,000,000.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	12,705,884.62
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	3,121,625.76
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	6,800,000.00
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	1,220,824.75
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	TIADA
12.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	2,955,477.40
	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN	80,948,216.13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: PELAKSANAAN GAJI MINIMA

68. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kakitangan Kerajaan Negeri yang akan menerima kenaikan gaji selaras dengan pelaksanaan gaji minima yang diumumkan YAB Dato' Menteri Besar ?

JAWAPAN:

- a) Memandangkan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang di bawah MBI tidak mempunyai kakitangan yang digaji di bawah polisi gaji minima, oleh yang demikian, tiada pekerja di yang terlibat dalam polisi ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: KONTRAKTOR BUMIPUTERA

69. Bertanya kepada YAB Menteri Besar :
- a) Senaraikan jumlah Kontraktor Bumiputera yang telah mendaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
 - b) Senaraikan jumlah Kontraktor Bumiputera bagi kawasan Pelabuhan Klang dan Klang.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya semua kontraktor yang akan menjalankan sebarang kerja di dalam Negeri Selangor harus berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Ini adalah bertujuan bagi memudahkan sesebuah agensi yang ingin menawarkan kontrak kerja untuk mendapatkan maklumat terperinci. Sehingga kini sebanyak **10,874 kontraktor** yang telah berdaftar mengikut kepada pecahan peratusan yang terdapat di dalam Sistem Pendaftaran Kontraktor (PKK) UPEN.
- b) Pihak UPEN tidak mempunyai jumlah sebenar kontraktor bumiputera bagi kawasan Pelabuhan Klang dan Klang. Bagaimanapun, jumlah purata bagi jumlah kontraktor bumiputera yang berdaftar bagi daerah Klang adalah sebanyak **488 kontraktor**.

LAMPIRAN 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN (RM)
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	22,844,403.60
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	15,000,000.00
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	2,500,000.00
4.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	6,000,000.00
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	1,800,000.00
6.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	6,000,000.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	12,705,884.62
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	3,121,625.76
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	6,800,000.00
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	1,220,824.75
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	TIADA
12.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	2,955,477.40
	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN	80,948,216.13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GERAN SELANGORKU – PROGRAM MEMPERKASAKAN
WANITA**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah dari jumlah RM30 juta ini akan disalurkan sebelum Jun 2012?
 - b) Berapakah anggaran jumlah dari RM30 juta ini akan disalurkan dalam program-program basmi kemiskinan wanita?
 - c) Berapakah anggaran jumlah dari RM30 juta ini akan disalurkan dalam program-program keusahawanan wanita?

JAWAPAN :

- a) Pelaksanaan peruntukan RM30 juta ini adalah berdasarkan konsep 'rapid deployment' dan akan dimanfaatkan sebaik mungkin sebelum Jun 2012.
- b) Program-program akan dinilai dari permohonan yang diterima dan setakat 7 Mac 2011 sebanyak 6 permohonan telah diterima di mana 35% bagi program-program keusahawanan manakala 65% adalah bagi program basmi kemiskinan wanita.
- c) Seperti (b) di atas

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : ISU SELAMATKAN AKIDAH

71. Pihak JAIS berusaha membasmi murtad dan menyelamatkan akidah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah seriusnya gejala murtad di Selangor?
- b) Berapakah jumlah mereka yang murtad di Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah pencegahan yang dilakukan?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : STATUS TANAH MILIK UMNO TANJUNG KARANG

72. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- (a) Sila nyatakan apakah status terkini lot tanah 115 Tanjung Karang yang diberikan kepada UMNO Tanjung Karang ?
 - (b) Sila huraikan secara terperinci latar belakang dan kronologi permohonan serta kelulusan lot tanah tersebut kepada UMNO Tanjung Karang ?
 - (c) Sila nyatakan apakah polisi dan pendirian Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat terhadap permohonan dan kelulusan tanah kepada parti politik ?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah butir-butir terkini hakmilik berkenaan:-
- (i) Pemilik tanah : Bumi Utama Building Material Sdn. Bhd.
 - (ii) Keluasan : 4,370 meter persegi
 - (iii) No. Hakmilik : HS (D) 10440, PT 115, Bandar Tanjong Karang
 - (iv) Kegunaan Tanah : Bangunan
 - (v) Syarat Nyata : Perniagaan
- b) Berikut adalah kronologi permohonan:-
- (i) 01/06/2001 - Terima borang permohonan tanah (Jadual 1) daripada UMNO Bahagian Tanjong Karang
 - (ii) 03/07/2001 - Terima laporan Pelukis Pelan
 - (iii) 11/07/2001 - Terima laporan Pegawai Petempatan
 - (iv) 03/08/2001 - Kertas Ringkasan EXCO MTES disediakan dan ditandatangani oleh Pentadbir Tanah

Kuala Selangor serta dikemukakan ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor untuk kelulusan EXCO MTES.

- (v) 23/08/2001 - Terima keputusan EXCO Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)
- (vi) 25/09/2001 - Terima Cabutan daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang diadakan pada 08/08/2001 MMK Ke 20/2001
- (vii) 04/10/2001 - Surat memohon permintaan nilai dihantar kepada Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta Selangor.
- (viii) 09/10/2001 - Surat memaklumkan kelulusan permohonan (tanpa Notis 5A kerana penilaian tanah belum diperolehi dari Jabatan Penilaian) diterima oleh Setiausaha UMNO Tanjung Karang.
- (ix) 24/10/2001 - Terima surat memohon pengurangan premium tanah dari Setiausaha UMNO Tanjung Karang.
- (x) 25/10/2001 - Terima nilai pasaran bagi hartanah berkenaan daripada Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta Selangor.
- (xi) 28/11/2001 - Surat memaklumkan premium tanah diterima oleh wakil UMNO Tanjung Karang
- (xii) 29/11/2001 - Kertas Ringkasan Permohonan Rayuan Pengurangan Bayaran Premium disediakan dan ditandatangani oleh Pentadbir Tanah Kuala Selangor serta dikemukakan ke PTG Selangor.
- (xiii) 30/04/2002 - Terima surat PTG Selangor memaklumkan keputusan permohonan rayuan pengurangan bayaran premium.

- (xiv) 06/05/2002 - Surat memaklumkan permohonan pengurangan bayaran premium diterima oleh wakil UMNO Tanjong Karang
- (xv) 08/05/2002 - Terima bayaran premium tanah daripada Ketua UMNO Tanjong Karang
- c) Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mempunyai sebarang polisi atau pendirian untuk mempertimbangkan permohonan tanah kepada parti politik. Semua permohonan yang diterima akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Permohonan pelupusan secara pemberimilikan terbuka kepada semua individu atau syarikat yang layak sepertimana yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 KTN seperti berikut :-

“Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian Tiga Puluh Tiga (A), kuasa pelupusan yang diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh Seksyen 42 bolehlah dijalankan bagi memihak, dan permohonan untuk menjalankan kuasa itu bolehlah diterima hanya daripada, orang-orang atau badan-badan berikut-

- a) orang-orang benar selain daripada remaja;*
- b) perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaan mereka untuk memegang tanah;*
- c) raja-raja pemerintah, kerajaan, organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Keistimewaaan Diplomatik dan Konsulor 1957; dan*
- d) badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.”*

Sekiranya permohonan tanah dikemukakan oleh syarikat, kriteria-kriteria berikut perlu dipenuhi :-

- i. Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia mengikut Akta Syarikat 1965;
- ii. Mengemukakan Borang 24 dan 49 yang terkini (berkaitan penyenaiaan ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham syarikat) dan diakui sah oleh Setiausaha Syarikat yang berdaftar;
- iii. Syarikat yang layak memiliki tanah untuk tujuan tertentu seperti yang dinyatakan di dalam *Memorandum And Articles Of Association*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KUTIPAN HASIL

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kutipan cukai tanah pada tahun 2011?
- b) Apakah program-program yang positif yang dijalankan untuk menggalakkan masyarakat membayar cukai tanah?

JAWAPAN :

- a) Jumlah kutipan cukai tanah pada tahun 2011 adalah sebanyak **RM454,692,555.63** iaitu 48.7% dari jumlah keseluruhan cukai yang perlu dikutip iaitu sebanyak **RM924,357,239.22**. Laporan terperinci seperti di **Lampiran A**.
- b) Program-program yang positif yang dijalankan adalah seperti berikut:
 - i. Membuka kaunter bayaran cukai tanah di pasaraya terpilih.
 - ii. Membuat kutipan dari rumah ke rumah (OPS KUTIP).
 - iii. Membolehkan bayaran cukai tanah secara ansuran.
 - iv. Mengadakan mesyuarat bersama Syarikat atau individu yang menghadapi masalah pembayaran cukai tanah bagi mendapatkan penyelesaian isu bayaran cukai tanah tersebut.
 - v. Hebahan di dalam website PTGS dan MySMS, Radio Hot.FM dalam menggalakkan penukaran alamat di GERAN SPTB supaya bil Cukai Tanah dapat disampaikan ke alamat terkini pemilik tanah.
 - vi. Penubuhan unit Taskforce di 3 Pejabat Daerah dan Tanah yang utama iaitu Petaling, Klang dan Gombak untuk mengutip Tunggakan Cukai Tanah dalam tempoh setahun dengan sasaran kutipan tunggakan sebanyak RM151juta.
 - vii. Pembukaan kaunter bayaran bergerak seperti Kaunter "*MR.Ez Pay*" yang dikendalikan oleh pihak PBT seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya dibuka di lokasi-lokasi yang dikenal pasti dan jauh dari ibu pejabat bagi kutipan Cukai Taksiran/Pintu dan Cukai Tanah.

**PENCAPAIAN KUTIPAN CUKAI TANAH
PEJABAT-PEJABAT TANAH/DAERAH
BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

DAERAH	SEMASA			TUNGGAKAN			JUMLAH KUTIPAN (RM)
	JUMLAH PERLU KUTIP (RM)	KUTIPAN 2011 (RM)	%	JUMLAH PERLU KUTIP(RM)	KUTIPAN 2011 (RM)	%	
Klang	101,430,017.59	90,676,793.88	89%	84,531,969.86	29,365,051.94	35%	120,041,845.82
Petaling	162,758,377.10	136,112,658.03	84%	194,237,899.97	20,021,131.31	10%	156,133,789.34
Kuala Langat	11,984,247.33	10,114,859.10	84%	3,778,690.48	1,087,145.62	29%	11,202,004.72
Kuala Selangor	8,695,832.05	7,503,070.97	86%	8,929,435.74	4,687,699.13	52%	12,190,770.10
Sabak Bernam	3,162,706.13	2,854,487.53	90%	1,481,330.38	588,650.02	40%	3,443,137.55
Hulu Langat	37,467,196.91	31,447,036.15	84%	38,486,192.10	8,915,421.38	23%	40,362,457.53
Gombak	56,961,212.99	44,644,984.99	78%	70,561,029.18	11,457,990.00	16%	56,102,974.99
Sepang	22,539,325.88	20,607,744.36	91%	5,632,187.87	2,370,361.15	42%	22,978,105.51
Hulu Selangor	32,778,334.89	21,222,440.27	65%	78,941,252.77	11,015,029.80	14%	32,237,470.07
JUMLAH	437,777,250.87	365,184,075.28	83%	486,579,988.35	89,508,480.35	18%	454,692,555.63

Nota:

1. Sumber diperolehi daripada SPHT-MIS pada 9/1/2012
2. Bil Hakmilik - 1,315,475 h/m
Bil Hakmilik Berbayar - 870,970 h/m

454,692,555.63

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan berapa banyak peruntukan diberi untuk menyelenggara rumah pangsa kos rendah di Selangor pada tahun 2012?
- b) Meminta kerajaan memberi laporan ringkas tentang penggunaan peruntukan ini pada tahun 2011 termasuk memberi maklumat tentang kontraktor-kontraktor yang dipilih serta perkembangan terkini kerja-kerja penyelenggaraan.

JAWAPAN :

- a) RM9.7 juta telah diperuntukkan di bawah Skim CERIA (*Caring Government for Residence Improvements' Aid*) bagi tujuan baikpulih rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah. Sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Skim CERIA fasa I pada 2011. Manakala RM7.7 juta lagi disalurkan melalui penubuhan Tabung Amanah bagi pelaksanaan fasa II di dalam tahun 2012.
- b) Proses perolehan dan perlantikan kontraktor dilaksanakan pada peringkat Jawatankuasa Tender/Sebut Harga Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) selaku Pengurus Projek Skim CERIA ini. Laporan ringkas berkenaan penggunaan peruntukan, maklumat kontraktor serta perkembangan pelaksanaan Skim CERIA bagi fasa I pada 2011 adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	NAMA KONTRAKTOR	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA	KEMAJUAN KERJA
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	LEMBAH JAYA	SINAR AZIMAT ENTERPRISE	69,300	4 unit tangki	100%
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	TERATAI	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	357,000	4 unit lif	5%
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	120,750	1 unit lif	100%
4.	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	BUKIT LANJAN	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	223,400	4 unit lif	15%

5.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A & B	MBPJ	TAMAN MEDAN	EITA ELEVATORS (M) SDN BHD	108,475.50	2 unit lif	100%
6.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	TAMAN MEDAN	ROYDEN (M) SDN BHD	8,144.85	2 unit lif	100%
7.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	TAMAN MEDAN	AL- DESIGN & CONSTRUCTION	262,500	Salur air hujan (gutter) 5 blok	100%
8.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	SERI SETIA	ROYDEN (M) SDN BHD	45,078.60	2 unit lif	100%
9.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	KAMPUNG TUNKU	AM-ADVANCE ELEVATOR (M) SDN BHD	138,442.50	3 unit lif	50%
10.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	SERI KEMBANGAN	AL- DESIGN & CONSTRUCTION	60,354	Salur air hujan (gutter) 4 blok	100%
11.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	DENGKIL	AL- DESIGN & CONSTRUCTION	98,595	Kerosakan bumbung yang menjejaska n 16 unit tingkat 5 Blok G	100%
12.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	KAJANG	NB FUTURE BRIGHT	19,005	Pembenton g di Blok C	100%
13.	Pangsapuri Pingiran Delima Blok D & E	MPKj	DUSUN TUA	RK DESIGN & CONSTRUCTION	44,205	Bumbung Blok D & E	100%
14.	Pangsapuri Mentari	MBSA	KOTA DAMANSARA	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	49,350	3 unit lif	100%
15.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	KOTA ANGGERIK	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	367,500	5 unit Lif	5%
16.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	PELABUHAN KLANG	DOVERS ELEVATORS (M) SDN BHD	115,500	2 unit lif	95%

17.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Kosas	MPAJ	LEMBAH JAYA	-	199,500	Kerosaka Bumbung melibatkan 134 unit	JMB masih gagal menjelask an bayaran komitmen 10%
JUMLAH					RM2,287,140.45		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : HADIAH UNTUK KE IPT

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Kerajaan telah menetapkan syarat pendapatan tidak melebihi RM1,500. Apakah ianya masih rasional bagi mereka yang berkeluarga besar dan tinggal di Bandar Besar?

JAWAPAN :

- a) Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia adalah isi rumah di bawah RM750.00 manakala PGK yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pendapatan isi rumah di bawah RM1500 (pendapatan seisi rumah: 5 orang). Manakala PGK yang digunakan oleh pihak oleh Pusat Zakat Selangor (PZS) adalah mengikut PGK yang ditetapkan oleh MiMBAR Selangor. Perincian seperti jadual di bawah :

AGENSI	PENDAPATAN	RUJUKAN
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	Pendapatan isi rumah di bawah RM750.00	http://www.kpkwkm.gov.my/nkra/definisi
MiMBAR Selangor	Pendapatan isi rumah di bawah RM1500.00	http://www.selangorkini.com.my/my/berita/30441
Pusat Zakat Selangor	Pendapatan isi rumah di bawah RM1500.00	http://www.selangorkini.com.my/my/berita/30441

Setakat 15 Februari 2012, seramai 24,777 orang yang telah menerima bantuan Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT) di Negeri Selangor yang mana penerima bantuan ini adalah mereka yang berpendapatan isi rumah di bawah RM1500.

Kesimpulannya, penetapan pendapatan RM1500 yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah masih rasional dan relevan berbanding dengan penetapan pendapatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Pusat sebanyak RM750 sahaja dan dibandingkan dengan jumlah permohonan yang meningkat saban tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PROJEK-PROJEK MENAIK TARAF KEMUDAHAN DAN
INFRASTRUKTUR SUKAN**

76. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan kerajaan bagi projek-projek menaik taraf kemudahan dan infrastruktur sukan di setiap daerah ?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan projek menaik taraf kemudahan dan infrastruktur sukan telah dilaksanakan mulai tahun 2010 sehingga kini. Melalui pelaksanaan pada tahun ini sebanyak 82 projek telah dilaksanakan mengikut pecahan berikut :

BIL	DAERAH	JABATAN PENERIMA	JUMLAH PROJEK/ PERUNTUKAN	
			2010	2011
1	Petaling	Pejabat Daerah Petaling	2 projek RM30,000.00	1 projek RM40,000.00
		Majlis Perbandaran Subang Jaya	1 projek RM30,000.00	-
		Majlis Bandaraya Shah Alam	-	1 projek RM90,000.00
2	Klang	Pejabat Daerah Klang	7 projek RM97,905.12	-
		Majlis Perbandaran Klang	-	1 projek RM26,400.00
3	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	6 projek RM127,385.75	4 projek RM70,000.00
4	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	5 projek RM113,160.00	5 projek RM97,130.00
5	Sepang	Pejabat Daerah Sepang	6 projek RM90,070.00	6 projek RM117,150.00
6	Hulu Langat	Pejabat Daerah Hulu Langat	7 projek RM45,000.00	5 projek RM77,083.00

		Majlis Perbandaran Ampang jaya	2 projek RM56,600.00	-
7	Kuala Selangor	Majlis Daerah Kuala Selangor	4 projek RM93,745.00	5 projek RM85,000.00
8	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	-	3 projek RM99,154.00
9	Sabak	Majlis Daerah Sabak Bernam	6 projek RM99,349.04	6 projek RM115,250.90
JUMLAH KESELURUHAN			46 projek RM783,214.91	36 projek RM798,713.90

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: SEKTOR PERTANIAN DI NEGERI SELANGOR

77. Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang penting dalam menyumbang kepada pembangunan Negeri Selangor.

Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah hasil pertanian yang berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri?
- b) Senaraikan jumlah hasil tersebut mengikut kategori tanaman.

JAWAPAN:

- a) Bagi bulan Januari hingga bulan Disember 2011 sebanyak 2,240,273.85 metrik tan hasil pertanian telah berjaya dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan nilai pengeluaran sebanyak RM1,572,726,536.06
- b) Kategori tanaman yang telah dihasilkan adalah seperti berikut :

Bil	Kategori Tanaman*	Pengeluaran (Metrik Tan)	Nilai Pengeluaran
1	Florikultur	243.43	3,182,948.00
2	Sayur-sayuran	56,052.57	60,330,730.00
3	Padi	141,751.31	183,376,038.90
4	Herba & Rempah Ratus	4,471.50	6,604,996.00
5	Tanaman Industri	1,926,733.30	1,178,317,825.20
6	Buah-buahan	85,257.97	119,557,598.66
7	Tanaman Ladang/Kontan	25,763.77	21,356,398.50
	Jumlah	2,240,273.85	1,572,726,536.06

**kawasan meliputi di dalam dan luar projek bimbingan Jabatan Pertanian Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU – PENGENALAN GAJI MINIMA

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan GLC Negeri yang kewangannya belum stabil dan bakal menerima dana RM10 juta bagi menampung dasar ini.
 - b) Berikan pecahan peruntukan dana menurut senarai GLC Negeri seperti di atas.
 - c) Apakah program-program yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti GLC Negeri dalam senarai di atas supaya GLC ini layak melaksanakan gaji minima?

JAWAPAN :

- a) Setakat 8 Mac 2012, belum terdapat sebarang permohonan dari mana-mana GLC berhubung dana tersebut.
- b) Tiada
- c) Beberapa aktiviti telah dijalankan oleh GLC termasuk penstrukturan semula organisasi, program latihan serta penambahan skop kerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : ISU PASIR

79. Tuduhan penyelewengan pasir sebagai isu lapuk.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah motif isu pasir ini ditimbulkan kembali?
- b) Adakah pihak yang menimbulkan isu ini diperalat oleh pihak musuh?
- c) Walaupun pihak SPRM sahkan bersih dari rasuah, tidakkah kerajaan bercadang mengeluarkan penyata pengeluaran dan pendapatan di bawah pentadbiran sekarang?

JAWAPAN :

- a) Isu pasir ditimbulkan kembali mungkin kerana ingin mengecil-ngecilkan kejayaan Kerajaan Negeri di dalam meningkatkan hasil dari bahan ini.
- b) Pihak yang menimbulkan isu ini mungkin terdiri dari mereka yang dengki dengan pencapaian Kerajaan Negeri melalui KSSB di dalam meningkatkan kutipan royalti.
- c) Penyata pembayaran royalti kepada Kerajaan Negeri oleh KSSB melalui Pejabat Tanah/Daerah sentiasa maklumkan kepada Kerajaan Negeri secara berkala. Maklumat ini juga sentiasa dibincangkan di dalam setiap sidang DUN untuk makluman semua ADUN dan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PENYEBARAN AKHBAR SELANGORKINI

80. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- (a) Sila nyatakan berapakah jumlah bilangan akhbar rasmi Kerajaan Negeri iaitu Selangorkini yang diedarkan kepada pembaca setiap keluaran bermula dari tahun 2010 sehingga kini ?
- (b) Sila nyatakan apakah kaedah dan pendekatan pemasaran yang dipraktikkan untuk mempromosikan akhbar tersebut supaya maklumat tentang aktiviti dan dasar serta pendirian Kerajaan Negeri dapat disampaikan terus kepada rakyat jelata ?
- (c) Sila nyatakan jumlah bilangan kakitangan dan kos operasi Selangorkini dan apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak pengurusan khususnya dalam usaha meningkatkan jumlah sebaran akhbar tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Selangorkini diedarkan seminggu sekali di mana 100,000 naskhah dicetak setiap edisi. Bagaimanapun, kita telah meningkatkan kepada 150,000 naskhah bermula pertengahan Februari tahun ini.
- b) Kaedah pemasaran yang dipraktikkan bagi mempromosikan Selangor Kini ialah yang pertama pada setiap keluaran dalam minggu-minggu tertentu akhbar ini dipromosikan dilaman sesawang berita malaysiakini.com. Selain itu, akhbar ini juga diedarkan di tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti masjid dan surau-surau terpilih, pejabat Adun Pakatan Rakyat, pejabat penyelaras DUN Pakatan Rakyat, Pejabat Penghulu, Pusat Khidmat Wakil Rakyat Pakatan.

Pejabat DUN dan penyelaras DUN Pakatan Rakyat akan mengedarkan akhbar-akhbar ini pada program-program yang melibatkan wakil rakyat dan juga kerajaan negeri. Bermula akhir Februari 2012 menambah bilangan penerbitan SelangorKini sebanyak 50 ribu naskhah yang diedar secara khas dari rumah ke rumah mengikut kawasan yang dipilih pada setiap minggu.

Kajian Merdeka Center juga mendapati rakyat Selangor berpuas hati dengan kandungan Selangorkini.

- c) Akhbar SelangorKini mempunyai seorang Editor dan 5 orang wartawan. Manakala 4 orang pereka grafik. Setakat ini tiada kekangan yang khusus tetapi pihak SelangorKini dalam proses meningkatkan strategi pengedaran dengan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga pasaraya - pasaraya terpilih bagi meletakkan rak SelangorKini dan orang ramai boleh mengambilnya secara percuma.

Kos editorial adalah RM319,320.00 yang merangkumi gaji untuk kakitangan di atas. Ini tidak termasuk kos lain seperti sewa bangunan, kos elektrik, bil air, bil telefon dan internet.

Pada tahun 2011, kos pengedaran Selangorkini adalah RM744,130.00. Manakala RM2,483,288.92 telah digunakan pada tahun itu untuk mencetak Selangorkini pada 35 sen senaskhah untuk 16 muka surat berwarna. Tetapi mulai Januari tahun ini, pihak pengurusan telah menukar syarikat percetakan dan dapat menurunkan kos cetakan ke 25 sen senaskhah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : BANTUAN MODAL

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang telah diluluskan kepada pemohon-pemohon skim MIMBAR & SKIMSEL?
- b) Senaraikan pemohon yang berjaya mengikut bangsa.

JAWAPAN :

a)

MIMBAR

Program MiMBAR Selangor menyediakan dua (2) jenis program bantuan iaitu program mikrokredit dan program bantuan niaga. Program mikrokredit bermaksud program yang menyalurkan bantuan pinjaman dalam bentuk mikrokredit yang bertujuan menambahdana perniagaan manakala program bantuan niaga merupakan satu program yang memberi bantuan peralatan, ruang dan peluang perniagaan kepada peniaga kecil bagi membantu menambah hasil jualan dan pendapatan mereka. Justeru sehingga Februari 2012, MiMBAR Selangor telah memberikan pinjaman mikrokredit tanpa faedah kepada 2,488 peniaga kecil di seluruh bandar di Negeri Selangor dengan jumlah pinjaman sebanyak RM5,006,000.00. Manakala pinjaman berbentuk bantuan niaga pula, MiMBAR Selangor telah memberikan 34 kiosk burger dan ice blended kepada pemohon yang berjumlah sebanyak RM102,000.00. Ini bermakna MiMBAR Selangor telah menyalurkan sebanyak RM5,108,000.00 peruntukan pinjaman kepada 2,522 pemohon yang berjaya.

SKIMSEL

Peruntukan yang telah diluluskan sehingga 29 Februari 2012 kepada pemohon-pemohon SKIMSEL adalah sebanyak RM 18,938,850.

b)

MiMBAR

Statistik penerima MiMBAR Selangor bermula dari Bulan Mac 2011 hingga Februari 2012 mengikut etnik menunjukkan sebanyak 91.44% (2,275 orang) penerima terdiri daripada bangsa Melayu, 6.43% (160 orang) daripada masyarakat India dan 2.09% (52 orang) pula terdiri daripada bangsa Cina. Manakala sebanyak 0.04% (1 orang) pula adalah penerima yang terdiri di dalam golongan orang asal.

ETNIK/KAUM	JUMLAH	PERATUS (%)
MELAYU	2,275	91.44
INDIA	160	6.43
CINA	52	2.09
ORANG ASAL	1	0.04
JUMLAH KESELURUHAN	2,488	100.00

SKIMSEL

Jadual menunjukkan pemohon yang berjaya mengikut bangsa sehingga 29 Februari 2012

Cawangan	Asli	Cina	Iban	India	Kadazan	Lain-lain	Melayu	Serani	Jumlah
Gombak	0	0	0	0	0	0	84	0	84
Hulu Langat	0	2	0	3	1	0	823	0	829
Hulu Selangor	2	15	0	2	0	0	686	1	706
Klang	0	1	0	1	0	0	133	0	135
Kuala Langat	1	8	0	55	0	0	654	0	718
Kuala Selangor	0	5	0	27	0	0	769	0	801
Petaling	0	1	0	0	0	0	115	0	116
Sabak Bernam	0	0	0	3	0	0	961	0	964
Sepang	0	0	2	2	0	0	500	0	504
Jumlah Besar	3	32	2	93	1	0	4725	1	4857

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi bilangan anak yang telah berdaftar mengikut DUN dan jumlah wang yang telah dicarum oleh kerajaan ke dalam tabung ini sehingga sekarang?

JAWAPAN :


- a) Pendaftaran tabung warisan anak Selangor (TAWAS) mengikut DUN sehingga **29hb Feb 2012** adalah seperti berikut:

Nama DUN	Jumlah
Sungai Air Tawar	516
Sabak Bernam	785
Bukit Melawati	651
Ijok	1,219
Jeram	1,300
Sungai Burong	799
Permatang	833
Sekinchan	727
Sungai Panjang	1,149
HuluBernam	389
Kuala KubuBharu	914
Batang Kali	1,300
Rawang	1,862
Taman Templer	547
Kuang	536
Batu Caves	1,582
Gombak Setia	597
Hulu Kelang	319
Bukit Antarabangsa	211
Lembah Jaya	1,103
Chempaka	213
Teratai	373
DusunTua	746

Kajang	4,855
Semenyih	1,627
Bangi	1,642
Balakong	749
Seri Kembangan	1,298
Seri Serdang	1130
Kinrara	1,527
Subang Jaya	749
Seri Setia	332
Taman Medan	1,366
Bukit Gasing	156
KampungTunku	489
Damansara Utama	689
Bukit Lanjan	281
PayaJaras	1,283
Kota Damansara	1,072
Kota Anggerik	3,170
Batu Tiga	2,410
Meru	2,748
Sementa	1,420
Sungai Pinang	956
SelatKlang	1,650
Pelabuhan Klang	2,548
Pandamaran	2,832
Kota Alam Shah	2,154
Seri Andalas	1,959
Seri Muda	1,649
Sijangkang	2,656
Teluk Datuk	1,885
Morib	1,399
Tanjung Sepat	692
Dengkil	1,366
Sungai Pelek	703
Jumlah Keseluruhan Pendaftaran TAWAS	70,113

Jumlah wang yang telah dicarum oleh kerajaan sehingga 29hb Feb 2012 adalah seperti berikut:

Perkara	2008	2009	2010	2011	29-Feb-12	JUMLAH
JumlahAkaunAhli TAWAS	0	10,297	11,797	7,152	4,823	34,069



Laporan Status Jumlah Akaun Ahli TAWAS Yang Telah Dikreditkan Sehingga 29-Februari-2012

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : AGIHAN ZAKAT

83. Agihan zakat di negeri Selangor diakui antara yang terbaik di dalam negara kita namun ramai mendakwa permohonan terutamanya dari asnaf Fi Sabilillah masih ramai yang ketinggalan

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut?
- b) Berapakah jumlah penerima dan jumlah RM diterima?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan kepada Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor, harta zakat wajib diagihkan kepada lapan asnaf seperti mana yang dinyatakan dalam al-Quran (*at-Taubah: 60*). Namun begitu, empat asnaf utama atau disebut asnaf yang *muqaddam* (terawal) iaitu fakir, miskin, amil dan muafaf mestilah diberikan keutamaan dalam agihan zakat berbanding dengan empat asnaf yang *muahar* (terkemudian) iaitu riqab, gharimin, ibnu sabil dan fisabilillah.

Di Selangor, kebanyakan bantuan zakat di bawah asnaf fisabilillah adalah berbentuk sumbangan dan ia diberi berdasarkan permohonan semasa dan kelayakan mengikut kriteria yang telah digariskan di dalam Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor.

Banyak usaha telah dilaksanakan oleh LZS dalam membantu golongan fisabilillah terutama melalui Program Pembangunan Pendidikan. Ini termasuklah melalui Bantuan Umum Pelajaran yang diberikan bagi membantu meringankan beban pelajar sekolah dan IPT. LZS turut memberi bantuan zakat berbentuk dermasiswa kepada pelajar luar negara khususnya Mesir, Jordan dan Morocco.

Bagi membantu institusi agama di Negeri Selangor, LZS berperanan dalam menyalurkan bantuan zakat kepada masjid, surau dan sekolah agama yang memerlukan bantuan dari segi membina, membaik pulih dan peralatan.

- b) Penerima bagi asnaf fisabilillah adalah berbeza dengan asnaf fakir dan miskin. Ini kerana penerima bantuan di bawah asnaf fisabilillah terdiri daripada pelbagai individu dan institusi. Jumlah agihan zakat kepada asnaf fisabilillah adalah sebanyak **RM155,879,117 pada tahun 2011.**

Bilangan Penerima Mengikut Beberapa Jenis Bantuan

Jenis Bantuan	Bilangan (institusi/orang)
Elaun Bulanan Pegawai Masjid	3,096
Pembinaan / Baik Pulih Surau	117
Pembinaan / Baik Pulih Surau Sekolah	55
Pembinaan / Baik Pulih Masjid	24
Derasiswa Pelajar Belajar Di Luar Negara	536
Bantuan Umum Pelajaran	13,880

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: PERLAKSANAAN PROJEK CERIA DI SELURUH NEGERI SELANGOR

84. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan status dan perincian pelaksanaan Projek Ceria di seluruh Negeri Selangor bagi tahun 2011.

JAWAPAN:

- a) Status dan perincian pelaksanaan Skim CERIA bagi fasa I pada 2011 adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	NAMA KONTRAKTOR	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA	KEMAJUAN KERJA
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	LEMBAH JAYA	SINAR AZIMAT ENTERPRISE	69,300	4 unit tangki	100%
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	TERATAI	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	357,000	4 unit lif	5%
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	120,750	1 unit lif	100%
4.	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	BUKIT LANJAN	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	223,400	4 unit lif	15%
5.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A & B	MBPJ	TAMAN MEDAN	EITA ELEVATORS (M) SDN BHD	108,475.50	2 unit lif	100%
6.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	TAMAN MEDAN	ROYDEN (M) SDN BHD	8,144.85	2 unit lif	100%
7.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	TAMAN MEDAN	AL- DESIGN & CONSTRUCTION	262,500	Salur air hujan (gutter) 5 blok	100%

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	NAMA KONTRAKTOR	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA	KEMAJUAN KERJA
8.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	SERI SETIA	ROYDEN (M) SDN BHD	45,078.60	2 unit lif	100%
9.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	KAMPUNG TUNKU	AM-ADVANCE ELEVATOR (M) SDN BHD	138,442.50	3 unit lif	50%
10.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	SERI KEMBANGAN	AL- DESIGN & CONSTRUCTION	60,354	Salur air hujan (gutter) 4 blok	100%
11.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	DENGKIL	AL- DESIGN & CONSTRUCTION	98,595	Kerosakan bumbung yang menjejaskan 16 unit tingkat 5 Blok G	100%
12.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	KAJANG	NB FUTURE BRIGHT	19,005	Pembentong di Blok C	100%
13.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D & E	MPKj	DUSUN TUA	RK DESIGN & CONSTRUCTION	44,205	Bumbung Blok D & E	100%
14.	Pangsapuri Mentari	MBSA	KOTA DAMANSARA	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	49,350	3 unit lif	100%
15.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	KOTA ANGGERIK	POTENSI TERUS INDUSTRIES S/B	367,500	5 unit Lif	5%
16.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	PELABUHAN KLANG	DOVERS ELEVATORS (M) SDN BHD	115,500	2 unit lif	95%
17.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Kosas	MPAJ	LEMBAH JAYA	617	199,500	Kerosaka Bumbung melibatkan 134 unit	JMB masih gagal menjelaskan bayaran komitmen 10%
JUMLAH					RM2,287,140.45		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU – PENYALURAN DANA

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah dasar dan garis panduan utama penyaluran peruntukan-peruntukan dana bagi geran RM300 juta ini?
 - b) Apakah geran ini akan disalurkan menurut daerah-daerah pentadbiran di bawah Kerajaan Negeri?
 - c) Apakah Kerajaan Negeri ada perancangan untuk menyalurkan geran ini menurut DUN?

JAWAPAN :

- a) Terdapat beberapa dasar dan garis panduan utama dalam peruntukan-peruntukan dana geran Selangorku. Mekanisma pelaksanaan adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip seperti 'Value for Money' di mana hasil program berbaloi setiap ringgit yang dibelanjakan serta mengawal ketirisan agar setiap Ringgit benar-benar sampai ke sasaran. Selain ini, Pelaksana Projek tidak dari kalangan Pencetus Projek (pengisihan peranan bagi mengelakkan unsur-unsur 'conflict of interests'). Perneriksaan ('empowerment') rakyat terbanyak dan menitikberatkan pembinaan kemahiran serta kelestarian ('sustainability') bagi mengurangkan penggantungan berterusan. Penekanan kepada aspek kecekapan pelaksanaan, pemantauan rapi serta kawalan mutu perkhidmatan
- b) Projek-projek diluluskan mengikut keperluan dan sasaran Kerajaan Negeri adalah 2 projek setiap DUN bagi fasa pertama perlaksanaan sehingga Jun 2012.
- c) Jawapan seperti (b)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PRESTASI BOLA SEPAK SELANGOR

86. Prestasi bola sepak di Selangor meningkat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha yang dapat meningkatkan prestasi bola sepak Selangor?
- b) Senaraikan kejohanan yang dimenangi sejak kerajaan Pakatan memerintah Selangor.
- c) Adakah bola sepak Selangor melibatkan jurulatih dan pemain dari luar negara?

JAWAPAN :

- a) Kewangan dan perancangan yang konsisten adalah keperluan bagi meningkatkan lagi prestasi bola sepak Selangor. Manakala prestasi dari segi pentadbiran, kejurulatihan, pengadil dan pembangunan belia serta mengadakan kejohanan dari semua peringkat umur adalah bertujuan melahirkan ramai pelapis bola sepak di negeri Selangor
- b) Berikut adalah senarai kejohanan yang dimenangi sejak Kerajaan Pakatan memerintah Selangor:
 - Liga Super (2009,2010)
 - Piala FA (2009)
 - Piala Selangor (2008)
 - Piala Presiden (2008)
 - Piala Sumbangsih (2009, 2010)
 - Futsal Wanita (2009, 2010)
 - Futsal Lelaki (2010)
- c) Mulai tahun 2012, FAM telah membenarkan pemain dari luar Negara untuk bermain di Liga Malaysia. Pasukan Selangor telah memilih 2 orang pemain dari luar Negara dan jurulatih Selangor adalah jurulatih tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PENAMATAN KONTRAK ALAM FLORA

87. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- (a) Sila nyatakan secara detail apakah punca utama Syarikat Alam Flora yang mengendalikan kerja-kerja kutipan sampah telah menamatkan kontrak mereka dengan semua PBT ?
 - (b) Sila nyatakan berapakah penjimatan yang dapat diperolehi oleh setiap PBT selepas penamatan kontrak dengan syarikat Alam Flora ?
 - (c) Sila perelaskan apakah cara penyelesaian tunggakan-tunggakan hutang yang masih belum dijelaskan oleh semua PBT kepada syarikat tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Punca utama adalah disebabkan kerana pihak **AFSB berpendapat bahawa tempoh peralihan selama tiga (3) bulan** yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri sebenarnya **adalah lebih lama dari apa yang diperlukan**. Oleh yang demikian, pihak AFSB secara sukarela telah mencadangkan penyelesaian secara baik (*amicable settlement*) iaitu dengan menyerahkan kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam kepada Kerajaan Negeri berkuat kuasa pada 16 Oktober 2011. Selain daripada itu, pihak AFSB menyatakan alasan bahawa majoriti perkhidmatan kutipan sampah sedang dijalankan oleh kontraktor sedia ada, di mana PBT hanya perlu mengambil alih dan terus mentadbir kontraktor berkenaan.
- b) Setelah proses pengambilalihan dilaksanakan, semua PBT menyuarakan bahawa terdapat penjimatan terutama daripada segi kos berbanding semasa di bawah kendalian pihak AFSB. Jumlah penjimatan tersebut dapat dilihat seperti di **LAMPIRAN 1**.
- c) Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya semua PBT agar dapat menyelesaikan semua tunggakan hutang kepada pihak AFSB setelah proses pengambilalihan bagi kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam dilaksanakan. Walau bagaimanapun, melalui Mesyuarat Tunggakan Hutang PBT pada 21 November 2011 pihak Majlis Daerah Kuala Langat (**MDKL**) dibenarkan supaya membayar secara ansuran sehingga tahun 2013 mengikut kepada perjanjian pembayaran yang telah ditetapkan sejak tahun 2009. Manakala pihak Majlis Daerah Kuala Selangor (**MDKS**) dan Majlis Daerah Sabak Bernam

(MDSB) telah menyediakan kertas pertimbangan kepada Kerajaan Negeri bagi memohon peruntukan tambahan.

LAMPIRAN 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN (RM)
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	22,844,403.60
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	15,000,000.00
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	2,500,000.00
4.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	6,000,000.00
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	1,800,000.00
6.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	6,000,000.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	12,705,884.62
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	3,121,625.76
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	6,800,000.00
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	1,220,824.75
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	TIADA
12.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	2,955,477.40
	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN	80,948,216.13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : ANAK TAK SAH TARAF

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah statistik terkini anak tak sah taraf di Selangor?
- b) Apakah program yang telah dijalankan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Seperti di lampiran.

STATISTIK BAHAGIAN BKA JPN SELANGOR BAGI TAHUN**2008, 2009, 2010 DAN 2011****JUMLAH REKOD KELAHIRAN DAN KEMATIAN DI SELANGOR**

KATEGORI	2008	2009	2010	2011	KESELURUHAN
Kelahiran	78,724	80,851	80,198	83641	323,414
Kematian	15,780	16,495	16,550	17,117	65,942

JUMLAH REKOD ANAK TAK SAH TARAF DI SELANGOR

KATEGORI	2008	2009	2010	2011	KESELURUHAN
Melayu	2,352	2,407	2,630	2,559	9,948
Cina	770	673	604	558	2,605
India	1,287	1,362	1,329	1,504	5,482
Lain-lain	1,753	1,769	2,047	2,662	8,231
JUMLAH	6,162	6,211	6,610	7,283	JUMLAH

KESELURUHAN:

26,266

- b) Di bawah Pelan Tindakan menangani gejala sosial Negeri Selangor satu program khas yang dikenali Kempen Anti Zina telah dirangka untuk **menangani** masalah gejala membuang bayi dan kelahiran anak luar nikah yang menyumbang kepada peningkatan kes anak tidak sah taraf. Kempen Anti Zina merupakan satu usaha yang holistik yang melibatkan pelbagai jabatan/ agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Agama Islam Selangor, PDRM, RELA, Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's). Kempen ini mempunyai dua fasa, fasa pertama risalah berkaitan bahaya zina diedarkan di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan orang awam. Untuk Fasa kedua adalah penguatkuasaan yang di ketuai oleh Pejabat Agama Islam daerah di seluruh Negeri Selangor. Sehingga Februari 2012 sebanyak 6 siri kempen anti zina telah dilaksanakan di mana ia dilancarkan pada 31 Ogos 2010 sempena sambutan Kemerdekaan yang lalu.

Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor telah memutuskan untuk melaksanakan Seminar Pengurusan Cinta di Sembilan Daerah di Negeri Selangor yang melibatkan Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Seminar ini akan memberi pendedahan kepada remaja mengenai kaedah pengurusan cinta yang mengikut syariat Islam serta keperluan cinta dalam kehidupan dan secara langsung akan mencegah mereka daripada terjebak dengan perkara maksiat.

Selain itu, pendedahan pencegahan zina juga diadakan dalam siri ceramah yang berbentuk santai serta persembahan daripada artis tempatan. Kaedah seumpama ini dilaksanakan bertujuan untuk menarik golongan belia dan remaja untuk terlibat dalam program ini. Kejayaan penganjuran Sambutan Tahun Baru 2012 yang mencatatkan pengunjung seramai 80 000 orang di Dataran Kemerdekaan Shah Alam telah membuktikan Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan sangat serius dalam usaha menangani gejala sosial. Inisiatif ini akan diteruskan pada masa hadapan untuk menggalakkan remaja dan belia khusus untuk meraikan sesuatu sambutan dalam bentuk terkawal dan tidak melanggar batas-batas Islam yang secara tidak langsung akan menyumbang kepada peningkatan kes maksiat dan jenayah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM MAMOGRAM PERCUMA KEPADA WANITA SELANGOR (MAMMOSEL)

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perkembangan terbaru program ini dan beri statistik yang wanita yang telah berdaftar mengikut daerah dan DUN?

JAWAPAN :

a) Setakat 31 Januari 2012 seramai 14,776 wanita di Selangor telah mendapat manfaat daripada pemeriksaan mammogram percuma yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Hasil daripada program ini, seramai 141 wanita disyaki menghidap penyakit kanser telah berjaya dikesan. Statistik wanita yang telah berdaftar mengikut daerah dan DUN adalah seperti berikut:

No	Daerah	Jumlah	DUN		Jumlah
1	Sabak Bernam	2106	N1	Sungai Ayer Tawar	509
2			N2	Sabak	449
3			N3	Sungai Panjang	837
4			N4	Sekinchan	311
5	Hulu Selangor	612	N5	Hulu Bernam	108
6			N6	Kuala Kubu Bahru	110
7			N7	Batang Kali	394
8	Kuala Selangor	1335	N8	Sungai Burong	524
9			N9	Permatang	362
10			N10	Bukit Melawati	90
11			N11	Ijok	295
12			N12	Jeram	64
13	Gombak	1412	N13	Kuang	254
14			N14	Rawang	274
15			N15	Taman Templer	197
16			N16	Batu Caves	329
17			N17	Gombak Setia	252
18			N18	Hulu Kelang	106

19	Hulu Langat	1244	N19	Bukit Antarabangsa	152
20			N20	Lembah Jaya	90
21			N21	Cempaka	211
22			N22	Teratai	369
23			N23	Dusun Tua	183
24			N24	Semenyih	26
25			N25	Kajang	94
26			N26	Bangi	35
27			N27	Balakong	84
28	Petaling	2641	N28	Sri Kembangan	357
29			N29	Sri Serdang	273
30			N30	Kinrara	254
31			N31	Subang Jaya	416
32			N32	Seri Setia	55
33			N33	Taman Medan	236
34			N34	Bukit Gasing	37
35			N35	Kampung Tunku	286
36			N36	Damansara Utama	51
37			N37	Bukit Lanjan	206
38			N38	Paya Jaras	242
39			N39	Kota Damansara	228
40	Petaling dan Klang	284	N40	Kota Anggerik	100
41			N41	Batu Tiga	184
42	Klang	2196	N42	Meru	431
43			N43	Sementa	111
44			N44	Sungai Pinang	147
45			N45	Selat Klang	348
46			N46	Pelabuhan Klang	22
47			N47	Pandamaran	51
48			N48	Kota Alam Shah	23
49			N49	Seri Andalas	886
50			N50	Sri Muda	177
51			Kuala Langat	1719	N51
52	N52	Teluk Datuk			925
53	N53	Morib			456
54	Kuala Langat dan Sepang	1150	N54	Tanjong Sepat	638
55			N55	Dengkil	104
56			N56	Sungai Pelek	408
57				Kakitangan Kerajaan	77
			Jumlah		14,776

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KEBAJIKAN RAKYAT

90. Suasana ekonomi global yang tidak menentu menuntut kerajaan negeri untuk lebih berhemah dalam berbelanja tetapi itu tidak bermakna kebajikan rakyat diketepikan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Jelaskan strategi kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan rakyat tidak terabai walaupun dilanda masalah ekonomi yang tidak menentu sekarang.

JAWAPAN :

- a) Seperti kita sedia maklum, keadaan ekonomi global pada masa kini didapati tidak menentu dan ia sekaligus mempengaruhi keadaan ekonomi Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor prihatin ke atas kebajikan rakyat dan menyedari bahawa dalam keadaan seperti ini terdapat masyarakat yang memerlukan bantuan. Keprihatinan Kerajaan Negeri dapat dilihat melalui program kebajikan yang telah dirangka dan dilaksanakan seperti berikut:
- i. Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang merupakan program yang memberi manfaat kepada semua anak Selangor dengan perlindungan insurans sehingga berusia 18 tahun. Pada usia 18 tahun, semua anak Selangor ini berpeluang menerima RM1,500 seorang hasil caruman di dalam pelaburan ini. Sehingga Januari 2012, seramai 30,574 orang anak kelahiran negeri Selangor yang menepati syarat berjaya diluluskan untuk program ini.
 - ii. Program Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang diwujudkan bertujuan memberi bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja ladang untuk menyambung pelajaran dalam kursus kemahiran teknikal di INPENS dan juga pembiayaan kewangan seperti yuran sekolah, tambang bas sekolah dan sebagainya. Sehingga Januari 2012, seramai 6,352 orang anak pekerja ladang yang telah menerima faedah daripada program ini.
 - iii. Program Hadiah Anak Masuk Universiti, yang mana Kerajaan Negeri memberikan wang tunai RM1,000 kepada anak Selangor yang mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi. Sehingga Januari 2012, seramai 24,916 pelajar menerima hadiah RM1,000 hasil daripada program ini.

- iv. Program Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) yang bertujuan untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak khususnya bagi kes-kes seperti rogol, liwat, keganasan rumah tangga, penderaan dan sebagainya. Pusat ini bertindak sebagai *first respondent/point of contract* bagi kes-kes seperti yang dinyatakan di atas.
- v. Program Skim Kesihatan Wanita yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan Mammogram percuma bagi wanita Selangor berumur 35 tahun ke atas bagi memastikan kesihatan wanita terjaga dan dalam keadaan optimum. Sehingga Januari 2012, seramai 13,949 orang telah menerima faedah daripada program ini.
- vi. Program Pusat Dialisis Rakyat juga telah diwujudkan bagi membantu mereka yang memerlukan rawatan dialisis secara percuma. Sehingga Januari 2012, seramai 49 orang yang telah membuat pemeriksaan dialisis secara percuma melalui program ini.
- vii. Program Kemudahan Cuti Tambahan yang meliputi Cuti Bersalin 90 Hari, Cuti 14 Hari untuk Suami yang Isterinya Bersalin, dan Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari. Sehingga Januari 2012, seramai 31 orang yang telah menerima manfaat daripada kemudahan cuti tambahan ini.
- viii. Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) yang bermatlamat membantu golongan miskin memperoleh dana bagi menjalankan perniagaan sebagai salah satu usaha membebaskan mereka dari kitaran kemiskinan. Sehingga Januari 2012, seramai 5,576 orang telah memperoleh bantuan hasil daripada pelaksanaan program ini.
- ix. Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) yang diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan mereka dengan membuka perniagaan, perusahaan kecil-kecilan. Sehingga Januari 2012, seramai 1,912 orang yang telah menerima manfaat program ini.
- x. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga melaksanakan Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu Pertama kepada semua pengguna yang menggunakan meter individu. Secara puratanya, sebanyak 1.2 juta orang yang menerima faedah ini setiap bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU – SUMBER DANA

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah anggaran geran berjumlah RM300 juta ini bersumberkan dari sumbangan dividen GLC Negeri?
 - b) Berapakah keseluruhan nilai sebenar hutang-hutang lapuk dari Syarikat Talam Corporation yang menjadi sumber dana geran ini?
 - c) Berapakah anggaran hasil dari penstrukturan semula Canal City yang menjadi sumber dana geran ini?

JAWAPAN :

- a) Geran Selangorku oleh MBI tidak melibatkan sumbangan dividen GLC negeri dan perolehannya adalah dari 2 sumber iaitu:
 - 1) PENGSTRUKTURAN HUTANG TALAM yang berjumlah RM391,986,473 dengan jumlah terkumpul setakat ini sebanyak RM286,774,252.54 dan
 - 2) PENDEKATAN BARU PENGURUSAN TANAH BERDASARKAN PENETAPAN KONSEP PEMBANGUNAN PADA HARGA PASARAN dimana RM124,566,975.00 telah dikumpulkan melalui permohonan Serah Balik Keseluruhan Tanah di bawah Sek. 197 KTN dan Pemberimilikan Tanah di bawah Sek. 76 KTN seluas 257.17hektar (625.595 ekar) di Daerah Hulu Langat kepada Industri (Kuari) dan Pertanian oleh Tetuan Bolton Berhad dan seterusnya serah balik dan berimilik kepada Prestige Capital Sdn Bhd untuk tujuan pembangunan bercampur.
- b) Sepertimana (a) (1) di atas
- c) Setakat ini sumber dana tidak melibatkan penstrukturan semula Canal City.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

92. Kerajaan Selangor telah membuka rumah mampu milik.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah rumah mampu milik yang sudah dan sedang dibina?
- b) Bagaimanakah sambutan rakyat terhadap rumah mampu milik?
- c) Rumah mampu milik terawal dibina adalah di Bandar Baru Bangi, mengapakah hingga kini masih belum siap?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah mensasarkan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2011 hingga tahun 2016 dan tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya. Sebagai langkah permulaan, PKNS telah merancang untuk membina sebanyak 1,948 unit sehingga penghujung tahun 2012 dengan lokasi-lokasi adalah seperti berikut:

Kawasan	Jenis Perumahan	Bilangan Unit	Status Pelaksanaan
Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat	Pangsapuri	124	14% Kerja-kerja di tapak
Seksyen U12, Shah Alam, Petaling (PKNS /Debbin Sdn. Bhd),	Pangsapuri	96	Menunggu Kelulusan Kebenaran Merancangdari MBSA
Seksyen U12, Shah Alam, Petaling (PKNS / Must Ehsan Sdn. Bhd.)	Pangsapuri	400	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Antara Gapi, Hulu Selangor	Town House	128	Pindaan Pelan Susunatur telah dikemukakan kepada

			MDHS
Kota Puteri, Kuala Selangor	Town House	300	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Kg. Seri Temenggong, Gombak	Pangsapuri	500	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Taman Sains Selangor II, Sepang	Pangsapuri	400	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Jumlah		1,948	

Di samping Projek Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh PKNS, Kerajaan Negeri juga telah menerima beberapa permohonan daripada pemaju untuk melaksanakan Projek Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru. Sehingga kini terdapat 671 unit rumah yang telah dan akan dibina. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Kawasan	Jenis Perumahan	Bilangan Unit	Status Pelaksanaan
Taman Alam Budiman Seksyen U10, Shah Alam	Pangsapuri	536	EXCO telah luluskan pada 30 Nov 2011
Bandar Sg. Long, Cheras Daerah Hulu Langat	Pangsapuri	135	Dalam pembinaan (70%)
Jumlah		671	

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sejak Kerajaan Negeri melancarkan Skim Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru pada 6 Julai 2011, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menerima permohonan sebanyak 654 orang pemohon untuk memiliki Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru di seluruh Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, 641 pemohon merupakan permohonan yang diterima di Daerah Hulu Langat khususnya untuk memiliki rumah di Projek Perintis di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi.

Untuk makluman juga, seramai 124 orang pemohon yang layak telah pun ditawarkan untuk memiliki Rumah Mampu Milik di Projek Perintis oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor berdasarkan kepada senarai nama yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Nama. Senarai nama tersebut telah pun dipanjangkan kepada PKNS untuk tindakan urusan jual beli.

- c) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Projek Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi pada 3 Jun 2011 telahpun dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Projek Perintis. Projek ini mengandungi sebanyak 124 unit rumah mampu milik yang terdiri daripada 4 unit yang berkeluasan 700 kaki persegi, 16 unit berkeluasan 750 kaki persegi dan 104 unit berkeluasan 800 kaki persegi. Sehingga 7 Mac 2012, kerja-kerja pelaksanaan di tapak telah mencapai 14%. Kerja-kerja pembinaan Projek Perintis Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru ini telah bermula pada 12 Julai 2011 dan dijangka siap pada 27 November 2012 iaitu mengambil masa kira-kira 99 minggu. Berdasarkan kepada pencapaian progres di tapak mendapati ianya berjalan sebagaimana jadual kerja yang telah ditetapkan oleh pihak kontraktor iaitu PKNS Engineering & Construction Bhd. (PECB) dengan dipersetujui oleh PKNS sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUE LIM
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH PERMOHONAN TANAH BAGAN SEKINCHAN DAN BAGAN
BNO**

93. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan apakah status terkini proses permohonan dan pewartaan tanah lorong 6 hingga lorong 12 Bagan Sekinchan ?
 - b) Sila nyatakan apakah status terkini proses permohonan tanah Bagan Nakhoda Omar ?
 - c) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh PTD Sabak Bernam dalam konteks mempercepatkan proses kelulusan kedua-dua tanah tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Perkembangan terkini tentang proses permohonan tanah lorong 6 hingga lorong 12 yang telah diluluskan oleh MMKN pada 9 Februari 2011 adalah di peringkat untuk penyediaan pelan PA kawasan yang telah dilulus pembatalan rizab Melayu seperti yang diperlukan oleh Penasihat Undang-undang PTG pada 10 Oktober 2011. Pihak Pentadbir Tanah Daerah sedang menyediakan pelan PA kawasan yang telah diluluskan pembatalan.
- b) Perkembangan terkini tentang proses permohonan tanah Bagan Nakhoda Omar ditangguhkan. Kawasan yang dipohon adalah kawasan Rizab Melayu. Pentadbir Tanah Daerah telah membuat permohonan membatalkan kawasan Rizab Melayu, Bagan Nakhoda Omar untuk diganti Tanah Kerajaan Sungai Panjang. Kertas Ringkasan telah dihantar ke Pejabat Tanah Galian untuk dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 3 Februari 2012.
- c)
 - i) Proses Pembatalan belum selesai di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
 - ii) Menunggu Pelan Akui daripada pihak JUPEM.
 - iii) Dapatkan No. Warta Pembatalan daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
 - iv) Proses permohonan Pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : SMUE

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang digunakan sehingga 2011?
- b) Berapakah bilangan ahli yang mendapat manfaat?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 31hb Disember 2011 sejumlah RM62.847 juta telah digunakan untuk bayaran manfaat kepada Penama kepada Ahli Skim Mesra Usia Emas ini.
- b) Seramai 26,784 orang merupakan penerima bayaran Fasa Pertama (RM1,000.00) sementara 24,042 orang merupakan penerima bagi Fasa Kedua (RM1500.00).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK PEMBANGUNAN ISLAM

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak peruntukan yang telah diluluskan dan dibelanjakan untuk pembangunan Islam termasuk pembinaan dan penyelenggaraan masjid atau surau sama ada yang baru atau sediaada serta program-program keagamaan yang lain setiap tahun sejak 2004?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI SELANGOR

96. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah pekerja Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Selangor yang mendapat manfaat kenaikan gaji minima mengikut GLC masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Memandangkan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang di bawah MBI tidak mempunyai kakitangan yang digaji di bawah polisi gaji minima, oleh yang demikian, tiada pekerja di yang terlibat dalam polisi ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PENGGUNAAN AIR LOMBONG

97. Kerajaan Selangor akan menggunakan air lombong bagi menampung sekiranya kekurangan air di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan dalam keadaan kritikal menghadapi keperluan air?
- b) Menurut kajian, air lombong membahayakan kesihatan, bagaimanakah mengatasinya?
- c) Jika benar-benar kritikal adakah kerajaan negeri bercadang menyalurkan air dari luar Selangor?

JAWAPAN :

- a) Mengikut Kajian Semula Sumber Air Negara (KSAN, 2000-2005) yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, taburan hujan tahunan bagi Negeri Selangor adalah 2190mm.

Setelah mengambil kira jumlah penyejatan dan pengisian semula (recharge) air bumi, jumlah air larian permukaan adalah 760 mm iaitu bersamaan 6.38 billion meter padu setahun (17,000 juta liter sehari (JLH)).

Keperluan air termasuk bekalan air, penternakan dan sebagainya di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2010 berjumlah 6,132 JLH dan keperluan 'environmental flow' dianggarkan sebanyak 1,700 JLH.

Jumlah keseluruhan keperluan air adalah 7,832 JLH. Ini bermakna sejumlah 9,168 JLH air larian permukaan yang masih belum dimanfaatkan termasuklah air di dalam kolam tadahan banjir, kolam bekas lombong dan sebahagiannya mengalir terus ke laut.

Pengurusan sumber air yang efektif menggunakan kaedah dan pendekatan yang sesuai dengan mengambil manfaat daripada jumlah hujan yang banyak perlu dilaksanakan untuk menjamin kecukupan keperluan air.

- b) Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mengadakan pensampelan kualiti air terhadap 30 buah kolam bekas lombong pada tahun 2005 dan memilih 17 buah lombong yang sesuai dijadikan sumber air alternatif. Salah satu kriteria utama pemilihan kolam bekas lombong adalah ujian kualiti airnya adalah menepati piawaian air mentah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada tahun 2011, pensampelan dilakukan sekali lagi terhadap 17 buah lombong tersebut bagi mengkaji kesesuaian sumber air lombong untuk tujuan semakan kualiti terkini dan juga pemertanian. Sekiranya air kolam bekas lombong digunakan sebagai sumber bagi bekalan air, air tersebut perlu dirawat dan mesti menepati piawaian air minum oleh Kementerian Kesihatan Malaysia selain mendapat kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk menjalankan operasi loji pembersihan air.

- c) Daripada Kajian Semula Sumber Air Negara (KSAN, 2000-2005), Negeri Selangor masih mempunyai banyak sumber air yang boleh digunakan dengan pengurusan yang efisien dan mantap. Penyaluran air mentah dari negeri luar pada masa ini adalah tidak perlu dan ia menjadi sumber terakhir bagi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERUNTUKAN YANG DIBELANJAKAN OLEH JKM

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang di belanjakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor kepada penerima-penerima bantuan bulanan di seluruh Parlimen Ampang bagi tahun 2010 & 2011 secara terperinci, berikan mengikut UMUR dan BANGSA?

JAWAPAN :

Peruntukan yang dibelanjakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor bagi kepada penerima bantuan bulanan di Parlimen Ampang bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di bawah :

2010		
ETNIK	JUMLAH PENERIMA BANTUAN	RM
MELAYU	1,130	894,960.00
CINA	904	715,968.00
INDIA	226	178,992.00
JUMLAH	2,260	1,789,920.00

2011		
ETNIK	JUMLAH PENERIMA BANTUAN	RM
MELAYU	1,105	2,358,070.00
CINA	221	471,614.00
INDIA	884	1,886,456.00
JUMLAH	2,210	4,716,140.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: PEMBIAYAAN PENDIDIKAN MELALUI WANG ZAKAT

99. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah wang zakat Negeri Selangor yang digunakan untuk membiayai pendidikan anak negeri Selangor khususnya di Timur Tengah pada tahun 2011 dan berapakah jumlah pelajar yang mendapat manfaat daripada wang tersebut dengan perincian mengikut daerah.

JAWAPAN:

a)

**BAYARAN DERMASISWA PELAJAR LUAR NEGARA
BAYARAN PELAJAR LAMA 2011 (Tahun 2 ke atas)**

NEGARA	BIDANG PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH (RM)
Morocco	Pengajian Islam	15	194,000.00
Jordan	Pengajian Islam	53	848,000.00
Mesir	Pengajian Islam	231	1,742,000.00
	Perubatan	86	1,640,000.00
JUMLAH		385	4,424,000.00

**BAYARAN DERMASISWA PELAJAR LUAR NEGARA
BAYARAN PELAJAR BARU 2011 (Tahun pertama sesi 2011/2012)**

NEGARA	BIDANG PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH (RM)
Morocco	Pengajian Islam	2	13,000.00
Jordan	Pengajian Islam	36	288,000.00
Mesir	Pengajian Islam	107	535,000.00
	Perubatan	6	180,000.00
JUMLAH		151	1,016,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PELANCONGAN

100. Pelancongan merupakan sektor yang mampu membawa keuntungan dan membawa hasil kepada kerajaan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan Tourism Selangor dalam mempromosikan destinasi pelancongan di negeri ini, dan sejauh manakah kejayaan Tourism Selangor dalam menjalankan usaha-usaha tersebut.?

JAWAPAN :

- a) Tourism Selangor berperanan mempromosikan destinasi pelancongan di Negeri Selangor. Pelbagai aktiviti promosi diadakan di dalam dan luar negara untuk memperkenalkan produk pelancongan Negeri Selangor. Antara program promosi yang diadakan pada tahun 2011 adalah seperti berikut;

- 1) Program promosi dalam negara diadakan adalah bertujuan mempromosikan produk pelancongan di Negeri Selangor kepada masyarakat tempatan.

Bil.	Program	Tarikh
1.	MASUM 2011	14 – 16 Januari 2011
2.	Le Tour de Langkawi (Skuad Selangor Shines)	28 – 29 Januari 2011
3.	Sambutan 3 tahun Pentadbiran Negeri Selangor Dan Pelancaran Buku Jingga	5 – 6 Mac 2011
4.	Pesta Air, Bagan Lalang	19 – 20 Mac 2011
5.	Skuad Selangor Shines – Di Peringkat Sekolah-Sekolah Negeri Selangor (Keseluruhan ialah 12 buah sekolah)	Sepanjang 2011 bermula dari 28 Februari 2011
6.	Skuad Selangor Shines-Program Promosi Bersama AEON Jusco (Bukit Indah Johor dan Mahkota, Cheras)	Sepanjang 2011 bermula dari 15 April 2011
7.	Matta Fair (Johor, Sabah, Sarawak, Kelantan)	Sepanjang 2011

8.	Misi Jualan Domestik, Sarawak	5 – 11 April 2011
9.	Selangor Heritage Photo Carnival	4 Jun 2011
10.	Sepang Super Japan GT	18 – 19 Jun 2011
11.	Karnival Kraf Negeri Selangor	25 – 26 Jun 2011
12.	Miss Universe Pre-Launch, Sunway Pyramid	30 April 2011
13.	Pelancaran Logo Selangorku	24-25 Julai 2011
14.	Taklimat kepada UPEN Kedah	22 Julai 2011
15.	Centro Run Klang	23-24 Julai 2011
16.	Tour for Guests from Holand (Mr. Hoogland)	22-23 September 2011
17.	Program Promosi Selangorku (1)	24-25 September 2011
18.	Karnival Maritim Peringkat Kebangsaan	1-2 Oktober 2011
19.	Kuala Lumpur Photo Fair (KLPF) 2011	7-9 Oktober 2011
20.	Program Promosi Selangorku (2)	8-9 Oktober 2011
21.	Kembara Selangor Shines Bersama ETS	13 Oktober 2011

2) Program Promosi Luar Negara

Bil.	Program	Destinasi	Tarikh
1.	ASEAN Travel Forum	Phnom Penh, Cambodia	15 – 21 Jan 2011
2.	Fascinating Malaysia Travel Fair Selangor	Singapore	21 – 23 Jan 2011
3.	Seminar & Travel Mart for Central Region	Singapore	22 Mac 2011
4.	ITHF, Jakarta	Indonesia	8 – 10 Apr 2011

5.	Arabian Travel Mart	UAE	2 – 5 Mei 2011
6.	ITE, Vietnam	Vietnam	14 – 17 Sep 2011
7.	Ta Ra Nasa Malaysia Travel Fair	Filipina	13-18 Jul 2011
8.	PATA New Delhi	India	6 – 9 Sep 2011
9.	JATA, Japan	Jepun	29 Sep – 2 Okt 2011
10.	Selangor Meets Brunei	Brunei	28 Jul 2011
11.	WTM London	London	7 – 10 Nov 2011
12.	Guangzhou Fair 2011	China	26 – 29 Ogos 2011
13.	Selangor Meets Taiwan	Taiwan	18 – 21 Dis 2011

3) Acara-acara untuk mempromosikan Negeri Selangor

Bil.	Program	Destinasi	Tarikh
1.	Pekan Frinjan	Dataran Shah Alam, Kompleks Belia & Kebudayaan	Setiap bulan tahun 2011
2.	International Open Street Carnival	Perkarangan Taman MBPJ	24-28 Februari 2011

3.	Pesta Air Selangor	Pantai Bagan Lalang	13 Mac 2011
4.	Let's Travel Treasure Hunt On Wheels 2011	Shah Alam - Sabak	28-29 Mei 2011
5.	Karnival Fotografi Warisan Selangor	Jambatan Kota, Klang	4 Jun 2011
6.	Foodster Blogging Competition	Seluruh Selangor	Dianjurkan pada 1 Mei -31 Mei 2011
7.	Selangor Fun Ride To Genting 2011	Sabak Bernam	26 Jun 2011
8.	Muzikal Extravaganza a) Magical Musical b) Urbanscape c) Pertandingan Koir Selangor Shines 2011	Petaling Jaya, Subang Jaya & Shah Alam	10 Jun – 24 Jul 2011 10 Jun – 17 Jul 16 Julai 2011 16-17 Julai 2011
9.	Festival Bon Odori	Shah Alam	16 Julai 2011
10.	Voltage Selangor Super Series	Litar Antarabangsa Sepang	24 September 2011
11.	My Selangor Story 2 Bloggers Competition	Sekitar Selangor	28 Okt – 2 Nov
12.	Pesta Sayap	Taman Alam, Kuala Selangor	22- 23 Oktober 2011

13.	Selangor Coastal Delicious Food & Travel Expo	Klang	3 & 4 Disember 2011
14.	Selangorlicious Campaign	Seluruh Selangor	

- 4) Acara tambahan yang dijalankan oleh Tourism Selangor untuk mempromosikan pelancongan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Tempat	Tarikh
1	"Live Tweet" @ Karnival Tahun Baru Cina Negeri Selangor 2011	Jalan Sulaiman, Kajang	12 Februari 2011
2	Super GT International Series	Litar Antarabangsa Sepang	17-19 Jun 2011
3	MBPJ Inline Hockey Tournament 2011	Stadium Hoki MBPJ	24-25 Jun 2011
4	Pelancaran Logo kraf Negeri Selangor 2011	GM Wholesale Klang	25-27 Jun 2011
5	Sambutan Hari Malaysia Negeri Selangor	Dataran Kemerdekaan Shah Alam	16 September 2011
6	Iftar Jamaie Bersama Stanco Pelancongan Selangor 1432H	I- City	9 Ogos 2011
7	Kuala Lumpur Photography Festival (KLPF 2011)	Mid Valley Megamall	7-9 Oktober 2011
8	TS Day Out	Pulau Ketam	15 Oktober 2011

- 5) Pada tahun 2011, Tourism Selangor juga mencetak bahan risalah dan brosur pelancongan Negeri Selangor untuk dipromosikan kepada orang ramai di dalam dan luar negara. Antara risalah dan brosur yang dicetak adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Bahan Promosi Bercetak
1	CD Selangor Breakaway
2	DVD Selangor
3	Peta Pelancongan Selangor
4	Risalah Selangor (General)
5	CD MICE
6	Homestay in Selangor
7	Golfing in Selangor
8	Food Directory
9	Selangor Coffee Table
10	Risalah pelancongan setiap daerah
11	Risalah "Shopping & Theme Park"
12	Risalah "Health & Education)
13	Risalah Kelip-kelip
14	Risalah Produk TSSB

- 6) Terbitan majalah, akhbar, laman sesawang dan media elektronik juga dibuat untuk tujuan mempromosikan produk pelancongan Negeri Selangor.

Bil	Jenis Bahan Promosi Bercetak
1	Keluaran Khas Selangor Vision
2	Majalah Travel 3 Sixty
3	Majalah Libur
4	Akhbar Sinar Harian
5	Akhbar Selangor Kini
6	Selangor Times
7	Malaysia Kini
8	Visitor
9	TV Selangor

- 7) Pemasangan papan *billboard* juga sangat berkesan untuk mempromosikan produk pelancongan di Negeri Selangor. Tourism Selangor juga ada memasang papan *billboard* seperti berikut:

Bil	Jenis Billboard	Lokasi
1.	Billboard 11" x 41"	a) Kuala Lumpur b) Pulau Pinang c) Langkawi d) Johor e) Melaka f) Kota Kinabalu g) Sarawak
2.	Unipole 20'x80'x2 sided	Km 5.5 (NB) dari KLIA ke Plaza tol
3.	Billboard 15' (H) x 36' (W)	Terminal Building along main driveway, LCCT
4.	Billboard 10' x 40'	a) KLIA (selepas plaza tol) ke Putrajaya Interchange b) Putrajaya Interchange ke KLIA berhampiran R&R Dengkil
5.	Mini Unipole	Terminal Subang Skypark

- 8) Pada tahun 2011 juga, Tourism Selangor menganjurkan Familiarization Tour untuk memperkenalkan produk pelancongan Negeri Selangor terutama produk-produk baru pelancongan.

Bil	Program	Tarikh
1.	Fam Tour bagi Agensi Pelancongan Singapura	28-31 Jan 2011
2.	Selangor Shines Fam Tour 2011	Disember 2011

Program promosi yang dijalankan memberi kesan yang positif kepada industri pelancongan Negeri Selangor kerana menunjukkan peningkatan kedatangan pelancong ke Negeri Selangor. Peningkatan sebanyak 206,560 pengunjung berbanding tahun 2010.